



PENYATA, STATISTIK DAN AKTIVITI



AHLI LEMBAGA



Untuk maklumat seterusnya



DATUK SYED ZAID ALBAR



DATUK ZAINAL IZLAN ZAINAL ABIDIN



DATO' WEE HOE SOON
@ GOOI HOE SOON



DATUK DR ZUNIKA MOHAMED



DATIN RASHIDAH MOHD SIES



LYNETTE YEOW SU-YIN



DATUK SYED ZAID ALBAR
Dilantik 1 November 2018

Datuk Syed Zaid Albar ialah Pengerusi Eksekutif SC. Sebelum dilantik sebagai Pengerusi SC pada 1 November 2018, beliau merupakan Rakan Urusan sebuah firma guaman terkemuka di Kuala Lumpur.

Ketika ini, Datuk Syed Zaid mempengerusikan Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDP) dan ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pelaporan Kewangan. Beliau juga dilantik sebagai ahli Lembaga Securities Industry Development Corporation (SIDC) pada 20 Januari 2020. Selaku Pengerusi SC, Datuk Syed Zaid merupakan ahli Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (FSEC) BNM yang dipengerusikan oleh Gabenor BNM.

Datuk Syed Zaid mewakili SC sebagai wakil Asia Pasifik lembaga Pentadbir Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO), badan peringkat global bagi pengawal selia pasaran modal. Beliau juga merupakan Naib Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Hab Asia Pasifik IOSCO yang berpangkalan di Kuala Lumpur. Datuk Syed Zaid turut mewakili SC dalam Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF).

Datuk Syed Zaid memperoleh kelayakan sebagai *Barrister-at-Law* dari Lincoln's Inn, United Kingdom (UK). Beliau memiliki ijazah dalam undang-undang dari UK. Sebelum menyertai SC, beliau aktif sebagai pengamal industri selama 38 tahun, terutamanya dalam bidang undang-undang korporat, perbankan dan pasaran modal (hutang dan ekuiti) bagi kewangan konvensional dan Islam. Beliau telah diberi pengiktirafan atas sumbangan dan pencapaiannya dalam amalan perundangan melalui pelbagai anugerah domestik dan antarabangsa.



**DATUK ZAINAL IZLAN
ZAINAL ABIDIN**
Dilantik 5 April 2018

Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin merupakan sebagai Timbalan Ketua Eksekutif SC. Beliau bertanggungjawab secara langsung terhadap fungsi Pemantauan dan Pengawasan SC serta bahagian Sumber Manusia dan Korporat. Beliau menyertai SC pada 2011 sebagai Pengarah Eksekutif, Pasaran Modal Islam dan dilantik sebagai Pengarah Urusan, Pembangunan dan Pasaran Islam pada November 2016.

Beliau kini merupakan Pengerusi Capital Markets Malaysia (CMM), sebuah entiti yang ditubuhkan oleh SC untuk mempromosikan pasaran modal Malaysia. Beliau juga menganggotai lembaga pengarah SIDC yang merupakan cabang latihan dan pembangunan SC. Datuk Zainal Izlan mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam industri perkhidmatan kewangan. Beliau memulakan kerjayanya dengan Citibank sebelum berpindah ke MIDF Amanah Asset Management (yang ketika itu dikenali sebagai Seacorp-Schroder Capital Management). Sebelum menyertai SC, Datuk Zainal Izlan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif i-VCAP Management.

Datuk Zainal Izlan memiliki kelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi (dwpengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan) dari The Wharton School, University of Pennsylvania, AS, dan merupakan pemegang piagam Penganalisis Kewangan Berkanun (CFA).



DATO' WEE HOE SOON
@ GOOI HOE SOON

Dilantik 1 Januari 2019

Dato' Gooi Hoe Soon mempunyai lebih 35 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan dan kewangan korporat. Beliau memainkan peranan penting dalam menjayakan pelaksanaan beberapa urusan korporat, termasuk pencantuman dan pemerolehan, dan penstrukturan semula hutang korporat oleh PLC. Beliau kini menganggotai Lembaga Yinson Holdings Bhd, Red Ideas Holdings Bhd, Perusahaan Sadur Timah Malaysia Bhd. Dato' Gooi juga merupakan ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan ahli Persatuan Akauntan Awam Bertauliah Malaysia dan Institut Akauntan Malaysia.

Dato' Gooi ialah bekas Pengerusi Lembaga Pengarah EON Bank Bhd dari 2009 hingga 2012, Pengerusi Amity Bond Sdn Bhd, Timbalan Pengerusi Avenue Capital Resources Bhd dan ahli lembaga AIA Bhd serta Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Eksekutif - Urus Niaga Avenue Securities Sdn Bhd. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Pengurusan Hutang dan Liabiliti, sebuah jawatankuasa di bawah Pejabat Perdana Menteri.



DATUK DR ZUNIKA MOHAMED

Dilantik 1 Jun 2020

Datuk Dr Zunika Mohamed ialah Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Beliau merupakan ahli ekonomi terlatih dan telah berkhidmat dalam pelbagai bidang di beberapa kementerian sepanjang 25 tahun yang lepas, termasuk sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian.

Beliau memiliki ijazah kedoktoran Ekonomi daripada Universiti Putra Malaysia dan memperoleh ijazah pascasiswazah dan sarjana muda ekonomi masing-masing dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan Universiti Texas, AS. Datuk Dr Zunika juga mempunyai diploma Pentadbiran Awam dari Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN) Malaysia.



DATIN RASHIDAH MOHD SIES
Dilantik 15 September 2020

Datin Rashidah Mohd Sies ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) di Kementerian Kewangan. Beliau telah berkhidmat di Kementerian Kewangan selama lebih 29 tahun. Beliau memiliki pengetahuan dan pengalaman luas dalam isu-isu yang berkaitan dengan pelaburan, kewangan, dasar ekonomi, belanjawan persekutuan, serta perundangan dan peraturan kewangan.

Datin Rashidah memperoleh Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari International University California, AS setelah memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Idaho State University, AS. Beliau memiliki diploma dari INTAN.



LYNETTE YEOW SU-YIN
Dilantik 11 Jun 2021

Lynette Yeow Su-Yin merupakan seorang peguam yang telah berkhidmat dalam bidang guaman sejak Januari 1995. Pengalamannya termasuk menjadi rakan urusan di Messrs Kadir Andri & Partners dan Messrs Zaid Ibrahim & Co. Beliau kini merupakan perunding di Messrs Sanjay Mohan.

Yeow memiliki pengalaman luas dalam bidang kewangan korporat, pasaran modal, percantuman dan pengambilalihan, peraturan sekuriti dan dana (termasuk ekuiti swasta dan amanah pelaburan hartanah). Sebelum pelantikannya sebagai ahli Lembaga SC, Yeow merupakan ahli bebas Jawatankuasa Pengambilalihan dan Percantuman SC sejak Januari 2020.

Kini beliau ialah pengarah Bebas Bukan Eksekutif dalam lembaga pengarah Malaysia Building Society Bhd dan CTOS Digital Bhd. Yeow juga pemegang amanah The Datai Pledge, satu inisiatif perlindungan dan kelestarian alam sekitar yang diasaskan oleh The Datai, Langkawi.

Yeow memiliki kelulusan ijazah sarjana muda sastera dan ijazah sarjana dalam undang-undang daripada University of Cambridge.

PASUKAN EKSEKUTIF



Untuk maklumat seterusnya



DATUK SYED ZAID ALBAR



DATUK ZAINAL IZLAN
ZAINAL ABIDIN



FOO LEE MEI



CHIN WEI MIN



KAMARUDIN HASHIM



SALMA BEE MOHD MYDIN



SHARIFATUL HANIZAH
SAID ALI



DATO' ZAIN AZHARI MAZLAN



CHEE FEI MENG





ALEX OOI THIAM POH



YEW YEE TEE

STRUKTUR ORGANISASI





AHLI MAJLIS PENASIHAT SYARIAH




Untuk maklumat seterusnya



TAN SRI DR MOHD DAUD BAKAR



**ASSOCIATE PROFESSOR DR
AZNAN HASAN**



DR SHAMSIAH MOHAMAD



**PROFESSOR DR ENSKU
RABIAH ADAWIAH ENSKU ALI**



**PROFESSOR DR ASHRAF
MD HASHIM**



**PROFESSOR DR ASMADI
MOHAMED NAIM**



**ASSOCIATE PROFESSOR DR
MOHAMED FAIROOZ ABDUL KHIR**



**PROFESSOR DATO' DR MOHD
AZMI OMAR**



**DR ZAHARUDDIN ABDUL
RAHMAN**

PERNYATAAN TADBIR URUS

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA) untuk mengawal selia dan membangunkan pasaran modal Malaysia. Misi SC adalah untuk menggalakkan dan mengekalkan pasaran sekuriti dan derivatif yang adil, cekap dan telus dan memudahkan pembangunan teratur bagi sebuah pasaran modal yang inovatif dan berdaya saing. Ia komited untuk memastikan pelabur dilindungi, pasaran yang adil dan teratur; serta memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang muncul daripada pasaran modal. Tanggungjawab, kuasa dan bidang kuasa SC diiktirafkan dengan jelas dan digariskan dalam undang-undang sekuriti, iaitu SCMA, CMSA dan *Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991* (SICDA).

MENGENAI SURUHANJAYA

Ahli-ahli Lembaga

Lembaga bertanggungjawab atas keseluruhan tadbir urus Suruhanjaya. Menteri Kewangan melantik ahli-ahli Lembaga. Ahli-ahli Lembaga terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Ketua Eksekutif, dan sehingga 7 ahli lain termasuk individu-individu yang mewakili sektor kerajaan dan swasta. Pengerusi diamanahkan dengan pentadbiran harian SC sebagaimana yang dinyatakan dalam seksyen 4B(1) SCMA.

Datuk Syed Zaid Albar menjawat jawatan Pengerusi pada 1 November 2018. Satu profil ahli-ahli Lembaga dipaparkan dari muka surat 79 hingga 82 dan pembabitan mereka dalam pelbagai jawatankuasa

yang ditubuhkan oleh Lembaga dinyatakan di muka surat 90.

Pengerusi dilantik untuk tempoh 3 tahun dan layak untuk pelantikan semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya. Ahli Lembaga lain pula dilantik untuk tempoh 2 tahun dan layak untuk pelantikan semula apabila tamat tempoh perkhidmatannya.

Individu yang memegang jawatan sepenuh masa dalam mana-mana PLC, menjadi ahli Dewan Rakyat atau/dan Dewan Negara atau menjadi pegawai atau pengarah kepada sesuatu entiti yang dikawal selia oleh Suruhanjaya, adalah tidak layak memegang jawatan sebagai ahli Lembaga. Seorang ahli Lembaga juga tidak layak memegang jawatan sekiranya beliau:

- disabitkan sesuatu kesalahan di bawah undang-undang termasuk penipuan, ketidakjujuran, rasuah atau keganasan;
- diisytihar muflis;
- gagal menjalankan tugasnya;
- gagal menghadiri 3 mesyuarat Lembaga secara berturut-turut tanpa sebab;
- berkelakuan dengan cara yang boleh mencemarkan reputasi Suruhanjaya;
- gagal menzahirkan kepentingannya; atau
- terlibat dalam aktiviti yang boleh mengganggu kebebasannya dalam melaksanakan tugas.

SCMA menghendaki seseorang ahli Lembaga menguruskan konflik kepentingan dengan menzahirkan kepentingannya dalam apa-apa perkara yang dibincangkan oleh Lembaga atau mana-mana jawatankuasa. Apabila penzahiran telah dibuat, beliau—

- tidak boleh mengambil bahagian atau hadir dalam mana-mana perbincangan atau keputusan Lembaga atau jawatankuasanya; dan
- tidak boleh diambil kira dalam pembentukan korum Lembaga atau jawatankuasanya, berkaitan dengan perkara tersebut.

Fungsi Suruhanjaya

Fungsi Suruhanjaya adalah seperti yang berikut:

- Menasihati Menteri tentang semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;
- Mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pasaran modal;
- Memastikan peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;
- Mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat;
- Menggalakkan dan mengawal selia semua perkara berkaitan dengan pengurusan dana, termasuk skim unit amanah dan PRS;
- Bertanggungjawab ke atas penyeliaan dan pemantauan aktiviti mana-mana syarikat pemegang bursa, bursa saham, rumah penjelasan bursa derivatif, dan depositori pusat;
- Mengambil semua langkah yang wajar untuk mengekalkan keyakinan pelabur dalam pasaran modal dengan memastikan perlindungan yang mencukupi untuk pelabur;

- Meningkatkan dan menggalakkan tatalaku yang betul dalam kalangan organisasi yang mengambil bahagian, peserta, badan gabungan, peserta depositori serta semua individu yang berlesen atau berdaftar di bursa, rumah penjelasan dan depositori pusat, yang mana berkenaan;
- Membasmi amalan tidak sah, tidak barmaruah dan tidak wajar dalam pasaran modal, dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan lain berkaitan dengan pasaran modal;
- Mempertimbangkan dan membuat saranan bagi pembaharuan undang-undang sekuriti;
- Meningkatkan dan menggalakkan pembangunan pasaran modal di Malaysia termasuk penyelidikan dan latihan yang berkaitan;
- Menggalakkan dan meningkatkan kawal seliaan sendiri oleh persatuan profesional atau institusi pasaran dalam pasaran modal;
- Mengeluarkan lesen, mendaftar, memberi kebenaran, meluluskan dan menyelia semua individu yang terbabit dalam aktiviti yang dikawal selia atau menyediakan perkhidmatan pasaran modal sebagaimana yang termaktub di bawah mana-mana undang-undang sekuriti;
- Menggalakkan dan mengekalkan integriti semua individu berlesen, individu berdaftar, individu yang diluluskan dan peserta dalam pasaran modal;
- Mendaftarkan atau mengiktiraf semua juruaudit entiti kepentingan awam (PIE) atau kumpulan wang jadual dan menjalankan pemantauan ke atas mana-mana individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE atau kumpulan wang jadual, berhubung dengan aktiviti pasaran modal;
- Meningkatkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit

di Malaysia, dan menggalakkan dan membangunkan rangka kerja pemantauan audit yang berkesan dan kukuh di Malaysia;

- Mengambil semua langkah munasabah untuk memantau, mengurangkan dan menguruskan risiko sistemik yang timbul daripada pasaran modal;
- Menggalakkan dan mengawal selia tadbir urus korporat dan piawaian perakaunan yang diluluskan bagi syarikat-syarikat tersenarai; dan
- Menetapkan dan meluluskan standard kelayakan profesional bagi pasaran modal

Suruhanjaya juga mempunyai fungsi dan kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah undang-undang sekuriti.

Mesyuarat Lembaga

Mesyuarat Lembaga telah bermesyuarat sebanyak 11 kali pada 2021. Korum yang diperlukan adalah 5. Rekod kehadiran mesyuarat dinyatakan dalam Jadual 1.

Kerja-kerja Lembaga dalam mentadbir urus SC dimudahcarakan oleh pelbagai jawatankuasa lembaga yang ditubuhkan di bawah seksyen 18 SCMA, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 2.

JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit terdiri daripada ahli bukan eksekutif SC seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2, yang dilantik oleh Lembaga. Tujuan, kuasa dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit dinyatakan dalam

Jadual 1 Kehadiran dalam mesyuarat Lembaga	
Ahli Lembaga	Bilangan mesyuarat yang dihadiri
Datuk Syed Zaid Albar	11/11
Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin	11/11
Dato' Gooi Hoe Soon	11/11
Datuk D.P Naban ¹	2/2
Datuk Dr Zunika Mohamed	9/11
Datin Rashidah Mohd Sies	10/11
Lynette Yeow Su-Yin ²	6/7

¹ Bersara daripada Lembaga pada 14 April 2021.

² Dilantik menganggotai Lembaga pada 11 Jun 2021.

Piagam Jawatankuasa Audit seperti yang diluluskan oleh Lembaga. Pada asasnya, Jawatankuasa Audit menyediakan pemantauan terhadap tadbir urus SC, pengurusan risiko dan amalan kawalan dalaman.

Jawatankuasa Audit melakukan pemantauan terhadap aktiviti audit dalaman, termasuk menyemak hasil audit dan meluluskan *Pelan Audit Dalaman Tahunan*. Jawatankuasa Audit juga bertanggungjawab untuk menyemak skop audit, pendekatan dan prestasi juruaudit luaran, termasuk menyemak semua perkara penting yang berkaitan dengan penyata kewangan dengan Pengurusan dan juruaudit luaran. Bagi tahun kewangan semasa, Jawatankuasa Audit telah bermesyuarat sebanyak 6 kali.

Jadual 2		Jawatankuasa Lembaga			
JAWATANKUASA		TANGGUNGJAWAB UTAMA		AHLI	
1. Jawatankuasa Audit		Menyemak keberkesanan sistem pengurusan risiko dan kawalan dalaman SC dan menyemak penyata kewangan tahunan.		- Dato' Gooi Hoe Soon (Pengerusi) - Datuk DP Naban¹ - Datuk Dr Zunika Mohamed - Datin Rashidah Mohd Sies - Lynette Yeow Su-Yin²	
2. Jawatankuasa Terbitan ³		Menilai mana-mana cadangan penerbitan dan penyenaian sekuriti sesebuah syarikat di pasaran utama; cadangan korporat yang melibatkan pemerolehan aset yang mengakibatkan perubahan besar dalam hala tuju atau dasar sesebuah syarikat tersenarai atau akan disenaraikan di pasaran utama; cadangan korporat yang melibatkan penerbitan sekuriti bagi penggabungan 2 atau lebih syarikat tersenarai di pasaran utama; dan pendaftaran prospektus penyenaian.		- Datuk Syed Zaid Albar (Pengerusi) - Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin - Dato' Gooi Hoe Soon - Datuk D.P Naban¹ - Datin Rashidah Mohd Sies - Lynette Yeow Su-Yin²	
3. Jawatankuasa Pengambilalihan dan Percantuman		Menyemak permohonan pengambilalihan dan percantuman yang bersifat khusus dan/ atau kompleks serta perkara yang berkaitan dengan dasar negara.		- Datuk Syed Zaid Albar (Pengerusi) - Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin - Dato' Gooi Hoe Soon - Datin Rashidah Mohd Sies - Lynette Yeow Su-Yin	
4. Jawatankuasa Pelesenan		Menilai dan meluluskan (atau menolak) permohonan Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal (CMSL) yang baharu, permohonan wakil niaga berlesen baharu, pengarah, pengurusan utama atau pegawai pematuan yang dikemukakan bersama dengan permohonan CMSL baharu, permohonan yang berkaitan dengan penyedia PRS dan mempertimbangkan sebarang cadangan yang berkaitan dengan isu-isu pelesenan.		- Datuk Syed Zaid Albar (Pengerusi) - Datuk Zainal Izlan Zainal Abidin - Dato' Gooi Hoe Soon - Datuk Dr Zunika Mohamed	
5. Jawatankuasa Penamaan dan Ganjaran		Menilai dan merumuskan ganjaran bagi Pengerusi dan Timbalan Ketua Eksekutif dan membuat cadangan yang sesuai kepada Menteri Kewangan.		- Dato' Gooi Hoe Soon (Pengerusi) - Datuk D.P Naban¹ (Pengerusi) - Datuk Dr Zunika Mohamed - Lynette Yeow Su-Yin²	

¹ Bersara daripada Lembaga pada 14 April 2021.

² Dilantik menganggotai Lembaga pada 11 Jun 2021.

³ Pada 16 November 2020, Lembaga telah meluluskan penggabungan Jawatankuasa Terbitan dan Jawatankuasa Skim Pelaburan Terurus.

MAJLIS PENASIHAT SYARIAH

Majlis Penasihat Syariah (SAC) diberikan mandat untuk memastikan pelaksanaan ICM mematuhi prinsip Syariah dan memainkan peranan penting dalam pembangunan ICM di Malaysia. Ia menasihati Suruhanjaya dalam semua perkara berkaitan dengan ICM dan mengeluarkan peraturan mengenai ICM yang diterbitkan untuk manfaat industri.

Sembilan ahli SAC berkhidmat selama 3 tahun bermula dari 1 Julai 2020, sebagaimana yang diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah seksyen 31ZK SCMA, seperti yang disenaraikan dalam Jadual 3.

Jadual 3	Ahli Majlis Penasihat Syariah
Ahli SAC	
1.	Tan Sri Dr Mohd Daud Bakar (Pengerusi)
2.	Profesor Madya Dr Aznan Hasan (Timbalan Pengerusi)
3.	Dr Shamsiah Mohamad
4.	Profesor Dr Engku Rabiah Adawiah Engku Ali
5.	Profesor Dr Ashraf Md Hashim
6.	Profesor Dr Asmadi Mohamed Naim
7.	Profesor Madya Dr Mohamed Fairouz Abdul Khir
8.	Profesor Dato' Dr Mohd Azmi Omar
9.	Dr Zaharuddin Abdul Rahman

LEMBAGA PEMANTAUAN AUDIT

AOB telah ditubuhkan di bawah Bahagian IIIA SCMA dan mandatnya adalah untuk membantu SC melaksanakan fungsi pengawalseliaannya berkaitan dengan pembangunan rangka kerja pemantauan audit yang berkesan, menggalakkan keyakinan dalam kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit, dan mengawal selia juruaudit PIE dan kumpulan wang jadual.

AOB juga menjalankan pemantauan ke atas individu yang menyediakan laporan berhubung dengan maklumat kewangan PIE dan kumpulan wang jadual, berkaitan dengan aktiviti pasaran modal. Ahli-ahli AOB dilantik oleh Lembaga (Jadual 4).

Jadual 4	Ahli Lembaga Pemantauan Audit
Ahli AOB	
1.	Dato' Anantham Kasinather (Pengerusi Bukan Eksekutif)
2.	Alex Ooi Thiam Poh (Pegawai Eksekutif)
3.	Salmah Bee Mohd Mydin
4.	Hew Ee-Lu
5.	Datuk Nor Azimah Abdul Aziz
6.	Dato' Darawati Hussain
7.	Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan

PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

SC komited untuk mengekalkan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang kukuh kerana ia merupakan komponen penting dalam pengaturan tadbir urusnya. Pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman SC diwujudkan untuk menyediakan rangka kerja untuk memantau dan mengurangkan risiko yang diketahui dan baru muncul yang boleh memberi kesan kepada keupayaan SC untuk mencapai matlamat strategik dan operasinya.

SC meletakkan usaha peningkatan berterusan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalamannya sebagai satu

keutamaan tinggi. Persekitaran pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap akan menambah baik kecekapan operasi, menggalakkan ketelusan risiko dan meningkatkan kebertanggungjawaban risiko dan kawalan SC.

Pengurusan Risiko

SC telah melaksanakan pelbagai langkah untuk mengurus dan mengurangkan kemungkinan risiko yang berkaitan dengan operasinya. Lembaga bertanggungjawab untuk menyemak dan menggunakan sistem dan kawalan yang bersesuaian untuk menguruskan risiko organisasi SC. Jawatankuasa Audit, bagi pihak

Rajah
1

Struktur tadbir urus pengurusan risiko SC



Lembaga, menyediakan penilaian bebas mengenai keberkesanan rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi (ERM).

SC sentiasa menyemak dan meningkatkan struktur dan rangka kerja tadbir urus pengurusan risikonya. Pada 2021, rangka kerja risiko operasi, tatalaku dan teknologi masing-masing di seluruh organisasi telah dipertingkatkan dan dilaksanakan. Jawatankuasa Pengurusan Risiko Eksekutif (ERMC) khusus telah ditubuhkan untuk mengkaji risiko dalaman organisasi. Sebelum ini, peranan ini telah dilaksanakan oleh SROC SC. ERMC akan memantau strategi dan proses pengurusan risiko dalam fungsi urusan serta pengaturan kesinambungan urusan.

KAWALAN DALAMAN

Dengan bertambah kompleksnya struktur dan fungsi SC, kepentingan mempunyai kawalan dalaman yang baik adalah kritikal. SC telah menyediakan satu set

langkah kawalan dalaman dalam bentuk polisi dan prosedur yang meliputi hal-hal operasi termasuk tadbir urus, hal-hal kakitangan, pemerolehan, daya tahan operasi, perlindungan data dan pengurusan risiko untuk memberikan jaminan terhadap keberkesanan persekitaran kawalan (Diagram 2).

Tadbir Urus dan Pematuhan

- *Kod Tatalaku bagi Ahli Lembaga* menetapkan jangkaan yang dikehendaki daripada Ahli Lembaga ketika menjalankan tugas mereka.
- *Kod Tatalaku bagi kakitangan SC* menggariskan jangkaan yang dikehendaki daripada kakitangan ketika berkhidmat dengan SC termasuk tatalaku beretika dan standard tingkah laku.
- *Pernyataan Prinsip dan Standard SC* yang memudahkan cara libat urus yang cekap dan beretika antara SC dan pihak berkepentingan

Rajah
2

Teras Kawalan Dalaman



luarnya, termasuk pembekal, kontraktor, vendor dan perunding ditadbir oleh prinsip beretika, telus dan mengelak konflik kepentingan yang berpotensi. Sehubungan ini, SC mengguna pakai dasar tidak bertolak ansur dengan semua bentuk rasuah, dan mana-mana amalan rasuah oleh kakitangan SC, serta ejen-ejen pemegang kepentingan luar yang berurusan dengan SC, akan dipandang serius.

- SC menyediakan saluran maklum balas kepada para kakitangan dan ejen untuk menyuarakan kebimbangan mengenai salah laku kakitangan. Ini termasuk Prosedur Pemberian Maklumat Dalam bagi individu untuk mendedahkan atau melaporkan kesalahan dalaman atau pelanggaran undang-undang yang disyaki dalam organisasi.
- Rangka Kerja Pengendalian Aduan Luaran Terhadap Kakitangan SC menetapkan proses untuk mengendalikan aduan daripada pihak luar terhadap mana-mana kakitangan SC berhubung dengan pelaksanaan tugas mereka.
- Proses Pengisytiharan Konflik Kepentingan yang mantap telah disediakan yang perlu dipatuhi oleh ahli-ahli Lembaga dan kakitangan sekiranya menghadapi situasi konflik kepentingan yang berpotensi dan sebenar.
- *Garis Panduan Pengurusan Pematuan* menyediakan pendekatan berstruktur dalam memastikan pematuan undang-undang, peraturan dan standard tadbir urus dalaman yang memberi kesan terhadap operasi harian SC.
- Program Pematuan dan Etika, satu instrumen e-pembelajaran interaktif, bertujuan untuk membantu kakitangan SC memahami prinsip-prinsip piawaian tadbir urus dalaman SC. Modul-modul ini bertujuan untuk menegaskan semula kepentingan mengekalkan standard etika, nilai dan tingkah laku yang tinggi bagi SC dan kakitangannya. Pada 2021, program mandatori setiap 2 tahun telah dikemas kini dengan memasukkan peningkatan kepada standard tadbir urus dalaman (cth. *Kod Tatalaku, Garis Panduan Pengurangan Kehilangan Data*, dsb) sejak 2 tahun yang lalu.

Proses dan Prosedur Urusan

- SC memudahkan kefahaman kakitangan mengenai operasinya dengan menyediakan Aliran Proses Urusan dan panduan proses urusan berkaitan yang lain di laman intranet SC. Aliran proses urusan, dokumen panduan disemak semula setiap tahun oleh pemilik proses urusan masing-masing.
- *Polisi dan Garis Panduan Pemerolehan* disediakan untuk memastikan penyumberan dan pemerolehan barangan dan perkhidmatan oleh SC dijalankan secara adil, telus dan teratur. Ini termasuk strategi pemerolehan yang menggariskan panduan yang sewajarnya mengenai proses pemerolehan yang menyeluruh serta pengukuhan tadbir urus dan kawalan pemerolehan yang baik. Kawalan turut disediakan bagi mengurangkan dan menghalang amalan rasuah yang berpotensi.
- *Polisi dan Garis Panduan Pengurusan Aset* memastikan perlindungan aset tetap SC yang disediakan kepada kakitangan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas mereka serta diselenggara agar berada dalam keadaan yang baik.

Pengurusan Maklumat dan Pengetahuan

- *Polisi Pemberian Kebenaran untuk Penzahiran Maklumat* mentadbir penyediaan maklumat penting bukan awam kepada pihak ketiga. Permohonan untuk penzahiran maklumat tersebut akan dirujuk kepada satu jawatankuasa yang terdiri daripada pengurusan kanan SC untuk membuat keputusan.
- *Garis Panduan Pengurangan Kehilangan Data* bertindak sebagai pusat rujukan kepada kakitangan ketika mengendalikan rekod fizikal dan elektronik yang mengandungi maklumat yang sensitif. Garis Panduan ini memastikan maklumat sensitif dilindungi sewajarnya daripada penzahiran yang tidak dibenarkan dan dilindungi daripada pindaan, kerosakan, kehilangan atau disalah guna. SC terus menyemak Garis Panduan ini, dengan mengambil kira perubahan dalam

pengaturan kerja di SC dan pihak industri. Kemas kini bagi tahun ini termasuk peraturan baharu berkaitan dengan komunikasi dalam talian dan sosial media serta pengukuhan kawalan bagi perkongsian dokumen melalui e-mel dan platform pesanan dengan pihak luar.

- *Polisi Pengurusan Rekod* diwujudkan untuk memberikan panduan yang jelas kepada kakitangan berhubung klasifikasi dokumen bagi menjamin kerahsiaan dokumen tersebut dan menyediakan kejelasan mengenai penzahiran yang dibenarkan.

Daya Tahan Operasi

- SC mempunyai Rangka Kerja Kesenambungan Urusan, sejajar dengan keperluan Keselamatan dan Daya Tahan ISO 22301:2019 – Sistem Pengurusan Kesenambungan Perniagaan (BCMS). Usaha berterusan diambil untuk memastikan gangguan terhadap operasi yang minimum disebabkan oleh COVID-19 termasuk mengadakan latihan secara simulasi yang berinteraktif bagi jabatan-jabatan dan pengaturan kembali ke pejabat untuk kakitangan SC.
- Berikutan pandemik COVID-19 dan untuk memastikan daya tahan operasi, SC telah menubuhkan satu pasukan khas COVID untuk memantau kes-kes positif COVID, menyemak langkah berjaga-jaga dan mengambil pendekatan proaktif dalam menjangka, bertindak balas dan mengurus risiko COVID yang timbul.
- Dasar Pengguna IT disemak secara berkala untuk memantau dan menilai risiko teknologi bagi memastikan sistem IT SC dilindungi dengan berkesan terhadap perisian hasad (*malware*), akses yang tidak dibenarkan

Langkah-langkah Pencegahan Rasuah

- SC menubuhkan Jawatankuasa Pencegahan Rasuah (JAR – Jawatankuasa Anti-Rasuah)-nya sendiri pada 2019, bagi menunjukkan komitmennya dalam menyokong usaha Kerajaan memerangi rasuah. Dipengerusikan oleh Pengerusi SC, SC JAR bertindak sebagai satu

platform pengurusan peringkat tinggi yang bertumpu kepada usaha menangani isu-isu organisasi yang berkaitan dengan tadbir urus dan integriti, disamping memantau pelaksanaan semua inisiatifnya di bawah *Pelan Anti Rasuah Nasional* (NACP).

- Sebagai sebuah institusi awam, SC sangat komited untuk menyediakan persekitaran yang dapat menggalakkan rasa kebertanggungjawaban dan profesionalisme yang kukuh dalam kalangan kakitangannya. Selaras dengan kehendak NACP, SC telah mewujudkan *Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi* (OACP) sendiri dengan objektif strategik untuk memperkukuh tadbir urus, integriti dan langkah-langkah pencegahan rasuah SC. OACP merangkumi elemen penting seperti komitmen pencegahan rasuah yang jelas daripada pihak berkepentingan utama, dasar dan prosedur, kawalan, latihan dan komunikasi, dan mekanisme pelaporan yang relevan serta yang paling penting, pengauditan dan pemantauan yang kerap.
- Pada 2021, SC telah mengambil langkah untuk memastikan penjajaran langkah kawalan pencegahan rasuahnya dengan keperluan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) ISO 37001. SC menjalankan Penilaian Kendiri Pematuhan ABMS untuk mengenal pasti peluang penambahbaikan. SC juga telah mewujudkan Rangka Kerja Pematuhan ABMS untuk memudahcarakan penjajaran berterusan dengan keperluan NACP dan piawaian di peringkat global yang berkaitan.

AUDIT DALAMAN

Jabatan Audit Dalaman SC (IAD) membantu Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. IAD melapor terus kepada Jawatankuasa Audit, yang menentukan kecukupan skop dan fungsi jabatan. IAD mencapai objektifnya dengan menggunakan pendekatan sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menambah baik keberkesanan proses pengurusan risiko, kawalan dan tadbir urus organisasi.

IAD melaksanakan tanggungjawabnya dengan melakukan semakan berdasarkan pelan audit dalaman yang telah diluluskan, yang dibangunkan menggunakan

metodologi berasaskan risiko. Aktiviti utama IAD untuk tahun 2020 termasuk pelaksanaan audit yang kebanyakannya berasaskan risiko ke atas bidang-bidang yang dikenalpasti dalam pelan audit dalaman. Keputusan daripada pengauditan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh fungsi audit dalaman dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit untuk semakan. Sekiranya perlu, audit dalaman menjalankan pengauditan susulan untuk memastikan tindakan pembetulan pihak Pengurusan dilaksanakan dengan sewajarnya dan memaklumkan status tindakan utama kepada Jawatankuasa Audit. Di samping itu, IAD memainkan peranan sebagai penasihat dalam melaksanakan aktiviti pengauditannya.

Semakan terhadap Piagam Jawatankuasa Audit dan Piagam Audit Dalaman (Piagam) dijalankan setiap 2 tahun sebagaimana yang dikehendaki di bawah Piagam tersebut, bagi memastikan ia selaras dengan Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman.

PIHAK BERKEPENTINGAN LUAR DAN KOMUNIKASI AWAM

Komunikasi yang tekal dan berterusan dengan peserta pasaran modal adalah perlu untuk memudah cara pelunasan tanggungjawab SC dengan berkesan. Mesyuarat dan perbincangan kerap dengan pihak berkepentingan utama membolehkan SC menyediakan dasar yang bersifat fasilitatif, rangka kerja pengawalseliaan yang mantap dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan berterusan pasaran modal. Semua siaran media, bahan terbitan, garis panduan, laporan tahunan serta kertas rundingan dan maklum balas dipaparkan dalam laman web rasmi SC – www.sc.com.my.

Pejabat Pengguna dan Pelabur SC bertindak sebagai salah satu saluran penting dalam pembabitian bersama pelabur dan orang awam. Pejabat tersebut menerima dan mengendalikan aduan dan pertanyaan orang awam berkaitan dengan pasaran modal. Di samping itu, ia bertanggungjawab ke atas strategi pemeraksanaan pelabur SC di bawah jenama InvestSmart® yang disasarkan kepada orang awam dan pelabur dari semua peringkat kehidupan.

Melalui InvestSmart®, SC melaksanakan pelbagai inisiatif melalui kaedah yang berbeza seperti pameran, seminar, jerayawara, media digital dan sosial berasaskan pembuatan keputusan pelaburan yang baik.

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) merupakan badan yang diluluskan oleh SC untuk mengendalikan pertikaian berkenaan pasaran modal yang melibatkan tuntutan kewangan oleh pelabur terhadap ahli-ahlinya. Ahli-ahli SIDREC ialah pengantara berlesen dan individu berdaftar yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual 4 CMSA, yang menjalankan urus niaga dalam sekuriti, derivatif, PRS dan pengurusan dana di Malaysia. Ahli-ahli SIDREC terdiri daripada bank, broker derivatif, syarikat pengurusan dana, syarikat pengurusan unit amanah, penyedia dan pengedar PRS serta dua institusi kewangan pembangunan (DFI) khusus.

SIDREC menyediakan saluran yang bebas dan tidak berat sebelah bagi tuntutan bagi pertikaian antara pelabur dan ahli-ahli SIDREC. Penyediaan akses yang berkesan dan berpatutan untuk membuat tuntutan adalah selaras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa dan ia menyokong inisiatif perlindungan dan pemeraksanaan pelabur SC.

Di bawah Skim Mandatori SIDREC bagi tuntutan sehingga RM250,000, ahli-ahli SIDREC dikehendaki mengambil bahagian dalam proses penyelesaian pertikaian SIDREC. Perkhidmatan di bawah Skim Mandatori adalah percuma kepada pelabur. Di bawah Skim Sukarela, di mana kedua-dua pihak mesti bersetuju untuk menggunakan perkhidmatan pakar SIDREC, pihak SIDREC berupaya menerima tuntutan melebihi RM250,000 bagi pengantaraan dan adjudikasi serta pengurusan kes dan pengantaraan yang dirujuk oleh mahkamah.

Selain daripada pembabitian dengan ahli SIDREC dan pelabur yang membuat tuntutan semasa proses penyelesaian pertikaian, SIDREC mengadakan sesi pertemuan bersama pelabur awam melalui inisiatif kesedarannya. Pada masa yang sama, SIDREC turut mengadakan libat urus bersama ahlinya, SC dan pihak berkepentingan lain seperti persatuan industri dan organisasi swatur (SRO) untuk berkongsi dan memberikan penerangan menyeluruh tentang pemerhatian positif serta apa-apa kebimbangan yang timbul daripada proses penyelesaian pertikaian. Hal ini menyediakan maklum balas bermanfaat kepada pasaran, pelabur dan pengawal selia.

SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

PENYATA KEWANGAN

bagi tahun kewangan berakhir
31 Disember 2021

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	146,902	151,677
Aset dengan hak penggunaan	5	6,659	6,751
Cukai tertunda	6	8,972	-
Penghutang jangka panjang	7	2,971	4,110
Pelaburan lain	8	24,675	75,423
		<u>190,179</u>	<u>237,961</u>
ASET SEMASA			
Pelaburan lain	8	980,124	788,233
Penghutang dan pelbagai penghutang	9	26,871	50,983
Tunai dan setara tunai	10	83,134	90,649
		<u>1,090,129</u>	<u>929,865</u>
JUMLAH ASET		<u>1,280,308</u>	<u>1,167,826</u>
RIZAB			
Rizab dana pampasan	11	100,000	100,000
Lebihan terkumpul		906,276	848,450
JUMLAH RIZAB		<u>1,006,276</u>	<u>948,450</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Manfaat persaraan	12	183,310	140,416
LIABILITI SEMASA			
Pendapatan tertunda	13	-	704
Pelbagai pemiutang dan akruan	14	90,722	78,256
		<u>90,722</u>	<u>78,960</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>274,032</u>	<u>219,376</u>
JUMLAH RIZAB DAN LIABILITI		<u>1,280,308</u>	<u>1,167,826</u>

Nota pada muka surat 102 hingga 128 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
PENDAPATAN			
Levi		243,105	285,601
Yuran dan caj		16,939	13,887
Yuran pelesenan		2,908	1,380
Pendapatan kewangan		25,813	28,651
Yuran pendaftaran		3,060	3,043
Pendapatan lain		16,683	12,587
	15	<u>308,508</u>	<u>345,149</u>
TOLAK: PERBELANJAAN			
Kos kakitangan	16	178,539	164,475
Perbelanjaan pentadbiran		26,434	28,972
Susut nilai hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	11,602	11,259
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	5	92	92
Perbelanjaan sewa		522	282
		<u>217,189</u>	<u>205,080</u>
LEBIHAN OPERASI BERSIH		91,319	140,069
Tolak: Dana kepada badan-badan bersekutu	17	<u>(7,600)</u>	<u>(7,500)</u>
Lebihan sebelum cukai bagi tahun	18	83,719	132,569
Manfaat cukai	19	<u>8,972</u>	<u>-</u>
Lebihan selepas cukai bagi tahun		92,691	132,569
Kerugian komprehensif lain, cukai bersih item yang tidak akan dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian			
Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	20	<u>(34,865)</u>	<u>(51,353)</u>
Lebihan dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun		<u>57,826</u>	<u>81,216</u>

Nota pada muka surat 102 hingga 128 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Rizab dana pampasan RM'000	Lebihan terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2020	100,000	767,234	867,234
Lebihan bagi tahun	-	132,569	132,569
Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	-	(51,353)	(51,353)
Lebihan dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	81,216	81,216
Pada 31 Disember 2020/1 Januari 2021	100,000	848,450	948,450
Lebihan bagi tahun	-	92,691	92,691
Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	-	(34,865)	(34,865)
Lebihan dan jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun	-	57,826	57,826
Pada 31 Disember 2021	100,000	906,276	1,006,276
	Nota 11		

Nota pada muka surat 102 hingga 128 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan sebelum cukai		83,719	132,569
Pelarasan untuk:			
Susut nilai harta, kelengkapan dan peralatan	4	11,602	11,259
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	5	92	92
Pelunasan pendapatan tertunda	13	(704)	(1,887)
Pendapatan kewangan		(25,813)	(28,651)
Keuntungan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		-	(11)
LEBIHAN OPERASI SEBELUM PERUBAHAN MODAL KERJA		68,896	113,371
Perubahan dalam modal kerja:			
Manfaat persaraan		8,029	8,413
Penghutang dan pelbagai penghutang		24,481	(21,747)
Pemiutang lain dan akruan		12,466	(4,808)
TUNAI BERSIH DIPEROLEHI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		113,872	95,229
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Kematangan pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan		55,376	20,672
Perubahan dalam deposit terhad dalam deposit di bank berlesen		(4,599)	(2,236)
Perubahan dalam pelaburan dalam deposit di bank berlesen		(196,519)	(137,725)
Pendapatan kewangan diterima		26,583	27,653
Hasil daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		1	19
Pembelian harta, kelengkapan dan peralatan		(6,828)	(10,429)
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PELABURAN		(125,986)	(102,046)
PERUBAHAN BERSIH DALAM TUNAI DAN SETARA TUNAI		(12,114)	(6,817)
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 1 JANUARI		37,736	44,553
TUNAI DAN SETARA TUNAI PADA 31 DISEMBER		25,622	37,736
Tunai dan setara tunai terdiri daripada:			
Tunai dan baki di bank	10	25,247	15,853
Deposit di bank berlesen	10	57,887	74,796
		83,134	90,649
Tolak: Deposit terhad		(57,512)	(52,913)
		25,622	37,736

Nota pada muka surat 102 hingga 128 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT AM

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) adalah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti* untuk pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. SC mempunyai tanggungjawab langsung bagi menyelia dan mengawasi kegiatan institusi pasaran termasuk bursa dan rumah penjelasan, dan mengawal selia setiap individu yang berlesen di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Alamat SC adalah seperti yang berikut:

3, Persiaran Bukit Kiara
Bukit Kiara
50490 Kuala Lumpur, Malaysia

Penyata kewangan ini diluluskan untuk dikeluarkan oleh Ahli Lembaga pada 28 Januari 2022.

2. ASAS PENYEDIAAN

(a) Penyata pematuhan

Penyata kewangan SC telah disediakan mengikut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* (MFRS) dan menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa* (IFRS).

(i) Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang telah dikuatkuasakan

SC telah mengguna pakai pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang dinyatakan di bawah buat kali pertama bagi tahun kewangan bermula pada 1 Januari 2021:

- Pindaan ke atas MFRS 16 *Konsesi Sewa Berkaitan COVID-19*

Penggunaan pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan itu tidak memberi sebarang kesan material pada tempoh semasa atau mana-mana tempoh sebelumnya dan tidak mungkin menjejaskan pada masa hadapan.

(ii) Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan yang telah dikeluarkan tetapi masih belum dikuatkuasakan

Pindaan baharu ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan yang berkuat kuasa bagi tahun kewangan bermula selepas 1 Januari 2021 dinyatakan di bawah:

- Penambahbaikan Tahunan ke atas MFRS 9 *Yuran ujian 10% bagi pembatalan pengiktirafan liabiliti kewangan* (berkuat kuasa 1 Januari 2022) menjelaskan bahawa hanya yuran yang dibayar atau diterima antara peminjam dan pemberi pinjaman, termasuk yuran yang dibayar atau diterima bagi pihak satu sama lain, dimasukkan ke dalam aliran tunai pinjaman baharu apabila melaksanakan ujian 10% tersebut.

Entiti boleh menggunakan pindaan ke atas liabiliti kewangan yang diubah suai atau ditukar pada atau selepas permulaan tempoh pelaporan tahunan semasa entiti mula-mula menggunakan pindaan itu.

Pindaan itu memberi pengecualian bagi pengiktirafan liabiliti dan liabiliti luar jangka berpandukan prinsip MFRS 137 *Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka* dan Tafsiran IC 21 *Levi* sekiranya melibatkan skop tersebut. Ia juga menjelaskan bahawa aset luar jangka tidak seharusnya diambil kira pada tarikh pemerolehan.

- Pindaan ke atas MFRS 116 *Hasil sebelum penggunaan yang dimaksudkan* (berkuat kuasa 1 Januari 2022) melarang entiti daripada menolak daripada kos hartanah, loji dan peralatan, hasil yang diterima menerusi jualan item yang dikeluarkan oleh hartanah, loji dan peralatan sebelum ia sedia untuk penggunaan yang dimaksudkan. Sebaliknya, hasil jualan hendaklah dikira dalam untung atau rugi.

Pindaan itu turut menjelaskan bahawa ujian yang dijalankan untuk menunjukkan sama ada aset dapat berfungsi dengan baik merujuk kepada menaksir prestasi teknikal dan fizikal hartanah, loji dan peralatan.

Pindaan tersebut hendaklah digunakan secara retrospektif.

- Pindaan ke atas MFRS 137 *Kontrak Membebankan – Kos Memenuhi Kontrak* (berkuat kuasa 1 Januari 2022) menjelaskan bahawa kos langsung bagi memenuhi sesebuah kontrak adalah termasuk kedua-dua kos tambahan serta peruntukan kos lain yang berkaitan secara langsung dalam memenuhi kontrak. Pindaan itu juga menjelaskan bahawa sebelum membuat peruntukan berasingan untuk sesuatu kontrak membebankan, kerugian rosot nilai yang terjadi ke atas aset yang digunakan dalam memenuhi kontrak itu hendaklah dikira.
- Pindaan ke atas MFRS 101 *Klasifikasi liabiliti sebagai semasa atau bukan semasa* (berkuat kuasa 1 Januari 2023) menjelaskan bahawa sesuatu liabiliti diklasifikasikan sebagai bukan semasa sekiranya sesuatu entiti mempunyai hak substantif pada penghujung tempoh pelaporan untuk menangguhkan penyelesaian sekurang-kurangnya 12 bulan selepas tempoh pelaporan. Sekiranya hak untuk menangguh penyelesaian sesuatu liabiliti adalah tertakluk kepada pematuhan entiti tersebut terhadap syarat tertentu (sebagai contoh, perjanjian hutang), hak tersebut wujud pada penghujung tempoh pelaporan, hanya sekiranya entiti tersebut mematuhi syarat-syarat ini pada tarikh itu. Pindaan tersebut memperjelaskan bahawa entiti tersebut mesti mematuhi syarat pada penghujung tempoh pelaporan walaupun peminjam tidak menguji pematuhan sehingga pada satu tarikh kemudian.
- Penilaian sama ada sesuatu entiti mempunyai hak untuk menangguh penyelesaian liabiliti pada tarikh pelaporan adalah tidak terkesan dengan jangkaan entiti tersebut atau peristiwa selepas tarikh pelaporan.

Pindaan tersebut hendaklah digunakan secara retrospektif.

- Pindaan ke atas MFRS 112 *Cukai Tertunda berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Transaksi Tunggal* (berkuat kuasa 1 Januari 2023) menjelaskan bahawa peraturan pengecualian awal tidak terpakai ke atas urus niaga di mana kedua-dua aset dan liabiliti dikira pada masa yang sama seperti sebagai pajakan dan kewajipan berkaitan penamatan tugas. Sehubungan itu, entiti dikehendaki mengira aset dan liabiliti cukai tertunda bagi semua perbezaan sementara boleh dtolak dan boleh cukai yang timbul daripada urus niaga tersebut.

Pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan tersebut akan terpakai pada tarikh kuat kuasa masing-masing. SC telah memulakan penilaian awal kesan pindaan ke atas piawaian yang diterbitkan dan penambahbaikan tahunan seperti di atas dan kesannya masih dalam penilaian.

(b) Asas pengukuran

Penyata kewangan SC disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang dinyatakan dalam Nota 3.

(c) Matawang fungsi dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi SC. Semua maklumat kewangan dinyatakan dalam RM dan dibundarkan kepada nilai ribu terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan dalam pematuhan dengan MFRS memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang menjejaskan pemakaian dasar perakaunan dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Penyemakan anggaran perakaunan dikira dalam tempoh yang anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh akan datang yang berkenaan.

Tidak terdapat perkara ketidakpastian ketara pada anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai dasar perakaunan yang mempunyai kesan ke atas amaun yang dikira dalam penyata kewangan kecuali seperti yang berikut:

(i) Manfaat persaraan

Peruntukan ini ditentukan dengan penilaian aktuari yang disediakan oleh aktuari bebas. Penilaian aktuari melibatkan andaian mengenai kadar diskaun, kadar inflasi perubatan, umur persaraan dan jangka hayat. Oleh itu, jumlah peruntukan anggaran ini tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara. Andaian yang digunakan untuk menganggarkan peruntukan adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 12.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna secara konsisten dalam tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah diguna secara konsisten oleh SC, melainkan dinyatakan sebaliknya.

(a) Instrumen kewangan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Aset kewangan (melainkan jika adalah penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting) atau liabiliti kewangan pada awalnya diukur pada nilai saksama tambah atau tolak, untuk item yang tidak pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos transaksi yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan atau terbitannya. Penghutang perdagangan tanpa komponen pembiayaan penting pada awalnya diukur pada harga transaksi.

Instrumen kewangan diiktiraf secara berasingan daripada kontrak utama di dalam keadaan di mana instrumen kewangan tidak diiktiraf pada nilai saksamanya melalui untung atau rugi. Kontrak utama, sekiranya terbitan terbenam diiktiraf secara berasingan, diambil kira mengikut dasar yang terpakai kepada sifat kontrak utama.

(ii) Kategori instrumen kewangan dan pengukuran berikutnya**Aset kewangan**

Kategori aset kewangan ditentukan berdasarkan pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepas pengiktirafan awalnya melainkan SC mengubah model perniagaannya untuk menguruskan aset kewangan yang mana semua aset kewangan yang terlibat diklasifikasikan semula pada hari pertama tempoh pelaporan pertama berikutan perubahan daripada model perniagaan.

Kos terlunas

Kategori kos terlunas terdiri daripada instrumen kewangan yang dipegang dalam model perniagaan di mana objektif adalah untuk memegang aset bagi mengumpul aliran tunai kontraktual dan terma kontraknya menimbulkan tarikh tertentu kepada aliran tunai yang semata-mata untuk pembayaran prinsipal dan faedah ke atas jumlah prinsipal yang belum dijelaskan. Aset kewangan tidak ditetapkan sebagai nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Berikutan pengiktirafan awal, aset kewangan ini diukur pada kos pelunasan menggunakan kaedah faedah berkesan. Kos yang dilunaskan dikurangkan dengan kerugian kemerosotan nilai. Pendapatan faedah, kemerosotan nilai dan sebarang keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan diiktiraf dalam untung atau rugi.

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah berkesan kepada jumlah bawaan kasar kecuali bagi aset kewangan terjejas kredit (lihat Nota 3(e)(i)) di mana kadar faedah berkesan digunakan untuk kos yang dilunaskan.

Liabiliti kewangan**Kos terlunas**

Liabiliti kewangan tidak dikategorikan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian adalah diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah berkesan.

Perbelanjaan faedah adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian atas pembatalan pengiktirafan turut diiktiraf dalam untung atau rugi.

(iii) Pembatalan pengiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan tamat tempoh atau aset kewangan telah dipindahkan kepada pihak lain tanpa pengekalan kawalan atau sebahagian besar semua risiko dan manfaat aset tersebut. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa dan jumlah pembayaran yang diterima (termasuk sebarang aset baru yang diperolehi ditolak sebarang liabiliti baru berkait) diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Liabiliti kewangan atau sebahagiannya dibatalkan pengiktirafan bila, dan hanya bila, tanggungjawab yang dikhususkan di dalam kontrak telah disempurnakan, dibatalkan atau tamat tempoh. Suatu liabiliti kewangan juga tidak diiktiraf sekiranya terma-termannya diubahsuai dan aliran tunai liabiliti yang diubahsuai adalah sangat berbeza, di mana liabiliti kewangan baharu berdasarkan terma yang diubahsuai diiktiraf pada nilai saksama. Pada ketika pembatalan pengiktirafan, perbezaan antara nilai dibawa liabiliti kewangan dipadamkan atau dipindahkan kepada pihak lain dan penjelasan dibayar, termasuk aset bukan tunai dipindah atau liabiliti berkait, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

(iv) Mengoffset

Aset kewangan dan liabiliti kewangan akan dioffset dan jumlah bersih dibentangkan di penyata kewangan kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, SC mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengoffset jumlah tersebut, sama ada untuk menyelesaikannya secara bersih atau untuk merealisasikan aset dan liabiliti secara serentak.

(b) Hartanah, kelengkapan and peralatan

(i) Pengiktirafan dan pengukuran

Item hartanah, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos tolak apa-apa susut nilai terkumpul dan apa-apa rosot nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang secara langsung menyebabkan pemerolehan aset dan apa-apa kos lain yang secara langsung membawa aset kepada keadaan bekerja bagi kegunaan yang dirancang, dan kos merungkai dan menanggalkan item tersebut dan memulihkan tapak tempat ia diletakkan. Perisian yang dibeli yang penting kepada kefungsiannya kelengkapan yang berkaitan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada peralatan tersebut.

Apabila bahagian ketara, jika ada, bagi satu-satu item harta, kelengkapan dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berbeza, ia dikira sebagai item berasingan (komponen utama) bagi harta, kelengkapan dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian bagi jualan item harta, kelengkapan dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada jualan dengan amaun bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan dan dikira bersih dalam "pendapatan lain" dan "perbelanjaan lain", masing-masing dalam keuntungan dan kerugian.

(ii) Kos berikutan

Kos menggantikan sebahagian daripada unit harta, kelengkapan dan peralatan dikira dalam amaun bawaan bagi unit tersebut jika ada manfaat ekonomi akan datang yang berkemungkinan terangkum dalam komponen tersebut, akan mengalir kepada SC dan kosnya dapat diukur dengan pasti. Amaun bawaan bagi komponen yang diganti dibatalkan pengiktirafan dalam keuntungan atau kerugian. Kos penyelenggaraan harian harta, kelengkapan dan peralatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian semasa ia berlaku.

(iii) Susut nilai

Susut nilai dikira berdasarkan kos aset tolak nilai baki. Komponen ketara aset individu dinilai, dan jika suatu komponen mempunyai hayat berguna yang berbeza daripada baki aset, maka komponen tersebut disusut nilai berasingan.

Susut nilai dikira dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan kaedah garis lurus bagi anggaran hayat berguna bagi setiap komponen unit harta, kelengkapan dan peralatan dari tarikh ia tersedia untuk digunakan. Kelengkapan dan peralatan masih dalam pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset tersebut sedia digunakan.

Anggaran hayat berguna bagi tahun semasa dan tahun bandingan adalah seperti yang berikut:

Bangunan	50 tahun
Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan	5 – 10 tahun
Komputer dan sistem aplikasi	3 tahun
Kenderaan bermotor	5 tahun

Kaedah susut nilai, tempoh hayat berguna dan nilai baki disemak pada penghujung tempoh pelaporan dan dilaraskan menurut kesesuaian.

(c) Pajakan

(i) Definisi pajakan

Suatu kontrak adalah, atau mengandungi, suatu pajakan jika kontrak tersebut menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti bagi suatu tempoh masa sebagai pertukaran untuk pembayaran. Untuk menilai sama ada suatu kontrak menyatakan hak untuk mengawal penggunaan aset yang dikenal pasti, SC menilai sama ada:

- kontrak tersebut melibatkan penggunaan aset yang dikenal pasti – ini boleh dinyatakan dengan khusus sama ada secara jelas atau tidak, dan hendaklah berbeza secara fizikal atau mewakili sebahagian besar keupayaan aset yang berbeza secara fizikal. Jika pembekal mempunyai hak penggantian besar, maka aset itu tidak akan dikenal pasti;
- sebagai pemajak, SC mempunyai hak untuk memperoleh sebahagian besar manfaat ekonomi melalui penggunaan aset tersebut sepanjang tempoh penggunaan; dan
- sebagai pemajak, SC berhak menentukan penggunaan aset tersebut. SC mempunyai hak ini apabila ia mempunyai hak untuk membuat keputusan yang paling wajar untuk mengubah kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan. Dalam kes-kes yang jarang berlaku di mana keputusan tentang kaedah dan tujuan aset tersebut digunakan telahpun ditentukan lebih awal, SC mempunyai hak untuk menentukan penggunaan aset itu jika SC mempunyai hak untuk mengendalikan aset itu; atau SC merekapipta aset dengan cara yang menentukan lebih awal kaedah dan tujuan ia akan digunakan.

Pada permulaan atau penilaian semula kontrak yang mengandungi komponen pajakan, SC memperuntukkan pembayaran dalam kontrak bagi setiap komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga berasingan masing-masing. Walau bagaimanapun, untuk pajakan hartanah di mana SC merupakan pemajak, SC memutuskan untuk tidak memisahkan komponen bukan pajakan dan sebaliknya akan mengira komponen pajakan dan bukan pajakan sebagai komponen pajakan tunggal.

(ii) Pengiktirafan dan pengukuran awal

Sebagai pemajak

SC telah mengelaskan tanah pegangan pajakan yang pada dasarnya merupakan pajakan kewangan sebagai aset dengan hak penggunaan.

SC telah memutuskan untuk tidak mengiktiraf aset dengan hak penggunaan dan liabiliti pajakan bagi pajakan jangka pendek yang mempunyai tempoh pajakan 12 bulan atau kurang dan pajakan aset bernilai rendah. SC mengiktiraf pembayaran yang berkaitan dengan pajakan tersebut sebagai perbelanjaan mengikut kaedah garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

(iii) Pengukuran seterusnya

Sebagai pemajak

Aset dengan hak penggunaan kemudiannya disusut nilai dengan menggunakan kaedah garis lurus dari tarikh permulaan hingga tarikh awal penghujung hayat guna aset dengan hak penggunaan atau penghujung tempoh pajakan. Anggaran hayat guna aset dengan hak penggunaan ditentukan mengikut asas yang sama seperti hartanah, kelengkapan dan peralatan. Di samping itu, aset dengan hak penggunaan dikurangkan secara berkala oleh kerugian rosot nilai, jika ada, dan diselaraskan untuk penilaian semula liabiliti pajakan tertentu.

(d) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, baki dan simpanan di bank yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai saksama dengan kematangan asal tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh SC dalam pengurusan komitmen jangka pendeknya. Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dinyatakan selepas ditolak deposit terhad.

Termasuk dalam deposit terhad ialah penalti monetari yang diterima daripada sekatan pentadbiran yang dikenakan oleh SC terhadap individu berikutan pelanggaran undang-undang sekuriti. Amaun penalti yang diterima ini direkodkan sebagai pelbagai pemiutang dan akan dibayar kepada dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan apabila setiap tindakan sekatan dimuktamadkan.

(e) Rosot nilai

(i) Aset kewangan

SC mengiktiraf elaun kerugian yang dijangka kerugian kredit ke atas aset kewangan yang diukur pada kos yang dilunaskan. Kerugian kredit yang dijangkakan adalah anggaran wajaran kerugian kredit.

SC mengukur elaun kerugian pada jumlah yang sama dengan jangkaan kerugian kredit sepanjang hayat, kecuali sekuriti hutang yang ditentukan untuk mempunyai risiko kredit yang rendah pada tarikh laporan, tunai dan kesamaan tunai yang mana risiko kredit tidak meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal, yang mana diukur pada jangkaan kerugian kredit selama 12 bulan. Elaun rugi bagi penghutang perdagangan sentiasa diukur pada jumlah yang sama dengan kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat.

Apabila menentukan sama ada risiko kredit aset kewangan meningkat dengan ketara sejak pengiktirafan awal dan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan, SC menimbangkan maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang relevan dan tersedia tanpa kos atau usaha yang tidak wajar. Ini termasuk maklumat dan analisis kuantitatif dan kualitatif, berdasarkan pengalaman sejarah SC dan penilaian kredit yang dimaklumkan dan termasuk maklumat berpandangan ke hadapan, jika ada.

Kerugian kredit yang dijangkakan sepanjang hayat adalah kerugian kredit yang dijangkakan yang disebabkan oleh semua kemungkinan peristiwa ingkar sepanjang jangkaan hayat aset tersebut, manakala kerugian kredit dijangka selama 12 bulan adalah sebahagian daripada kerugian kredit yang dijangkakan yang terhasil daripada peristiwa lalai yang mungkin dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh pelaporan. Tempoh maksimum yang dipertimbangkan apabila menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan adalah tempoh kontrak maksimum yang mana SC terdedah kepada risiko kredit.

SC menganggarkan kerugian kredit yang dijangkakan pada penghutang perdagangan dengan menggunakan matriks peruntukan dengan merujuk kepada pengalaman kerugian kredit sejarah.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan diiktiraf dalam untung atau rugi dan amaun dibawa aset dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan.

Pada setiap tarikh pelaporan, SC menilai sama ada aset kewangan yang dibawa pada kos yang dilunaskan adalah kredit terjejas. Aset kewangan adalah kredit terjejas apabila satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan buruk terhadap anggaran aliran tunai masa depan aset kewangan telah berlaku.

Jumlah bawaan kasar aset kewangan dihapus kira (sama ada sebahagian atau penuh) setakat bahawa tiada prospek pemulihan realistik. Ini biasanya berlaku apabila SC menentukan bahawa penghutang tidak mempunyai aset atau sumber pendapatan yang boleh menghasilkan aliran tunai yang mencukupi untuk membayar balik jumlah yang tertakluk kepada penolakan itu. Walau bagaimanapun, aset kewangan yang dihapuskan masih boleh tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan untuk mematuhi prosedur SC untuk pemulihan jumlah yang perlu dibayar.

(ii) Aset bukan kewangan

Nilai bawaan aset bukan kewangan disemak pada penghujung setiap tempoh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa tanda-tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, maka nilai boleh pulih aset dianggarkan.

Untuk menguji rosot nilai, aset dikelompokkan ke dalam kelompok kecil yang menjana aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya tidak bergantung pada aliran masuk tunai aset lain atau unit penajaan tunai. Nilai boleh pulih satu-satu aset atau unit penajaan tunai adalah nilainya yang lebih besar dalam penggunaan dan nilai saksamanya tolak kos pelupusan. Semasa menaksir nilai dalam penggunaan, aliran tunai akan datang yang dianggarkan diturunkan kepada nilai semasanya dengan menggunakan kadar penurunan sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai mata wang dan risiko khusus kepada aset atau unit penajaan tunai.

Kerugian rosot nilai diiktiraf jika nilai bawaan aset atau unit penajaan tunainya yang berkaitan melebihi jangkaan nilai boleh pulihnya. Rosot nilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Kerugian rosot nilai yang dikira dalam tempoh terdahulu ditaksir pada penghujung setiap tempoh pelaporan bagi melihat apa-apa tanda yang menunjukkan kerugian tersebut telah berkurang atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai ditarik balik jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai boleh pulih sejak kerugian rosot nilai yang lalu dikira. Kerugian rosot nilai ditarik balik hanya setakat nilai yang nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan yang mungkin telah ditentukan, tolak susut nilai atau pelunasan, jika kerugian rosot nilai tidak dikira. Penarikbalikan kerugian rosot nilai dikreditkan ke dalam keuntungan atau kerugian dalam tahun kewangan penarikbalikan tersebut dikira.

(f) Hasil dan pendapatan lain

(i) Hasil

Hasil diukur berdasarkan pertimbangan yang ditentukan dalam kontrak dengan pelanggan sebagai pertukaran untuk memindahkan perkhidmatan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi pihak ketiga. SC mengiktiraf hasil apabila (atau sebagai) ia memindahkan kawalan ke atas perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila (atau sebagai) pelanggan memperoleh kawalan aset tersebut.

SC memindahkan kawalan ke atas sesuatu barang atau perkhidmatan pada satu-satu masa kecuali satu daripada kriteria masa lampau dipenuhi:

- (a) pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan oleh SC;
- (b) prestasi SC mewujudkan atau menambah aset yang dikawal oleh pelanggan sebagai aset dicipta atau dipertingkatkan; atau
- (c) prestasi SC tidak mewujudkan aset dengan penggunaan alternatif dan SC mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk pembayaran untuk prestasi yang disempurnakan setakat ini.

(ii) Levi

Levi yang dikumpulkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa) seperti yang dinyatakan dalam seksyen 24 SCMA dan *Perintah Suruhanjaya Sekuriti (Levi ke atas Urus Niaga Sekuriti) (Pindaan) 2009*.

SC memperakui levi daripada Bursa sebagai pendapatan pada suatu masa secara terakru.

(iii) Yuran dan caj

SC mencatatkan fi dan caj sebagai pendapatan dari masa ke masa apabila perkhidmatan dilaksanakan.

(iv) Yuran pendaftaran

Yuran pendaftaran diperakui pada suatu masa apabila pendaftaran diserahkan oleh pendaftar.

(v) Yuran pelesenan

Yuran pelesenan diperakui sebagai pendapatan apabila perkhidmatan telah dilaksana dari masa ke semasa. SC merekodkan fi lesen yang diterima terdahulu sebagai suatu liabiliti.

(vi) Pendapatan kewangan

Pendapatan kewangan diperakui ketika ia terakru dengan menggunakan kaedah faedah efektif dalam keuntungan atau kerugian. Ia terdiri daripada (a) faedah yang diperolehi daripada deposit bank dan sekuriti hutang; dan (b) pelunasan premium atau diskaun ke atas pembelian sekuriti hutang yang diukur pada kos terlunas.

(vii) Pendapatan lain

Termasuk dalam pendapatan lain ialah pendapatan penalti yang diperakui pada suatu masa menurut seksyen 31Z SCMA di mana AOB mengenakan penalti monetari terhadap juruaudit kerana gagal mematuhi syarat pendaftaran AOB. Amaun penalti adalah terhad dan akan digunakan bagi perancangan dan pelaksanaan program pembinaan keupayaan yang berkaitan dengan profesyen perakaunan dan pengauditan.

(g) Manfaat kakitangan**(i) Manfaat kakitangan jangka pendek**

Obligasi manfaat kakitangan jangka pendek berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, caruman kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpan Pekerja (KWSP) atau Skim Persaraan Swasta (PRS) diukur secara tidak terdiskaun dan dikira sebagai perbelanjaan bagi perkhidmatan berkaitan yang diberikan.

Liabiliti diiktiraf bagi amaun yang jangka akan dibayar jika SC mempunyai obligasi undang-undang atau konstruktif semasa untuk membayar amaun ini disebabkan oleh perkhidmatan lampau yang diberikan oleh kakitangan dan obligasi tersebut dapat dianggar dengan andal.

(ii) Pelan manfaat wajib**Manfaat persaraan**

SC memperuntukkan manfaat perubatan persaraan kepada kakitangan yang layak, yang diambil bekerja sebelum 1 Januari 2003.

Obligasi SC dalam pelan manfaat wajib ini dikira dengan menganggar amaun manfaat akan datang yang berhak diterima oleh kakitangan dalam tempoh semasa dan sebelumnya dan mendiskaun amaun tersebut.

Pengiraan obligasi manfaat wajib dilaksanakan oleh aktuari bertaualiah bebas dengan menggunakan kaedah unjuran kredit unit. Apabila pengiraan terima menunjukkan potensi aset bagi SC, aset yang dikira dihadkan kepada nilai semasa manfaat ekonomi yang ada dalam bentuk apa-apa pulangan masa depan daripada pelan atau pengurangan dalam sumbangan masa depan kepada pelan tersebut. Untuk mengira nilai semasa manfaat ekonomi, perhatian diberikan kepada mana-mana keperluan pendanaan minimum yang terpakai.

Pengukuran semula liabiliti manfaat wajib bersih, yang terdiri daripada laba dan kerugian aktuari, dikira terus dalam pendapatan komprehensif lain. SC menentukan perbelanjaan atau pendapatan faedah bersih bagi liabiliti wajib bersih atau aset bagi tempoh tersebut dengan menggunakan kadar penurunan yang digunakan untuk mengukur obligasi manfaat wajib pada permulaan tempoh tahunan bagi liabiliti manfaat wajib atau aset bersih, dengan mengambil kira apa-apa perubahan dalam liabiliti manfaat wajib atau aset bersih dalam tempoh tersebut sebagai bayaran caruman dan manfaat.

Kos dan perbelanjaan berhubung dengan pelan manfaat wajib dikira dalam keuntungan atau kerugian.

Apabila manfaat satu-satu pelan diubah atau apabila satu-satu pelan dipendekkan, perubahan dalam manfaat yang berkait dengan perkhidmatan lampau atau laba atau kerugian daripada pemendekan tersebut dikira terus dalam keuntungan atau kerugian. SC mengira laba dan keuntungan dalam penyelesaian pelan manfaat wajib apabila penyelesaian berlaku.

(h) Cukai tertunda

Cukai tertunda dikira menggunakan kaedah liabiliti, memperuntukkan perbezaan sementara antara jumlah aset dan liabiliti bagi tujuan percukaian dan amaun bawaannya dalam penyata kewangan. Cukai tertunda tidak dikira sekiranya ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urus niaga yang ketika ia berlaku, tidak memberi kesan kepada perakaunan atau keuntungan bercukai.

Cukai tertunda diukur melalui kadar cukai (undang-undang percukaian) yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal menjelang penghujung tempoh pelaporan dan dijangka diguna pakai apabila aset cukai tertunda yang berkaitan diiktiraf atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Aset cukai tertunda diiktiraf berdasarkan berkemungkinan terdapat keuntungan boleh cukai yang tersedia di mana perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai tidak digunakan atau kredit cukai tidak digunakan, boleh digunakan.

Cukai tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi, kecuali apabila ia timbul daripada urus niaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, di mana cukai tertunda juga dicajkan atau dikreditkan terus kepada ekuiti.

Aset dan liabiliti cukai tertunda dioffset apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkaitan dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama ke atas sama ada entiti bercukai atau entiti bercukai yang berbeza di mana wujud hasrat untuk menyelesaikan baki secara bersih.

(i) Dana kepada badan-badan bersekutu

SC memperuntukkan dana kepada badan-badan bersekutu yang layak untuk menceburi aktiviti pasaran modal. Geran diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian apabila pembayaran telah dibuat.

(j) Kontingensi**Aset kontingensi**

Apabila aliran masuk manfaat ekonomi suatu aset mungkin berlaku susulan peristiwa lalu dan di mana kewujudan akan disahkan hanya dengan berlakunya atau tidak salah satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang bukan dalam kawalan SC itu sepenuhnya, aset tersebut tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan, tetapi dinyatakan sebagai aset luar jangka. Sekiranya aliran masuk manfaat ekonomi adalah hampir pasti, maka aset yang berkaitan adalah diiktiraf.

Liabiliti kontingensi

Liabiliti kontingensi ialah obligasi yang mungkin timbul daripada peristiwa lepas yang kewujudannya akan disahkan oleh peristiwa atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak pasti yang berada di luar kawalan SC atau obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tidak mungkin aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut. Liabiliti kontingensi juga timbul dalam kes yang amat jarang berlaku di mana terdapat liabiliti yang tidak boleh diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur dengan pasti. Walau bagaimanapun, liabiliti kontingensi tidak termasuk kontrak jaminan kewangan.

(k) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti ditentukan sebagai harga yang akan diterima untuk menjual sesuatu aset atau harga yang dibayar untuk memindahkan liabiliti dalam transaksi secara tertib antara peserta pasaran pada tarikh pengukuran. Pengukuran tersebut menganggap bahawa transaksi untuk menjual aset tersebut atau memindahkan liabiliti berlaku sama ada dalam pasaran utama atau jika ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran paling berfaedah.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya atau menjualnya kepada peserta pasaran lain yang akan menggunakan aset tersebut dalam kegunaan tertinggi dan terbaiknya.

Semasa mengukur nilai saksama aset atau liabiliti, setakat yang mungkin, SC menggunakan data pasaran boleh cerap. Nilai saksama dikategorikan ke dalam peringkat berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti yang berikut:

Tahap 1: harga sebutan (tak terlaras) dalam pasaran aktif untuk aset atau liabiliti serupa yang boleh diakses oleh SC pada tarikh pengukuran.

Tahap 2: input selain harga sebutan terangkum dalam Tahap 1 yang boleh diceraap bagi aset atau liabiliti tersebut, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3: input tak boleh cerap bagi aset atau liabiliti.

SC mengiktiraf pemindahan antara tahap hierarki nilai saksama pada tarikh peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pemindahan.

4. HARTANAH, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

	Bangunan RM'000	Peralatan pejabat, perabot dan kelengkapan RM'000	Komputer dan aplikasi RM'000	Kenderaan bermotor RM'000	Kerja modal pelaksanaan RM'000	Jumlah RM'000
Kos						
Pada 1 Januari 2020	232,162	114,208	79,772	1,753	2,778	430,673
Penambahan	-	1,001	2,160	-	7,268	10,429
Pelupusan	-	(24)	(312)	-	-	(336)
Pemindahan (daripada)/kepada	-	4,702	2,018	-	(6,720)	-
Pada 31 Disember 2020/ 1 Januari 2021	232,162	119,887	83,638	1,753	3,326	440,766
Penambahan	-	630	710	-	5,488	6,828
Pelupusan	-	(6)	(5)	-	-	(11)
Pemindahan (daripada)/kepada	-	-	4,475	-	(4,475)	-
Pada 31 Disember 2021	232,162	120,511	88,818	1,753	4,339	447,583
Tolak: Susut nilai terkumpul						
Pada 1 Januari 2020						
Susut nilai terkumpul	95,283	108,198	72,979	1,589	-	278,049
Rosot nilai terkumpul	109	-	-	-	-	109
	95,392	108,198	72,979	1,589	-	278,158
Susut nilai bagi tahun	4,643	2,274	4,264	78	-	11,259
Pelupusan	-	(16)	(312)	-	-	(328)
Pada 31 Disember 2020/ 1 Januari 2021						
Susut nilai terkumpul	99,926	110,456	76,931	1,667	-	288,980
Rosot nilai terkumpul	109	-	-	-	-	109
	100,035	110,456	76,931	1,667	-	289,089
Susut nilai bagi tahun	4,643	2,606	4,309	44	-	11,602
Pelupusan	-	(5)	(5)	-	-	(10)
Pada 31 Disember 2021						
Susut nilai terkumpul	104,569	113,057	81,235	1,711	-	300,572
Rosot nilai terkumpul	109	-	-	-	-	109
	104,678	113,057	81,235	1,711	-	300,681
Amaun bawaan						
Pada 1 Januari 2020	136,770	6,010	6,793	164	2,778	152,515
Pada 31 Disember 2020/ 1 Januari 2021	132,127	9,431	6,707	86	3,326	151,677
Pada 31 Disember 2021	127,484	7,454	7,583	42	4,339	146,902

5. ASET DENGAN HAK PENGGUNAAN

	Tanah pegangan pajakan RM'000
Pada 1 Januari 2020	6,843
Susut nilai	(92)
Pada 31 Disember 2020/1 Januari 2021	6,751
Susut nilai	(92)
Pada 31 Disember 2021	6,659

SC memajak dua tanah pajakan bagi tempoh 99 tahun yang akan tamat pada 2094 dan 2096, masing-masing.

6. ASET CUKAI TERTUNDA

Aset cukai tertunda di-ofset apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk menolak aset cukai semasa terhadap liabiliti cukai semasa dan apabila cukai tertunda berkaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

	2021 RM'000	2020 RM'000
Aset cukai tertunda	8,972	-
Pada 1 Januari 2021/ 31 Disember 2020	-	-
Dikreditkan dalam penyata pendapatan (Nota 19)		
– Hartanah, kelengkapan dan peralatan	6,318	-
– Kerugian cukai	2,654	-
Setakat 31 Disember 2021	8,972	-

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf berhubung perkara ini kerana SC telah dikecualikan daripada cukai berkuas kuasa dari Tahun Taksiran (YA) 2007 hingga YA 2021.

Amaun kerugian cukai tidak digunakan dan elaun modal tidak digunakan yang mana tiada aset cukai tertunda diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan adalah seperti berikut:

	2021 RM'000	2020 RM'000
Elaun modal tidak digunakan	-	26,324
Kerugian cukai tidak digunakan	-	11,060
Setakat 31 Disember 2021	-	37,384

Berkuat kuasa YA 2022, SC akan dikenakan kadar cukai sebanyak 24% di bawah keperluan Akta Cukai Pendapatan 1967. Aset cukai tertunda diiktiraf berdasarkan berkemungkinan keuntungan boleh cukai akan tersedia terhadap kerugian cukai dan elaun modal yang tidak digunakan, boleh digunakan.

7. PENGHUTANG JANGKA

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pembiayaan kepada kakitangan	4,441	5,347
Tolak: Keuntungan belum diperoleh		
– Pembiayaan cara Islam untuk rumah dan kereta	(155)	(189)
	4,286	5,158
Tolak: Amaun dijangka dalam tempoh 12 bulan (Nota 9)	(1,315)	(1,048)
Amaun dijangka selepas 12 bulan	2,971	4,110

Kadar dan tempoh pembiayaan kakitangan adalah seperti berikut:

	Kadar (tahunan)	Tempoh maksimum pembayaran
Pinjaman perumahan kewangan islam dan konvensional	2%	25 tahun
Pinjaman kenderaan kewangan islam dan konvensional	4%	7 tahun
Pinjaman pelajaran	-	5 tahun
Pinjaman komputer	-	4 tahun

Pembiayaan kepada kakitangan merangkumi pembiayaan perumahan secara Islam dan konvensional, pembiayaan kenderaan bermotor secara Islam dan konvensional, pinjaman komputer dan pinjaman pendidikan.

Struktur kematangan bagi pembiayaan kepada kakitangan pada penghujung tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2021 RM'000	2020 RM'000
Dalam masa 1 tahun	1,315	1,048
Lebih daripada 1 tahun dan sehingga 5 tahun	2,273	2,887
Lebih daripada 5 tahun	698	1,223
	4,286	5,158

8. PELABURAN LAIN

	Bukan Semasa		Semasa		Jumlah	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos terlunas:						
– Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan	5,175	75,423	70,067	55,195	75,242	130,618
– Deposit di bank berlesen	19,500	-	910,057	733,038	929,557	733,038
	<u>24,675</u>	<u>75,423</u>	<u>980,124</u>	<u>788,233</u>	<u>1,004,799</u>	<u>863,656</u>

Termasuk dalam deposit di bank berlesen adalah jumlah terhad untuk pembangunan industri broker saham berjumlah RM14.9 juta (2020: RM14.1 juta) dan sejumlah terhad untuk merancang dan melaksanakan program pembinaan kapasiti berhubung dengan profesion perakaunan dan pengauditan kira-kira RM2.1 juta (2020: RM1.9 juta).

Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan, masing-masing akan matang dalam 2022 dan 2024. Hasil purata wajaran hingga matang bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Bon Jaminan Kerajaan ialah 3.80% setahun (2020: 3.98% setahun).

Deposit di bank-bank berlesen mempunyai tempoh kematangan 12 bulan dan 15 bulan (2020: 12 bulan dan 15 bulan) dan memperoleh pendapatan pada kadar daripada 2.20% hingga 3.80% setahun (2020: 2.20% hingga 4.20% setahun).

9. PENGHUTANG DAN PELBAGAI PENGHUTANG

	2021 RM'000	2020 RM'000
Levi	13,450	36,372
Penghutang pendapatan	8,792	9,562
Penghutang lain	526	877
Deposit	145	252
Prabayaran	2,643	2,872
Pembiayaan jangka pendek kepada kakitangan (Nota 7)	1,315	1,048
	<u>26,871</u>	<u>50,983</u>

10. TUNAI DAN SETARA TUNAI

	2021 RM'000	2020 RM'000
Tunai dan baki di bank	25,247	15,853
Deposit di bank berlesen	57,887	74,796
	<u>83,134</u>	<u>90,649</u>

Deposit di bank berlesen memperoleh pendapatan pada kadar daripada 1.50% hingga 1.70% setahun (2020: 1.50% hingga 3.05% setahun).

Termasuk deposit dalam bank-bank berlesen adalah amaun yang terhad bagi deposit sekuriti broker sebanyak RM0.2 juta (2020: RM1.3 juta) dan jumlah yang dipegang bagi pihak agensi kerajaan atau dana sebanyak hampir RM57.3 juta (2020: RM51.6 juta).

Tunai dan setara tunai tersebut disimpan di bank berlesen.

11. RIZAB DANA PAMPASAN

Ini mewakili amaun yang diperuntukkan daripada lebih terkumpul bagi Dana Pampasan Pasaran Modal.

12. MANFAAT PERSARAAN

SC memperuntukkan manfaat perubatan persaraan kepada kakitangan yang layak, yang diambil bekerja sebelum 1 Januari 2003.

Pelan manfaat wajib adalah pelan perubatan persaraan tak berdana yang memberikan manfaat perubatan kepada peserta dan tanggungan mereka yang layak selepas umur persaraan sehingga peserta atau pasangannya meninggal dunia, atau bagi anak tanggungannya sehingga umur 18 atau 24 tahun, sekiranya mereka masih lagi menuntut.

Dengan demikian, kos mutlak pelan tersebut bergantung pada hayat pesara dan tanggungan mereka yang layak, insidens dan kos peristiwa yang mengakibatkan tuntutan di bawah pelan tersebut, dan inflasi bagi kos tersebut pada masa hadapan.

Pendanaan

Pelan ini tak berdana. Caruman majikan kepada pelan tersebut adalah amaun tuntutan perubatan yang dibayar terus oleh SC. SC menjangka akan membayar sekitar RM3.0 juta bagi caruman kepada pelan manfaat wajibnya dalam 2022.

Pergerakan dalam liabiliti manfaat wajib bersih

	2021 RM'000	2020 RM'000
Liabiliti manfaat wajib bersih 1 Januari	140,416	80,650
<u>Terangkum dalam keuntungan atau kerugian</u>		
Kos perkhidmatan semasa	3,981	3,953
Kos faedah	6,824	6,420
	10,805	10,373
<u>Lain-lain</u>		
Manfaat dibayar	(2,776)	(1,960)
Pengukuran semula obligasi liabiliti ditentukan	34,865	51,353
Liabiliti manfaat ditentukan bersih pada 31 Disember	183,310	140,416

Obligasi manfaat wajib
Andaian aktuari

Andaian aktuari utama pada penghujung tempoh pelaporan (dinyatakan sebagai purata wajaran):

	2021	2020
Kadar diskaun	5.2%	4.9%
Inflasi kos perubatan	10%, menurun ke 6% dalam 4 tahun	10%, menurun ke 6% dalam 4 tahun
Umur persaraan biasa	60 tahun	60 tahun

Andaian berhubung mortaliti pada masa hadapan adalah berpandukan statistik dan jadual mortaliti yang diterbitkan.

Pada 31 Disember 2021, tempoh purata wajaran bagi obligasi manfaat wajib adalah 20 tahun (2020: 20 tahun).

Analisis sensitiviti

Perubahan mungkin yang munasabah pada tarikh pelaporan kepada satu daripada andaian aktuari berkaitan, dengan mengekalkan andaian lain, mungkin boleh menjejaskan obligasi manfaat wajib menurut amaun yang ditunjukkan di bawah.

	Obligasi manfaat wajib	
	Peningkatan RM'000	Pengurangan RM'000
2021		
Kadar diskaun (1% pergerakan)	(29,513)	37,945
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	36,112	(28,780)
2020		
Kadar diskaun (1% pergerakan)	(21,343)	26,819
Kadar inflasi kos perubatan (1% pergerakan)	26,819	(21,764)

13. PENDAPATAN TERTUNDA

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pada 1 Januari 2021/2020	704	2,591
Tolak: Diiktiraf dalam untung atau rugi sepanjang tahun	(704)	(1,887)
Pendapatan tertunda	-	704

Pada 2017, SC telah menerima kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk menggunakan jumlah baki yang dikeluarkan daripada individu-individu bagi pelanggaran peruntukan dagangan orang dalam dan manipulasi pasaran di bawah undang-undang sekuriti, berjumlah RM8.4 juta. Jumlah ini adalah untuk membiayai kos mengawal selia pasaran di Malaysia.

14. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pelbagai pemiutang	80,147	69,333
Prabayar		
– Yuran dan caj	4,723	-
– Pelesenan	622	850
– Yuran pendaftaran	440	432
– Pendapatan lain	210	115
Akruan	4,266	5,735
Deposit sekuriti broker	314	1,791
	<u>90,722</u>	<u>78,256</u>

15. PENDAPATAN

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
Pendapatan	15.1	262,952	300,868
Pendapatan lain			
– Pendapatan kewangan		25,813	28,651
– Lain-lain		19,743	15,630
		<u>45,556</u>	<u>44,281</u>
Jumlah pendapatan		<u>308,508</u>	<u>345,149</u>

15.1 Jenis barang dan perkhidmatan

Maklumat berikut merupakan urusan niaga SC:

Jenis perkhidmatan	Tempoh pembayaran ketara	Masa pengiktirafan atau kaedah yang digunakan untuk mengiktiraf pendapatan
Levi	30 hari	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf pada satu masa.
Yuran dan caj	Tidak berkenaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf dari masa ke masa.
Pelesenan	Tidak berkenaan	Pendapatan diperoleh dari Malaysia dan diiktiraf dari masa ke masa.

16. KOS KAKITANGAN

	2021 RM'000	2020 RM'000
Ganjaran, bonus, perubatan kakitangan, latihan kakitangan dan kerja lebih masa	145,360	133,238
Plan caruman wajib	19,153	18,103
Manfaat kakitangan lain	3,221	2,761
Manfaat persaraan	10,805	10,373
	<u>178,539</u>	<u>164,475</u>

17. DANA KEPADA BADAN-BADAN BERSEKUTU

SC menawarkan dana kepada badan-badan bersekutu yang terlibat dalam projek dan program yang menggalakkan, membangunkan dan meningkatkan kekukuhan pasaran modal Malaysia.

18. LEBIHAN SEBELUM CUKAI

	Nota	2021 RM'000	2020 RM'000
Lebihan sebelum cukai dicapai selepas mengenakan caj/ dikreditkan:			
Ganjaran juruaudit		135	100
Emolumen ahli eksekutif		5,465	4,942
Elaun ahli bukan eksekutif		1,026	1,123
Perbelanjaan sewa:			
Hartanah	(a)	288	86
Kelengkapan dan peralatan	(b)	234	196
Susut nilai hartanah, kelengkapan dan peralatan	4	11,602	11,259
Susut nilai aset dengan hak penggunaan	5	92	92
Keuntungan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan		<u>-</u>	<u>(11)</u>

Nota

- (a) SC menyewa bangunan pejabat dengan pajakan jangka pendek dan telah memilih untuk tidak mengiktiraf aset hak penggunaan dan liabiliti pajakan bagi pengaturannya tersebut.
- (b) SC menyewa peralatan IT yang dianggap sebagai pajakan barang bernilai rendah dan pajakan jangka pendek. SC telah memilih untuk tidak mengiktiraf aset hak penggunaan dan liabiliti pajakan bagi pengaturannya ini.

19. MANFAAT CUKAI

	2021 RM'000	2020 RM'000
Aset cukai tertunda (Nota 6)		
– Pengasalan perbezaan sementara	8,972	-

Penjelasan dan hubungan antara manfaat cukai dan lebihan sebelum cukai adalah seperti berikut:

	2021 RM'000	2020 RM'000
Lebihan sebelum cukai	83,719	132,569
Cukai dikira mengikut kadar cukai Malaysia sebanyak 0% (2020: 0%)	-	-
Kesan cukai:		
– Pengiktirafan aset cukai tertunda ke atas kerugian cukai tidak digunakan yang sebelum ini tidak diiktiraf	2,654	-
– Pengiktirafan aset cukai tertunda ke atas elaun modal tidak digunakan yang sebelum ini tidak diiktiraf	6,318	-
Manfaat cukai	8,972	-

SC telah diberikan kelulusan daripada Menteri Kewangan untuk dikecualikan daripada cukai berkuat kuasa dari Tahun Taksiran (YA) 2007 hingga YA 2021. Berkuat kuasa dari YA 2022, SC akan dikenakan kadar cukai sebanyak 24% di bawah keperluan Akta Cukai Pendapatan 1967. Aset cukai tertunda diiktiraf berdasarkan berkemungkinan bahawa keuntungan boleh cukai akan tersedia di mana kerugian cukai dan elaun modal yang tidak digunakan, boleh digunakan.

20. KERUGIAN KOMPREHENSIF LAIN

	Sebelum cukai RM'000	Perbelanjaan cukai RM'000	Cukai bersih RM'000
2021			
Item yang tidak akan dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian			
Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	34,865	-	34,865
2020			
Item yang tidak akan dikelaskan semula selepas keuntungan atau kerugian			
Pengukuran semula liabiliti manfaat yang ditentukan	51,353	-	51,353

21. PIHAK BERKAITAN

Identiti bagi pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak dianggap berkaitan dengan SC sekiranya SC mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak atau melaksanakan pengaruh penting ke atas pihak dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau di mana SC dan pihaknya tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak yang berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti SC sama ada secara langsung atau tidak langsung.

SC mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan Securities Industry Development Corporation (SIDC), di mana Pengerusi SC juga adalah Pengerusi SIDC.

Lee Hishammuddin Allen & Gledhill (LHAG) juga merupakan pihak berkaitan SC, di mana ahli lembaga SC juga adalah rakan kongsi LHAG.

Transaksi pihak berkaitan yang utama

Transaksi pihak berkaitan utama SC ditunjukkan di bawah:

	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Pihak berkaitan</u>		
Yuran pengurusan diterima dari SIDC	-	129
Dana kepada SIDC	(3,500)	(3,500)
Kos perundangan yang dibayar kepada LHAG	-	(34)
	<u> </u>	<u> </u>

22. KOMITMEN MODAL

	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Komitmen perbelanjaan modal</u>		
<u>Kelengkapan dan peralatan</u>		
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan bagi:		
Dalam masa satu tahun	37,630	18,170
Dalam masa dua – tiga tahun	-	1,700
	<u> </u>	<u> </u>

23. INSTRUMEN KEWANGAN

23.1 Kategori instrumen kewangan

Jadual di bawah memberikan analisis instrumen kewangan yang dikategorikan pada kos terlunas (AC).

	Amaun bawaan RM'000	AC RM'000
2021		
<u>Aset kewangan</u>		
Penghutang jangka panjang	2,971	2,971
Pelaburan lain	1,004,799	1,004,799
Penghutang dan pelbagai penghutang*	24,083	24,083
Tunai dan setara tunai	83,134	83,134
	<u>1,114,987</u>	<u>1,114,987</u>
<u>Liabiliti kewangan</u>		
Pelbagai pemiutang dan akruan*	<u>(84,727)</u>	<u>(84,727)</u>
2020		
<u>Aset kewangan</u>		
Penghutang jangka panjang	4,110	4,110
Pelaburan lain	863,656	863,656
Penghutang dan pelbagai penghutang*	47,859	47,859
Tunai dan setara tunai	90,649	90,649
	<u>1,006,274</u>	<u>1,006,274</u>
<u>Liabiliti kewangan</u>		
Pelbagai pemiutang dan akruan*	<u>(76,859)</u>	<u>(76,859)</u>

* Kecuali bukan instrumen kewangan

23.2 Pengurusan risiko kewangan

SC mempunyai dasar dan garis panduan berkenaan strategi pelaburan menyeluruh dan toleransi ke arah risiko. Pelaburan diurus dengan cara berhemah untuk memastikan dana dikekalkan dan terpelihara. SC mempunyai pendedahan kepada risiko yang berikut daripada penggunaan instrumen kewangannya:

- Risiko kredit
- Risiko kecairan
- Risiko pasaran

23.3 Risiko kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kepada SC jika pihak berlawanan kepada instrumen kewangan gagal mematuhi obligasi kontraknya. Pendedahan kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada ciri-ciri individu setiap pelanggan. Tiada perubahan ketara berbanding dengan tahun sebelumnya.

Penghutang

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses bagi menguruskan risiko

SC mempunyai dasar kredit rasmi dan pendedahan kepada risiko kredit dipantau secara terus-menerus. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan bagi setiap aset kewangan.

SC mengurus penghutangnya dan mengambil tindakan sewajarnya (termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan undang-undang) untuk memulih baki tertunggak yang panjang. Secara amnya, penghutang akan membayar dalam tempoh 30 hari.

Pengiktirafan dan pengukuran kerugian rosot nilai

SC menggunakan elaun matriks untuk mengukur ECL bagi penghutang setiap segmen. Selaras dengan proses pemulihan hutang, invois yang lewat 90 hari akan dianggap sebagai kredit terjejas.

Jadual berikut memberikan maklumat tentang pendedahan risiko kredit dan ECL bagi penghutang pada 31 Disember 2021 di mana dikumpulkan bersama disebabkan sifat risiko yang dijangka serupa.

	Kasar RM'000	Rosot nilai individu RM'000	Bersih RM'000
<u>2021</u>			
Belum melepasi tarikh luput	29,842	-	29,842
<u>2020</u>			
Belum melepasi tarikh luput	54,941	-	54,941
Melepasi tarikh luput 1 - 30 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 31 - 90 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput 91 - 180 hari	-	-	-
Melepasi tarikh luput lebih daripada 180 hari	152	-	152
	55,093	-	55,093

Penghutang bersih yang melepasi tarikh luput tidak dirosot nilai kerana penghutang ini dijamin atas harta kediaman dengan nilai saksama melebihi hutang belum jelasnya.

Nilai saksama bagi harta bercagar ini ditentukan dengan menggunakan kaedah perbandingan berdasarkan penilaian profesional.

Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai disimpan di dalam bank dan institusi kewangan. Pada akhir tempoh pelaporan, pendedahan maksimum kepada risiko kredit dinyatakan dengan amaun bawaan di penyata kedudukan kewangan.

Bank dan institusi kewangan mempunyai risiko kredit yang rendah. Sebagai tambahan, beberapa baki bank diinsuranskan oleh agensi kerajaan. SC berpendapat bahawa elaun kerugian tidak material. Oleh itu, ia tidak diperuntukkan.

Pelaburan dan aset kewangan lain

Objektif pengurusan risiko, dasar dan proses bagi menguruskan risiko

Pelaburan dibenarkan hanya dalam sekuriti cair dan hanya dengan pihak berlawanan yang mempunyai kadar kredit yang berdaulat atau hampir dengan kadar berdaulat.

Pendedahan kepada risiko kredit, kualiti kredit dan cagaran

Pada penghujung tempoh pelaporan, SC hanya melabur dalam sekuriti kerajaan Malaysia dan bon dijamin kerajaan. Oleh kerana pelaburan ini adalah cair dan dengan rakan niaga yang mempunyai penarafan kredit yang berdaulat atau hampir berdaulat, maka risiko kreditnya adalah rendah. Pendedahan maksimum terhadap risiko kredit ditunjukkan oleh amaun bawaan dalam penyata kedudukan kewangan.

23.4 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko yang SC tidak akan dapat memenuhi obligasi kewangannya apabila tiba tarikh luputnya. SC memantau dan mengekalkan aras tunai dan setara tunai yang difikirkan cukup oleh SC untuk membiayai operasinya dan untuk mengurangkan kesan turun naik dalam aliran tunai.

Analisis kematangan

Jadual di bawah meringkaskan profil kematangan liabiliti kewangan SC pada penghujung tempoh pelaporan. Tiada kadar faedah berkontrak bagi lain dan akruan.

	Amaun bawaan RM'000	Rosot nilai berkontrak RM'000	1 tahun RM'000
<u>2021</u>			
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Pelbagai pemiutang dan akruan*	<u>84,727</u>	<u>84,727</u>	<u>84,727</u>
<u>2020</u>			
<u>Liabiliti kewangan</u>			
Pelbagai pemiutang dan akruan*	<u>76,859</u>	<u>76,859</u>	<u>76,859</u>

* Kecuali bukan instrumen kewangan

23.5 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko yang mengubah harga pasaran, seperti kadar faedah yang akan menjejaskan kedudukan kewangan atau aliran tunai SC

23.5.1 Risiko kadar faedah

Profil kadar faedah instrumen kewangan yang menanggung faedah ketara SC, berdasarkan amaun bawaan pada penghujung tempoh pelaporan adalah:

	2021 RM'000	2020 RM'000
<u>Instrumen kadar tetap</u>		
Aset kewangan	1,062,686	938,452

Analisis sensitiviti risiko kadar faedah

Analisis sensitiviti nilai saksama bagi instrumen kadar tetap

SC tidak mempunyai apa-apa aset kewangan kadaran tetap pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Oleh itu, perubahan dalam kadar faedah pada penghujung tempoh pelaporan tidak akan mempengaruhi keuntungan atau kerugian.

23.6 Maklumat nilai saksama

Amaun bawaan tunai dan kesetaraan tunai, belum terima jangka pendek dan belum bayar secara munasabah mengangarkan nilai saksamanya disebabkan tempoh jangka pendek instrumen kewangan ini.

Amaun bawaan deposit tetap diandaikan secara munasabah mengangarkan nilai saksamanya.

Jadual di bawah menganalisis instrumen kewangan yang tidak dibawa pada nilai saksama yang mana nilai saksamanya didedahkan, bersama-sama dengan amaun bawaannya ditunjukkan dalam penyata kedudukan kewangan.

	<u>Nilai saksama instrumen kewangan tidak dibawa pada nilai saksama</u>			Jumlah nilai saksama RM'000	Amaun bawaan RM'000
	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000		
<u>2021</u>					
<u>Semasa</u>					
<u>Aset kewangan</u>					
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Jaminan Kerajaan	71,012	-	-	71,012	70,067
	71,012	-	-	71,012	70,067

	Nilai saksama instrument kewangan tidak dibawa pada nilai saksama			Jumlah nilai saksama RM'000	Amaun bawaan RM'000
	Tahap 1 RM'000	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000		
<u>Bukan semasa</u>					
<u>Aset kewangan</u>					
Belum terima jangka panjang	-	-	2,971	2,971	2,971
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan					
Bon Jaminan Kerajaan	-	5,190	-	5,190	5,175
	-	5,190	2,971	8,161	8,146
<u>2020</u>					
<u>Semasa</u>					
<u>Aset kewangan</u>					
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan					
Bon Jaminan Kerajaan	56,402	-	-	56,402	55,195
	56,402	-	-	56,402	55,195
<u>Bukan semasa</u>					
<u>Aset kewangan</u>					
Belum terima jangka panjang	-	-	4,110	4,110	4,110
Sekuriti Kerajaan Malaysia dan					
Bon Jaminan Kerajaan	-	77,444	-	77,444	75,423
	-	77,444	4,110	81,554	79,533

Nilai saksama Tahap 1

Nilai saksama Tahap 1 diperolehi daripada sebut harga tak terlaras dalam pasaran aktif bagi aset kewangan serupa yang entiti tersebut boleh diakses pada tarikh pengukuran.

Nilai saksama Tahap 2

Nilai saksama Tahap 2 dianggar dengan menggunakan input selain sebut harga yang terangkum dalam Tahap 1 yang boleh diceraip bagi aset kewangan, sama ada secara langsung atau tak langsung.

Pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2

Tiada pindahan antara nilai saksama Tahap 1 dengan Tahap 2 semasa tahun kewangan (2020: tiada pindahan dalam mana-mana arah).

Nilai saksama Tahap 3

Nilai saksama Tahap 3 dianggar dengan menggunakan input tak boleh cerap bagi aset kewangan tersebut.

Instrumen kewangan tidak dibawa pada nilai saksama

<u>Jenis</u>	<u>Diskripsi huraian teknik penilaian dan input yang digunakan</u>
Penghutang jangka panjang	Aliran tunai terdiskaun menggunakan kaedah berasaskan kadar panjang peminjaman pasaran semasa.

24. PENGURUSAN RIZAB

Objektif pengurusan kewangan SC adalah untuk mengekalkan rizab yang cukup untuk memelihara keupayaan SC melaksanakan kewajipan dan fungsinya secara bebas dan berkesan. Pihak pengurusan memantau komitmen modal jangka panjang untuk memastikan dana yang mencukupi tersedia untuk memenuhi obligasi. Pelaburan SC diurus secara berhemah untuk memastikan dana terpelihara.

25. KONTINGENSI

Pada 2019, AOB mengenakan sekatan terhadap firma audit dan rakan kongsinya yang termasuk antara lain, penalti monetari sebanyak RM631,000 kerana melanggar syarat pendaftaran AOB di bawah seksyen 310(3) SCMA. Sekatan oleh AOB adalah diperakui oleh SC.

Pihak-pihak terbabit telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan kehakiman terhadap keputusan AOB. Pada 10 Ogos 2020, Mahkamah Tinggi membatalkan sekatan yang dikenakan oleh AOB terhadap firma audit tersebut dan rakan kongsinya. Susulan keputusan Mahkamah Tinggi itu, pihak-pihak tersebut juga menuntut ganti rugi berjumlah RM35.0 juta daripada SC/AOB. Peguam luar telah menasihati bahawa tuntutan terhadap SC/AOB sebanyak RM35.0 juta adalah tidak berasas. Selanjutnya, menurut seksyen 160 SCMA, SC/AOB telah menjalankan fungsinya mengikut SCMA dan adalah dilindungi daripada ganti rugi melainkan dapat dibuktikan bahawa mereka telah bertindak dengan niat jahat.

Pada 13 Ogos 2020, SC/AOB memfailkan rayuan kepada Mahkamah Rayuan untuk mengetepikan keputusan Mahkamah Tinggi.


Pada 10 Disember 2021, Mahkamah Rayuan membuat keputusan memihak kepada SC/AOB. Sehubungan itu, tindakan penguatkuasaan AOB terhadap firma audit dan rakan kongsinya kekal berkuat kuasa dan tuntutan terhadap penilaian ganti rugi telah diketepikan.

Pada 20 Disember 2021, firma audit itu memohon kepada Mahkamah Rayuan untuk menangguhkan keputusannya, sementara menunggu permohonan kebenaran untuk merayu kepada Mahkamah Persekutuan. Sementara menunggu penyelesaian prosiding kehakiman, penalti monetari sebanyak RM631,000 yang dikenakan oleh SC/AOB terhadap firma audit dan rakan kongsinya belum diiktiraf sebagai pendapatan penalti.

KENYATAAN AHLI LEMBAGA

Pada pendapat para ahli, penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 98 hingga 128 telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia setakat 31 Disember 2021 serta prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Lembaga:



SYED ZAID ALBAR
PENGURUS



WEE HOE SOON @ GOOI HOE SOON
AHLI

Kuala Lumpur
28 Januari 2022

PERAKUAN BERKANUN

Saya, **Vignaswaran A/L Kandiah**, pegawai utama yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, dengan ikhlas berikrar bahawa penyata kewangan yang dibentangkan pada muka surat 98 hingga 128 adalah, sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya membuat ikrar ini dengan penuh kepercayaan bahawa ianya itu benar, dan menurut peruntukan-peruntukan *Akta Perakuan Berkanun, 1960*.

Ditandatangani dan diikrarkan oleh yang ternama di atas **Vignaswaran A/L Kandiah**, No. K.P 561128-10-6171, di Kuala Lumpur dalam negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada 28 Januari 2022.



VIGNASWARAN A/L KANDIAH
PEGAWAI

Di hadapan saya:



G1-1-2, Ground Floor, Menara 1 Dutamas,
Solaris Dutamas, No. 1, Jalan Dutamas, 1,
50480 KUALA LUMPUR, MALAYSIA.

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI-AHLI LEMBAGA SURUHANJAYA SEKURITI MALAYSIA

LAPORAN MENGENAI AUDIT PENYATA KEWANGAN

Pendapat kami

Pada pendapat kami, penyata kewangan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan SC pada 31 Disember 2021, prestasi kewangan dan aliran tunai mereka untuk tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut menurut *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*.

Apa yang kami telah audit

Kami telah mengaudit penyata kewangan SC, yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021, dan penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan utama seperti yang dibentangkan dalam muka surat 98 hingga 128.

Asas kepada pendapat

Kami telah menjalankan audit kami selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian ini dijelaskan lebih lanjut dalam seksyen laporan kami di bawah "Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan".

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami bebas daripada SC selaras dengan *Undang-Undang Kecil* (mengenai *Etika, Tingkah Laku, dan Amalan Profesional*) bagi Institut Akauntan Malaysia (Undang-Undang Kecil) dan Badan Piawaian Etika Antarabangsa untuk *Kod Etika Akauntan bagi Akauntan Bertauliah* (termasuk Piawaian Bebas Antarabangsa) (Kod IESBA), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain selaras dengan Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Tanggungjawab Ahli-ahli Lembaga terhadap penyata kewangan

Ahli-ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan SC yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan *Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia* dan *Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa*. Ahli-ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh para Ahli-ahli Lembaga sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan SC adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan SC, Ahli-ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan SC untuk terus beroperasi, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas usaha berterusan perakaunan melainkan jika Ahli-ahli Lembaga sama ada berhasrat untuk membubarkan SC atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik melainkan untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit terhadap pengauditan penyata kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan SC secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka dengan munasabah dijangka boleh mempengaruhi keputusan ekonomi yang diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan menurut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit. Kami juga:

- (a) Menenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan SC, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, membentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas kepada pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata ketara yang disebabkan oleh penipuan adalah lebih tinggi daripada yang disebabkan oleh kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, pengecualian yang sengaja, gambaran yang salah, atau ketidakpatuhan terhadap kawalan dalaman.
- (b) Mendapatkan pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merancang prosedur audit yang bersesuaian dalam keadaan, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman SC.
- (c) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan berkaitan yang dibuat oleh Ahli-ahli Lembaga.
- (d) Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas perakaunan usaha berterusan oleh Ahli-ahli Lembaga dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan signifikan ke atas keupayaan SC untuk terus beroperasi sebagai suatu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk mengenenangkan dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan SC atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh laporan juruaudit. Walau bagaimanapun, peristiwa masa hadapan atau keadaan boleh menyebabkan SC berhenti beroperasi secara usaha berterusan.
- (e) Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan SC, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan SC mewakili transaksi-transaksi dan peristiwa sebenar dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Ahli-ahli Lembaga mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan waktu audit yang telah dirancang dan penemuan audit yang signifikan, termasuk sebarang kelemahan yang signifikan dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa proses audit dijalankan.

PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat hanya kepada Ahli Lembaga, sebagai satu badan dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana pihak lain mengenai kandungan laporan ini.



PRICEWATERHOUSECOOPERS PLT
LLP0014401-LCA & AF 1146
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
28 Januari 2022



HERBERT CHUA GUAN HENG
03483/01/2024 J
Akauntan Bertauliah

* Jika terdapat sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris hendaklah diterima pakai.

CADANGAN KORPORAT

EKUITI

SC menerima 17 permohonan ekuiti pada 2021 yang mana 11 permohonan adalah untuk IPO, termasuk cadangan dwipenyenaraian utama di Papan Utama Hong Kong Exchanges and Clearing Market (HKEX) dan 6 adalah untuk pemindahan penyenaraian ke Pasaran Utama.

Daripada 23 permohonan ekuiti untuk pertimbangan pada 2021, 13 telah dipertimbangkan dan 3 telah ditarik balik pada tahun berkenaan manakala baki 7 lagi akan dipertimbangkan pada 2022 (Jadual 1). Daripada 13 permohonan ekuiti yang dipertimbangkan, 8 adalah untuk IPO di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM9.14 bilion. Anggaran jumlah dana yang dikumpulkan

daripada IPO tersebut adalah sebanyak RM3.51 bilion (Jadual 2). Baki permohonan yang akan dipertimbangkan termasuk 4 pemindahan penyenaraian dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama dan 1 penyenaraian sekunder di Pasaran Utama.

Pada 2021, SC juga mempertimbangkan 1 permohonan IPO di Pasaran Utama yang kemudiannya ditarik balik. IPO tersebut dianggarkan akan mengumpul kira-kira RM4.70 bilion.

Terdapat 29 penyenaraian baharu pada 2021, yang mana 6 daripadanya di Pasaran Utama, 11 di Pasaran ACE, dan baki 12 lagi di Pasaran LEAP dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM7.01 bilion. Jumlah dana yang dikumpulkan daripada penyenaraian baharu pada 2021 dianggarkan sebanyak RM2.30 bilion.

Jadual 1 Status permohonan ekuiti		
Permohonan	2021	2020
Dibawa ke hadapan dari tahun sebelumnya	6	3
Diterima pada tahun ini	17	9
Jumlah untuk dipertimbangkan	23	12
Diluluskan pada tahun ini	13	5
Tidak diluluskan pada tahun ini	-	-
Dikembalikan pada tahun ini	-	-
Jumlah dipertimbangkan pada tahun ini	(13)	(5)
Ditarik balik pada tahun ini	(3)	(1)
Dibawa ke tahun hadapan	7	6

Jadual 2	Permohonan ekuiti yang diluluskan mengikut jenis cadangan			
	2021		2020	
Jenis cadangan	Bil. cadangan yang diluluskan	Anggaran amaun dikumpulkan (RM juta)	Bil. cadangan yang diluluskan	Anggaran amaun dikumpulkan (RM juta)
IPO di Pasaran Utama: – Syarikat tempatan	8	3,512.42	1	1,506.38
Penyenaraian sekunder di Pasaran Utama	1	-	-	-
Pemindahan daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama	4	-	4	-
JUMLAH	13	3,512.42	5	1,506.38

Jadual 3	Pendaftaran prospektus ekuiti	
	2021	2020
Prospektus	14	11
Prospektus ringkas	40	27
JUMLAH	54	38

SC juga mendaftarkan 54 prospektus ekuiti pada 2021, terdiri daripada 14 prospektus IPO dan 40 prospektus ringkas (Jadual 3).

BON KORPORAT DAN SUKUK

Pasaran bon korporat dan sukuk Malaysia mencatatkan jumlah penerbitan sebanyak RM114.28 bilion pada 2021, peningkatan sebanyak 9.28% daripada RM104.58 bilion yang diterbitkan pada 2020.

Pada 2021, SC menerima 72 serahan di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (LOLA) dan meluluskan 4 permohonan untuk penerbitan bon korporat dan sukuk,

berbanding 64 serahan pada tahun sebelumnya (Jadual 4). Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit masih merupakan majoriti cadangan yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC dengan jumlah nilai nominal sebanyak RM162.83 bilion, yang mana sukuk mewakili 88.58% atau RM144.23 bilion (Jadual 5).

Bilangan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diluluskan oleh/diserahkan kepada SC dengan tempoh matang antara 1 hingga 7 tahun dan lebih daripada 15 tahun masing-masing meningkat sebanyak 110% dan 9.76%. Terdapat penurunan sebanyak 11.11% dalam jumlah bon korporat dan sukuk denominasi ringgit dengan tempoh matang antara 8 hingga 15 tahun (Carta 1).

Jadual 4 Bilangan permohonan dan serahan bon korporat dan sukuk		
	2021	2020
Serahan¹	72	64
Permohonan		
– Diterima	6	-
– Diluluskan	4	-
– Ditarik balik	2	-

Nota:

¹ Menurut Rangka Kerja LOLA


Jadual 5 Terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/diluluskan				
Jenis terbitan	2021		2020	
	Bilangan terbitan	Amaun nominal (RM juta)	Bilangan terbitan	Amaun nominal (RM juta)
Bon korporat				
– Kertas perdagangan/nota jangka sederhana	12	13,240.00	13	23,791.00
– Bon	2	3,200.00	-	-
– Stok pinjaman	3	164.64	-	-
Jumlah kecil	17	16,604.64	13	23,791.00
Sukuk				
– Kertas perdagangan Islam/nota jangka sederhana Islam	49	113,196.00	43	95,010.00
– Bon Islam	2	30,000.00	1	3,000.00
– Stok pinjaman Islam	2	1,032.06	1	990.00
Jumlah kecil	53	144,228.06	45	99,000.00
Gabungan bon korporat dan sukuk				
– Kertas perdagangan/nota jangka sederhana	4	2,000.00	2	2,000.00
Jumlah kecil	4	2,000.00	2	2,000.00
JUMLAH	74	162,832.70	60	124,791.00

Pada 2021, sebanyak 63 penarafan telah diberikan oleh agensi penarafan kredit kepada terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan kepada SC. Bilangan terbitan yang tidak diberi penarafan telah meningkat sebanyak 32% berbanding tahun sebelumnya (Carta 2).

Terdapat 2 sukuk denominasi mata wang asing diserahkan kepada SC pada 2021.

Carta
1

Tempoh terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/ diluluskan




Nota:

Tempoh kemudahan, dan bukan nota atau kertas yang diterbitkan di bawah kemudahan tersebut.

Carta
2

Ringkasan penarafan terbitan bon korporat dan sukuk denominasi ringgit yang diserahkan/ diluluskan



Nota:

Suatu terbitan bon korporat atau sukuk boleh diberikan dengan lebih daripada 1 penarafan kredit (cth. bagi program kertas perdagangan/nota jangka sederhana, kedua-dua penarafan jangka pendek yang diberikan kepada kertas perdagangan dan penarafan jangka panjang bagi nota jangka sederhana diambil kira).

PENGAMBILALIHAN DAN PERCANTUMAN

Di Malaysia, pengambilalihan dan percantuman dikawal selia di bawah CMSA, *Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 2016* (Kod) dan *Peraturan Pengambilalihan, Percantuman dan Pemerolehan Wajib* (Peraturan). SC menyelia aktiviti pengambilalihan dan percantuman, termasuk pemeriksaan dokumen penzahiran, untuk memastikan pemegang saham dalam syarikat sasaran dilayan secara adil dan tidak dinafikan peluang untuk membuat keputusan mengenai merit pengambilalihan dan diberikan layanan yang setara oleh pemberi tawaran. SC juga mengkaji semula dasar pengambilalihan bagi memastikan keperluan rangka kerja yang teratur semasa pengambilalihan, percantuman dan pemerolehan wajib, dilaksanakan. Kawal selia pengambilalihan tidak memberi perhatian terhadap kelebihan atau kekurangan dari segi kewangan atau komersial suatu pengambilalihan, kerana ia merupakan perkara yang perlu diputuskan oleh syarikat penerima tawaran dan pemegang sahamnya.

Pada 28 Disember 2021, SC menerbitkan Peraturan yang disemak semula berkuat kuasa mulai 29 Disember 2021. Peningkatan kepada Peraturan tersebut adalah sebahagian daripada semakan semula pasca pelaksanaan susulan penerbitan Kod dan Peraturan tersebut pada 2016. Peningkatan utama Peraturan yang disemak semula termasuk memberikan penjelasan mengenai peruntukan untuk pemansuhan permohonan tawaran mandatori, pengenalan keperluan tambahan yang berkaitan dengan permohonan penyelamat (*whitewash*), memasukkan peruntukan baharu untuk membezakan keperluan prasyarat dalam pengumuman tawaran yang pasti dan berkemungkinan serta penjelasan mengenai hal operasi yang lain. Kali terakhir pengemaskinian telah dilakukan kepada Peraturan adalah pada 2017.

Pada 2021, SC mempertimbangkan 79 permohonan di bawah Peraturan tersebut, berbanding 80 permohonan pada 2020. Sebanyak 18 dokumen tawaran telah

diluluskan pada 2021 oleh SC, melibatkan jumlah nilai tawaran sebanyak RM8.59 bilion atau purata RM477.17 juta setiap tawaran, yang mewakili peningkatan sebanyak RM5.1 bilion berbanding tahun sebelumnya (2020: 25 tawaran dengan jumlah nilai tawaran sebanyak RM3.49 bilion atau purata RM139.57 juta setiap tawaran). Daripada 18 tawaran tersebut, 3 tawaran dilaksanakan melalui skim¹ (2020: 6 skim). SC juga meluluskan dokumen skim pampasan tunai kepada pemegang saham Subur Tiasa Holdings Bhd yang layak untuk menangani cetusan obligasi tawaran mandatori yang lebih awal, yang dilaksanakan serentak dengan tawaran pengambilalihan.

Pada 2021, skim berkaitan dengan MMC Corporation Bhd merupakan tawaran terbesar pada nilai tawaran sebanyak RM2.94 bilion, mewakili 34% daripada jumlah nilai tawaran untuk 2021. Tawaran lain yang ketara dari segi nilai tawaran termasuk FGV Holdings Bhd dan IJM Plantations Bhd, kedua-duanya disenaraikan dalam sektor perladangan Bursa Malaysia Securities Bhd (Bursa Securities), dengan nilai tawaran masing-masing sebanyak RM2.35 bilion dan RM1.20 bilion.

Daripada 18 tawaran tersebut, terdapat 7 cadangan penswastaan (2020: 11 tawaran cadangan penswastaan), di mana 3 syarikat telah dinyahsenarai daripada bursa saham pada 31 Disember 2021. Satu tawaran berkaitan dengan IJM Plantations Bhd pada asalnya bukan bertujuan untuk cadangan penswastaan, tetapi berakhir dengan syarikat tersebut dinyahsenarai apabila pembuat tawaran dan syarikat bersekutunya memegang lebih daripada 90% pegangan dalam syarikat tersebut dan pembuat tawaran memperoleh syarikat untuk memohon penarikan balik status penyenaraian, selaras dengan penzahiran yang dibuat dalam dokumen tawaran.

Kesemua 18 tawaran tersebut melibatkan syarikat sasaran yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Securities. Sektor perladangan adalah yang tertinggi dari segi nilai tawaran dengan jumlah nilai tawaran sebanyak RM3.54 bilion, mewakili 41% daripada

¹ Skim bermaksud sesuatu transaksi untuk mendapat kawalan, atau menggabungkan hak mengundi, atau kuasa mengundi, menerusi apa jua pelaksanaan termasuklah skim unit amanah, skim pengaturan, kompromi, penggabungan atau pengurangan modal terpilih dan pembayaran semula.

Jadual 6	Permohonan yang dipertimbangkan berkaitan dengan pengambilalihan, percantuman dan pemerolehan wajib	
Jenis permohonan/dokumen yang diluluskan	2021	2020
Kelulusan dokumen tawaran/skim	19*	25
Kelulusan pekeliling nasihat bebas	28	30
Permohonan bagi pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori	16	13
Permohonan lain	16	12
JUMLAH	79	80

Nota:

* Termasuk 18 tawaran/dokumen skim dan 1 dokumen skim pampasan tunai.

jumlah nilai tawaran. Sektor lain dengan minat ketara dari segi nilai tawaran adalah sektor pengangkutan dan logistik dengan jumlah nilai tawaran sebanyak RM3.17 bilion, mewakili 37% daripada jumlah nilai tawaran.

Di samping itu, SC meluluskan 28 pekeliling nasihat bebas yang terdiri daripada 20 pekeliling berkaitan dengan tawaran/skim pengambilalihan dan 8 pekeliling berkaitan dengan pengecualian daripada obligasi tawaran mandatori lanjutan daripada prosedur penyelamat.

Pada 2021, SC juga mempertimbangkan 16 permohonan bagi pengecualian daripada menjalankan tawaran pengambilalihan mandatori, yang mana 1 permohonan telah ditolak kerana ia tidak memenuhi sepenuhnya faktor yang ditetapkan dalam Peraturan. SC turut meluluskan 16 permohonan bagi pelbagai perkara di bawah Peraturan dan ketetapan lain, termasuk 1 permohonan oleh AT Engineering Solution Sdn Bhd (anak syarikat milik penuh AT Systematization Bhd) untuk menarik balik tawaran sukarela berkaitan dengan Asdion Bhd, dan 6 permohonan bagi lanjutan masa (Jadual 6).

Sebagai sebahagian daripada mandatnya, SC juga memantau rapi salah laku yang berkaitan dengan kawal selia pengambilalihan, yang boleh menjejaskan kepentingan orang ramai yang melabur. Pada 2021, terdapat ketidakpatuhan yang dikenal pasti, termasuk pelanggaran obligasi tawaran mandatori, kegagalan penasihat dalam tanggungjawab mereka untuk memastikan pelanggan mereka mematuhi Peraturan dan ketidakpatuhan yang berkaitan dengan urusan niaga dan/atau penzahiran urusan niaga dalam sekuriti semasa tempoh tawaran, yang mana SC telah mengarahkan tindakan pemulihan yang sesuai, sekiranya berkaitan. Ini adalah tambahan kepada pelaksanaan tindakan tatatertib yang sewajarnya merangkumi pengeluaran notis pelanggaran atau mengenakan cecai sehinggalah kepada penalti.

SC berusaha untuk mengatasi terlebih dahulu isu yang timbul semasa pengambilalihan dan transaksi berkaitan yang lain dengan menggalakkan perundingan awal untuk menjelaskan penggunaan Kod/Peraturan dalam transaksi yang dicadangkan. Pada tahun 2021, perundingan dengan SC melibatkan pelbagai aspek pengambilalihan peraturan termasuk dalam hal-hal pihak yang bertindak secara bersama, implikasi tawaran hiran, tindakan yang menyerupai kekecewaan tawaran, membatalkan transaksi dalam pengecualian kapur dan pertanyaan am lain.

PENGURUSAN PELABURAN

PENGURUSAN DANA


Jumlah keseluruhan AUM FMC di Malaysia meningkat sebanyak 5.04% kepada RM951.05 bilion pada 2021 daripada RM905.46 bilion pada 2020. Pada 2021, 5 FMC teratas menyumbang 54.81% daripada jumlah keseluruhan AUM berbanding 55.27% pada 2020 (Carta 1).

Sebahagian besar sumber dana bawah pengurusan adalah daripada dana unit amanah, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, badan korporat dan dana borong (WF) (Jadual 1). Dana tersebut diperuntukkan dalam pelbagai kelas aset dan lokasi yang mana pelaburan di dalam Malaysia oleh FMC berjumlah RM639.41 bilion, mewakili 67.23% daripada jumlah keseluruhan AUM pada penghujung 2021 (Carta 2).

Jadual 1	Sumber dana bawah pengurusan pelanggan	
Sumber dana	2021 (RM bilion)	2020 (RM bilion)
Dana unit amanah	526.89	519.53
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	163.65	150.77
Badan korporat	94.22	86.49
Dana borong (WC)	79.45	67.65
Badan berkanun dan agensi kerajaan	37.25	35.90
Individu	22.68	16.74
Lain-lain	21.28	23.63
PRS	5.63	4.75
JUMLAH	951.05	905.46


Carta 1

Aset yang diuruskan oleh FMC



Carta 2


Aset yang dilaburkan di dalam dan luar Malaysia




Sebahagian besar daripada pelaburan diperuntukkan dalam ekuiti dengan 49.20% pada penghujung 2021, berbanding 48.32% pada 2020 (Carta 3). Trend yang serupa diperhatikan pada peruntukan aset di dalam dan luar Malaysia (Carta 4).

Carta
3

Peruntukan aset

Carta
4

Peruntukan aset di dalam dan luar Malaysia pada 31 Disember 2021




SKIM PELABURAN KOLEKTIF DAN SKIM PERSARAAN SWASTA

Dana unit amanah

Dana unit amanah terus menjadi komponen terbesar industri CIS Malaysia dengan jumlah nilai aset bersih (NAV) sebanyak RM526.89 bilion dicatatkan pada 31 Disember 2021, peningkatan sebanyak 1.42% daripada RM519.53 bilion pada 31 Disember 2020. Peratus jumlah NAV industri dana unit amanah berbanding permodalan pasaran Bursa Malaysia Securities Bhd (Bursa Malaysia) adalah 29.45% (2020: 28.59%). Pada 2021, 63 dana unit amanah telah dilancarkan manakala 15 dana ditamatkan dan 4 dana mencapai kematangan, menjadikan jumlah keseluruhan dana unit amanah yang ditawarkan oleh 39 syarikat pengurusan unit amanah yang diperbadankan di Malaysia kepada 740 dana setakat 31 Disember 2021 (Jadual 2).

Industri dana unit amanah mencatatkan jumlah jualan kasar (tidak termasuk pelaburan semula pengagihan) sebanyak RM404.52 bilion (2020: RM353.36 bilion),



yang kebanyakannya diagihkan oleh syarikat pengurusan unit amanah dengan jumlah jualan kasar sebanyak RM240.54 bilion (Carta 5).

Jadual 2 Status keseluruhan industri dana unit amanah		
	31 Disember 2021	31 Disember 2020
Bilangan dana yang ditawarkan	740	696
– Konvensional	467	456
– Patuh Syariah	273	240
Unit dalam edaran (unit bilion)	772.63	745.05
Bilangan akaun (juta)*	24.06	21.34
Jumlah NAV (RM bilion)	526.89	519.53
– Konvensional (RM bilion)	398.56	391.00
– Patuh Syariah (RM bilion)	128.33	128.53
% daripada NAV kepada permodalan pasaran Bursa Malaysia [^]	29.45	28.59

Nota:

- * Bil. akaun termasuk bilangan akaun pemegang unit penasihat institusi Skim Unit Amanah (UTS) yang mengendalikan sistem akaun penama.
- [^] Perbandingan yang dibuat antara jumlah NAV industri dana unit amanah dan permodalan pasaran Bursa Malaysia bukanlah petunjuk amaun sebenar yang dilaburkan di Bursa Malaysia oleh dana unit amanah.

Dana borong

Dalam segmen dana borong, jumlah NAV sebanyak RM79.45 bilion telah dicatatkan pada 31 Disember 2021, peningkatan sebanyak 17.44% daripada RM67.65 bilion pada 31 Disember 2020. Sejumlah 75 dana telah dilancarkan di bawah Rangka Kerja LOLA untuk pelabur sofistikated manakala 8 dana telah ditamatkan dan 10 dana mencapai kematangan pada 2021, yang menjadikan jumlah keseluruhan dana borong yang ditawarkan oleh 44 syarikat pengurusan dana kepada 414 dana pada 31 Disember 2021.

Dana SRI

Pada 31 Disember 2021, sebanyak 34 dana ditawarkan kepada pelabur yang telah diberi kelayakan sebagai dana SRI menurut Garis Panduan Dana SRI (2020: 7 dana). 34 dana tersebut terdiri daripada 22 dana unit amanah dan 12 dana borong dengan jumlah NAV pada 31 Disember 2021 sebanyak RM5.07 bilion (2020: RM1.46 bilion). Pada 2021, sebanyak 30 dana memperoleh kelayakan SRI (2020: 5 dana).

Amanah pelaburan hartanah

Dengan penyenaian Amanah Pelaburan Hartanah Komersial IGB dan penyahsenaraian Amanah Harta Tanah PNB daripada senarai rasmi Bursa Malaysia pada 2021, jumlah bilangan amanah pelaburan hartanah (REIT) yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 31 Disember 2021 adalah 18 dengan jumlah permodalan pasaran (termasuk kumpulan terikat) sebanyak RM38.44 bilion (2020: RM39.34 bilion). Jumlah saiz aset meningkat daripada RM56.36 bilion pada 31 Disember 2020 kepada RM59.44 bilion pada penghujung 2021. Sebanyak 2 REIT tidak tersenarai ditawarkan kepada pelabur sofistikated pada 31 Disember 2021.

Dana dagangan bursa

Dengan penyenaian VP-DJ Shariah China A-Shares 100 ETF dan penyahsenaraian MyETF Thomson Reuters Asia Pasifik ex-Japan Islamic Agribusiness Fund pada 2021, jumlah bilangan dana dagangan bursa (ETF) yang disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia pada 31 Disember 2021 adalah 19 (2020: 19) dengan jumlah permodalan pasaran sebanyak RM2.16 bilion (2020: RM2.23 bilion).

Dana tertutup

Pada 31 Disember 2021, hanya satu dana tertutup (CEF) disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak RM314 juta (2020: RM298 juta).

SKIM PERSARAAN SWASTA


Pada 31 Disember 2021, bilangan skim persaraan swasta (PRS) kekal tidak berubah (dari penghujung 2020) dengan 12 skim ditawarkan oleh 8 penyedia PRS. Dengan 2 dana persaraan swasta baharu yang dilancarkan di bawah skim ini pada 2021, jumlah keseluruhan dana persaraan swasta yang beroperasi pada 31 Disember 2021 adalah 59 dana. Jumlah NAV sebanyak RM5.63 bilion pada 31 Disember 2021, menunjukkan peningkatan sebanyak 18.53% berbanding jumlah NAV sebanyak RM4.75 bilion pada 31 Disember 2020.

Secara keseluruhan, terdapat penurunan ketara dalam pengeluaran daripada PRS dengan pengeluaran prapersaraan pada 2021, menurun kepada 19% daripada jumlah pengeluaran, berbanding 52% daripada jumlah pengeluaran pada 2020. Hal ini disebabkan oleh pengecualian sementara pembayaran penalti cukai 8% untuk pengeluaran dari sub-akaun B sehingga RM1,500 telah tamat tempoh.


Pada 31 Disember 2021, bilangan ahli baharu meningkat sebanyak 8.37% daripada tahun lepas kepada 531,000. Berikut merupakan demografi utama ahli PRS.

Carta
6


Ahli PRS mengikut kumpulan umur

Carta
7


Ahli PRS mengikut jantina

Carta
8


Keahlian PRS mengikut jenis pekerjaan



Pengeluaran oleh ahli PRS



Pilihan dana ahli PRS



Pada 2021, SC mempertimbangkan 437 permohonan berkaitan dengan CIS dan PRS, yang terdiri daripada permohonan untuk menubuhkan dana baharu, mendaftar prospektus/dokumen penzahiran, pendaftaran surat ikatan dan permohonan sampingan lain (Jadual 3).

Jadual 3 Bilangan permohonan dan serahan berhubung dengan CIS dan PRS				
(i) Serahan	Diserahkan		Dilancarkan	
	2021	2020	2021	2020
Dana borong	74	69	75	65
(ii) Permohonan	Dipertimbangkan		Menunggu pertimbangan	
	2021	2020	Pada 31 Disember 2021	Pada 31 Disember 2020
Pemberian kebenaran bagi skim pelaburan kolektif	67	50	6	8
– Dana unit amanah	65 ¹	47 ²	5	7
– Dana dagangan bursa	-	3	-	-
– Amanah pelaburan hartanah	2	-	1	1
Pemberian kebenaran bagi dana persaraan swasta	1	1	3	-
Pengecualian/kelainan daripada garis panduan	18	23	-	4
Permohonan lain	38 ³	22 ⁴	8	1
Pendaftaran prospektus/dokumen penzahiran	188	138	14	12
Pendaftaran surat ikatan	125	136	13	9
JUMLAH	437	370	44	34

Nota:

¹ Termasuk 14 dana yang layak sebagai dana SRI.

² Termasuk 4 dana yang layak sebagai dana SRI.

³ Termasuk 16 permohonan untuk mendapatkan kelayakan SRI.

⁴ Termasuk 1 permohonan untuk mendapatkan kelayakan SRI.

PRODUK PELABURAN

Waran berstruktur

Terdapat 6 penerbit waran berstruktur yang layak pada 2021. SC menerima dan mendaftarkan 6 prospektus asas dan 13 prospektus tambahan daripada penerbit tersebut pada 2021 (Jadual 4).

Terdapat peningkatan keseluruhan dalam bilangan kertas terma yang didaftarkan pada 2021. Sebanyak

Jadual 4 Waran berstruktur yang dipertimbangkan		
	2021	2020
Bilangan penerbit yang layak	6	6
Prospektus asas yang didaftarkan	6	6
Prospektus tambahan yang didaftarkan	13	11
Kertas terma yang didaftarkan	1,470	1,235

1,470 kertas terma bagi penawaran waran berstruktur telah didaftarkan pada 2021, menunjukkan peningkatan sebanyak 19% berbanding 1,235 kertas terma yang didaftarkan pada 2020.

Bilangan kertas terma waran berstruktur dengan pendasar asing telah bertambah pada 2021 dengan 312 kertas terma telah didaftarkan, peningkatan ketara sebanyak 105.26% (2020: 152 kertas terma) (Rajah 1). Tahun 2021 menyaksikan pengenalan waran berstruktur ke atas Hang Seng Tech Index dan Dow Jones Industrial Average Index yang menyediakan pelabur dengan lebih banyak kepelbagaian portfolio dalam pelaburan.


Tahun 2021 mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 221% dalam pendaftaran kertas terma waran jual dari saham daripada 19 pada 2020 kepada 61 pada 2021.

Produk berstruktur

Pada 2021, 14 penerbit menyerahkan 20 program produk berstruktur baharu kepada SC di bawah Rangka Kerja LOLA bagi produk pasaran modal tidak tersenarai. Program-program tersebut terdiri daripada pelbagai jenis rujukan pendasar dan mempunyai saiz agregat sebanyak RM100 bilion dengan setiap program mempunyai had saiz sehingga RM5 bilion (Jadual 5).

Rajah
1

Status keseluruhan industri waran berstruktur



Jadual
5

Program produk berstruktur

	2021		2020	
Program baharu yang diserahkan	Bilangan program	Saiz (RM bilion)	Bilangan program	Saiz (RM bilion)
Prinsip				
– Konvensional	17	85	18	90
– Islam	3	15	-	-
JUMLAH	20	100	18	90

Siri produk berstruktur


HNWI terus membentuk majoriti pelabur yang menyumbang 83% pelabur dalam produk berstruktur pada tahun 2021, di mana 17% pelabur selebihnya terdiri daripada HNWE dan pelabur terakreditasi (Carta 9). Produk berstruktur konvensional merangkumi 99% daripada terbitan pada 2021 (Carta 10). Terdapat peningkatan ketara dalam penyerahan dengan sejumlah 164 siri produk berstruktur di bawah Rangka Kerja LOLA ditawarkan kepada pelabur sofistikated (2020: 112).

Kontrak untuk perbezaan


Demi menggalakkan dan membangunkan pasaran derivatif, SC telah memperkenalkan *Guidelines on Contracts for Difference* (Garis Panduan CFD) pada 6 April 2018. CFD adalah produk derivatif leveraj yang membolehkan pelabur mengambil bahagian dalam pergerakan harga suatu instrumen pendasar. Disebabkan oleh kerumitan CFD, rangka kerja tersebut dilaksanakan secara berperingkat bermula dengan pelabur sofistikated.

Pada 2021, 2 penyedia CFD menawarkan CFD di Malaysia berasaskan saham dan indeks.

Carta 9
Pecahan mengikut jenis pelabur



Carta 10
Pecahan mengikut prinsip



PASARAN MODAL ISLAM

Pasaran modal Islam kekal sebagai komponen utama pasaran modal Malaysia, yang menyumbang 65.40% kepada saiz keseluruhannya. Saiz pasaran modal Islam meningkat kepada RM2,308.54 bilion pada penghujung 2021 daripada RM2,256.36 bilion pada

penghujung 2020. Ini merangkumi jumlah permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah sebanyak RM1,204.28 bilion dan jumlah sukuk belum tebus sebanyak RM1,104.26 bilion (Carta 1 dan Jadual 1).


Carta
1

ICM pada Disember 2021


Pasaran modal

ICM

ICM berbanding pasaran modal



Saiz ICM



SEKURITI PATUH SYARIAH


Setakat Disember 2021, sekuriti patuh Syariah meningkat kepada 750 daripada 742 pada akhir 2020, yang merangkumi 79.03% daripada 949 sekuriti

tersenarai di Bursa Malaysia. Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah berjumlah RM1,204.28 bilion atau 67.31% daripada jumlah permodalan pasaran, menurun sebanyak 2.77% berbanding akhir 2020 (Carta 2 dan Jadual 2).


Carta
2

Sekuriti patuh Syariah pada Disember 2021


Jumlah sekuriti




Sekuriti patuh Syariah



Pecahan mengikut sektor bagi sekuriti patuh Syariah



Peratus bilangan dan permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah



SUKUK

Terbitan sukuk korporat mewakili 79.98% (2020: 73.61%) daripada jumlah terbitan bon dan sukuk korporat sementara sukuk korporat belum tebus adalah sebanyak 81.42% (2020: 81.03%) daripada jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus (Jadual 3).


Jumlah terbitan sukuk pada 2021 mewakili 62.91% (2020: 61.07%) daripada jumlah terbitan bon dan sukuk manakala jumlah sukuk belum tebus mewakili 63.43% (2020: 63.26%) daripada jumlah bon dan sukuk belum tebus (Carta 3 dan Jadual 4).

Pada 2021, 9 penerbit menerbitkan sukuk SRI, menjadikan jumlah penerbit sukuk SRI sejak 2015 kepada 21. Terbitan sukuk SRI korporat pada 2021 berjumlah RM2.81 bilion, iaitu 3.07% daripada jumlah terbitan sukuk korporat manakala sukuk korporat SRI belum tebus meningkat kepada RM8.11 bilion pada Disember 2021, daripada RM5.40 bilion pada 2020, yang mewakili 1.29% daripada jumlah sukuk korporat belum tebus.


Carta
3

Sukuk setakat Disember 2021

Terbitan sukuk



Sukuk belum tebus




PENGURUSAN DANA ISLAM

Pada Disember 2021, AUM Islam berjumlah RM224.80 bilion, mencatatkan peningkatan sebanyak 3.69% daripada RM216.80 bilion pada penghujung 2020 (Carta 4). Bilangan CIS Islam (UTF, WF, PRS, REIT dan ETF) adalah sebanyak 386 pada Disember 2021 termasuk 16 dana SRI Islam. Terdapat 57 FMC menguruskan dana Islam, dengan 24 IFMC sepenuhnya dan 33 FMC yang menawarkan rangkaian produk Islam pada Disember 2021.


Carta
4

Pengurusan dana Islam setakat Disember 2021

Industri pengurusan dana Islam



FMC pengurusan dana Islam




AUM Islam setakat Disember 2021: RM224.80 bilion

Nota:
AUM adalah bersumberkan CIS dan amanah swasta.


Industri pengurusan dana

RM dalam bilion

Dana tersenarai



CIS Islam



STATISTIK UTAMA

Jadual 1	Saiz ICM	
	2021 RM bilion	2020 RM bilion
Permodalan pasaran sekuriti patuh Syariah	1,204.28	1,238.57
Saiz sukuk belum tebus	1,104.26	1,017.79
Saiz keseluruhan ICM	2,308.54	2,256.36
% ICM kepada jumlah pasaran modal	65.40%	65.86%

Jadual 2	Sekuriti patuh Syariah	
	2021	2020
Bilangan sekuriti:		
Sekuriti patuh Syariah	750	742
Jumlah sekuriti tersenarai	949	936
% sekuriti patuh Syariah kepada jumlah sekuriti tersenarai	79.03%	79.27%
Permodalan pasaran (RM bilion):		
Sekuriti patuh Syariah	1,204.28	1,238.57
Jumlah permodalan pasaran	1,789.20	1,817.29
% sekuriti patuh Syariah kepada jumlah permodalan pasaran	67.31%	68.15%

Jadual 3	Sukuk korporat	
	2021	2020
Jumlah terbitan (RM bilion)		
Terbitan sukuk	91.40	76.98
Jumlah terbitan bon dan sukuk korporat	114.28	104.58
% sukuk kepada jumlah terbitan bon dan sukuk korporat	79.98%	73.61%
Jumlah belum tebus (RM bilion)		
Sukuk belum tebus	629.27	593.43
Jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus	772.84	732.39
% sukuk kepada jumlah bon dan sukuk korporat belum tebus	81.42%	81.03%

Jadual 4	Jumlah sukuk	
	2021	2020
Jumlah terbitan (RM bilion)		
Terbitan sukuk	237.41	223.94
Jumlah terbitan bon dan sukuk	377.41	366.67
% sukuk kepada jumlah terbitan bon dan sukuk	62.91%	61.07%
Jumlah belum tebus (RM bilion)		
Sukuk belum tebus	1,104.26	1,017.79
Jumlah bon dan sukuk belum tebus	1,740.83	1,609.01
% sukuk kepada jumlah bon dan sukuk belum tebus	63.43%	63.26%

Jadual 5	AUM Islam	
	2021	2020
AUM Islam (RM bilion)	224.80	216.80
Jumlah industri pengurusan dana (RM bilion)	951.05	905.46
% AUM Islam kepada jumlah industri pengurusan dana	23.64%	23.94%

Jadual 6	UTF Islam	
	2021	2020
UTF Islam	273	240
Jumlah industri	740	696
NAV UTF Islam (RM bilion)	128.34	128.53
NAV jumlah industri (RM bilion)	526.89	519.53
% NAV UTF Islam kepada jumlah industri	24.36%	24.74%

Jadual 7	WF Islam	
	2021	2020
WF Islam	75	60
Jumlah industri	414	357
NAV WF Islam (RM bilion)	11.74	11.55
NAV jumlah industri (RM bilion)	79.45	67.65
% NAV WF Islam kepada jumlah industri	14.78%	17.07%

Jadual 8	Dana PRS Islam	
	2021	2020
PRS Islam	28	26
Jumlah industri	59	57
NAV PRS Islam (RM bilion)	1.90	1.53
NAV jumlah industri (RM bilion)	5.63	4.75
% NAV PRS Islam kepada jumlah industri	33.83%	32.21%

Jadual 9	REIT Islam	
	2021	2020
REIT Islam	4	4
Jumlah industri	18	18
Permodalan pasaran REIT Islam (RM bilion)	16.13	16.99
Permodalan pasaran jumlah industri (RM bilion)	38.44	39.34
% permodalan pasaran REIT Islam kepada jumlah industri	41.96%	43.19%

Jadual 10	ETF Islam	
	2021	2020
ETF Islam	6	6
Jumlah industri	19	19
Permodalan pasaran ETF Islam (RM bilion)	0.42	0.55
Permodalan pasaran jumlah industri (RM bilion)	2.16	2.23
% permodalan pasaran ETF Islam kepada jumlah industri	19.57%	24.66%

Jadual 11	Penasihat Syariah berdaftar	
	2021	2020
Individu	62	55
Syarikat	19	18
Jumlah penasihat Syariah	81	73

MODAL TEROKA DAN EKUITI SWASTA

Jumlah syarikat yang berdaftar adalah sebanyak 124 pada 31 Disember 2021 (Jadual 1). Segmen modal teroka terdiri daripada 105 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan modal teroka (VCMC) dan syarikat modal teroka (VCC), manakala segmen ekuiti swasta terdiri daripada 19 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan ekuiti swasta (PEMC) dan syarikat ekuiti swasta (PEC).

Pada penghujung 2021, bilangan profesional yang diambil bekerja oleh industri dengan sekurang-kurangnya 4 tahun pengalaman adalah seramai 344 orang.

Jumlah dana komited dalam industri pada akhir 2021 adalah sebanyak RM9.65 bilion dan RM5.18 bilion masing-masing bagi ekuiti swasta dan modal teroka (Jadual 2), menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM14.83 bilion. Bagi ekuiti swasta, sebahagian besar sumber komitmen adalah daripada pelabur korporat (28.56%), pelabur individu dan perniagaan keluarga (19.12%), dan institusi kewangan (11.89%) (Carta 1).

Jadual
1

Statistik peserta industri

Sumber dana	2021	2020
Bilangan syarikat berdaftar	124	127
Bilangan VCMC dan VCC berdaftar	105	106
Bilangan PEMC dan PEC berdaftar	19	21
Bilangan profesional VC dan PE ¹	344	175



Nota:

¹ Profesional dengan lebih daripada 4 tahun pengalaman.

Jadual
2

Statistik utama industri (RM juta)

	2021		2020	
	Ekuiti swasta	Modal teroka	Ekuiti swasta	Modal teroka
Jumlah dana komited bawah pengurusan [1]	9,648.42	5,183.50	7,385.73	4,314.34
Jumlah modal dikeluarkan [2]	6,884.29	3,870.73	5,874.77	3,187.31
Anggaran modal tersedia untuk pelaburan [3]=[1]-[2]	3,495.88	1,312.77	1,510.96	1,127.03
Jumlah syarikat pelaburan	41	211	31	311

Carta
1**Sumber dana, ekuiti swasta
(2021: RM9.65 bilion)**Carta
2**Sumber dana, modal teroka
(2021: RM5.18 bilion)**

Nota:

Agensi kerajaan dan syarikat pelaburan: Termasuk syarikat pelaburan kementerian (cth. Menteri Kewangan (Diperbadankan), agensi kerajaan, badan berkanun, dan syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaburan dana awam (cth. PNB, Ekuinas).

Untuk modal teroka, agensi kerajaan dan syarikat pelaburan (45.01%), dana kekayaan Berdaulat (27.90%) dan pelabur korporat (19.73%) membentuk 3 sumber pembiayaan teratas (Carta 2).

Tiga syarikat berdaftar teratas mengikut jumlah komitmen pelabur pada akhir 2021 adalah Creador, Xeraya Capital dan MAVCAP.

Pelaburan VC pada 2021 bertumpu kepada peringkat awal (51.26%), diikuti peringkat semai (20.46%) dan peluang peringkat pertumbuhan (17.88%). Pelaburan PE kebanyakannya disalurkan kepada syarikat pertumbuhan (87.14%) dengan beberapa pelaburan dibuat dalam peluang peringkat awal (12.03%). Secara keseluruhannya, 36 urus niaga VC dan 29 urus niaga PE dicatatkan pada 2021 (Jadual 3).

Jadual
3

Pelaburan pada 2021


Peringkat perniagaan	Pelaburan baharu (RM '000)	% segmen	Bilangan syarikat
Modal teroka			
Semai	29,572.37	20.46%	12
Peringkat permulaan	9,841.18	6.81%	6
Peringkat awal	74,076.41	51.26%	7
Pertumbuhan	25,845.49	17.88%	10
Perantara/Mezanine/PralPO	5,181.81	3.59%	1
Ekuiti swasta			
Peringkat awal	110,476.19	12.03%	4
Pertumbuhan	799,946.80	87.14%	24
Perantara/Mezanine/PralPO	7,615.15	0.83%	1
Jumlah	1,062,555.39	100.00%	65
<i>Modal teroka</i>	<i>144,517.25</i>	<i>13.60%</i>	<i>36</i>
<i>Ekuiti swasta</i>	<i>918,038.14</i>	<i>86.40%</i>	<i>29</i>

Dari segi industri sasaran, perubatan dan bioteknologi (63.56%) menyaksikan bahagian pelaburan VC yang tertinggi pada 2021, diikuti oleh maklumat dan komunikasi (25.88%), dan perkhidmatan kewangan (4.26%). Bagi PE, kebanyakan pelaburan disalurkan

kepada dagangan borong dan runcit (34.97%) pada 2021, diikuti oleh perkhidmatan penginapan dan makanan (32.24%) dan perkhidmatan kewangan (8.15%) (Carta 3).

Carta
3

Pelaburan sepanjang tahun, industri sasaran lima teratas



Sebahagian besar penyalahlaburan pada 2021 ialah pengeluaran dalam peringkat pertumbuhan. Jualan perdagangan adalah laluan keluar biasa untuk VC manakala jualan sekunder kepada pelabur atau pengurus lain ialah laluan mudah tunai utama untuk PE (Jadual 4).


Jadual 4 Penyahlaburan sepanjang 2021			
Peringkat perniagaan	Penyahlaburan (RM '000)	% segmen	Bilangan syarikat
Modal teroka			
Semai	28,434.41	11.63%	6
Peringkat permulaan	24,507.67	10.02%	4
Peringkat awal	6,110.79	2.50%	5
Pertumbuhan	141,314.89	57.79%	8
Perantara/Mezanine/PraIPO	43,599.93	17.83%	1
Pemulihan/Penyusunan semula	554.28	0.23%	2
Ekuiti swasta			
Peringkat awal	27,742.50	3.53%	1
Pertumbuhan	755,924.43	96.22%	22
Perantara/Mezanine/PraIPO	1,960.42	0.25%	1
Jumlah	1,030,149.32	100.00%	50
<i>Modal teroka</i>	<i>244,521.96</i>	<i>23.74%</i>	<i>26</i>
<i>Ekuiti swasta</i>	<i>785,627.35</i>	<i>76.26%</i>	<i>24</i>

Nota:
Angka diukur pada kos.

PENDANAAN RAMAI BERASASKAN EKUITI

PENDANAAN RAMAI BERASASKAN EKUITI¹

Sejak penubuhannya, jumlah dana yang dikumpulkan melalui ECF telah mencecah RM420.86 juta. Pada 2021, jumlah dana yang dikumpulkan meningkat kepada RM221.63 juta daripada RM127.73 juta pada 2020.




[Lihat dan muat turun data lengkap](#)

Sebanyak 104 penerbit telah berjaya mengumpul dana melalui 104 kempen pada 2021, peningkatan bilangan penerbit sebanyak 33% pada 2021 daripada 2020.

Jadual 1 Penerbit dan kempen

	2021	2020
Bilangan penerbit	104	78
Bilangan kempen	104	80

Kebanyakan penerbit pada 2021 adalah berpangkalan di Selangor dan Kuala Lumpur.




* Lain-lain termasuk Pahang, Perak, dan Negeri Sembilan.

¹ Statistik yang dilaporkan sebelum ini telah disesuaikan mengikut angka terkini RMO yang dilaporkan.

Pada 2021, sebanyak 53% daripada penerbit merupakan syarikat bertumpu teknologi.

Carta
3


Penerbit bertumpu teknologi



Majoriti penerbit pada 2021 telah wujud selama 5 tahun atau kurang, dengan lebih ramai penerbit berusia kurang daripada 2 tahun pada 2021 berbanding pada 2020.

Carta
4


Penerbit: Usia perniagaan



Saiz kempen pada 2021 masih kekal sebagai amaun pengumpulan dana yang lebih besar, dengan 86% daripada kempen berjaya mengumpulkan melebihi RM500,000. Amaun tertinggi modal yang dikumpulkan pada 2021 melalui satu kempen pengumpulan dana adalah RM18.89 juta.

Carta
5


Saiz kempen



Sektor 'Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal' menerima dana paling besar daripada ECF pada 2021 sebanyak RM60.25 juta.

Carta
6

5 aktiviti ekonomi teratas mengikut dana dikumpul keseluruhan




[Lihat dan muat turun data lengkap](#)

54% kempen pada 2021 mengumpul dana bagi Siri A.

Carta
7


Peringkat pengumpulan dana



Tujuan pengumpulan dana pada 2021 adalah untuk tujuan pengembangan perniagaan.

Carta
8


Tujuan pengumpulan dana



Sejak pengenalan ECF, jumlah pelabur yang mengambil bahagian telah melebihi 11,000. Bagi perbandingan tahun ke tahun, penyertaan pelabur telah bertambah lebih daripada 3,000 pada 2020 kepada lebih daripada 5,000 pada 2021.

Carta
9

Penglibatan pelabur



Jadual 2		Demografi pelabur	
		2021	2020
Kewarganegaraan	Malaysia	96%	95%
	Asing	4%	5%
Jantina	Perempuan	38%	33%
	Lelaki	62%	67%
Umur	Bawah 35	47%	44%
	35 to 45	33%	33%
	>45 to 55	13%	15%
	Lebih 55	7%	8%
Jenis	Runcit	57%	65%
	Pelabur mangkin	24%	24%
	Sofistikated – HNWI	17%	8%
	Sofistikated – HNWE dan Terakreditasi	2%	3%



 [Lihat dan muat turun data lengkap](#)


PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA

PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA¹

Sejak penubuhannya, jumlah dana yang dikumpulkan melalui pembiayaan P2P telah mencecah RM2.29 bilion. Pada 2021, jumlah dana yang dikumpulkan adalah sebanyak RM1.14 bilion, iaitu dua kali jumlah dana yang dikumpulkan pada 2020.

Carta
1

Jumlah dana dikumpulkan



[Lihat dan muat turun data lengkap](#)

Sebanyak 1,988 penerbit telah mengumpul dana pada 2021 - peningkatan 49% daripada 2020. Pengumpulan dana tersebut telah berjaya dilaksanakan melalui 14,301 kempen.

Jadual
1


Penerbit dan kempen

	2021	2020
Bilangan penerbit	1,988	1,338
Bilangan kempen	14,301	7,932

Kebanyakan penerbit pada 2021 berpangkalan di Selangor dan Kuala Lumpur.

Carta
2

Penerbit: Lokasi perniagaan




[Lihat dan muat turun data lengkap](#)

Penerbit bertumpu teknologi menurun kepada 11% pada 2021 daripada 36% pada 2020.


Carta
3

Penerbit bertumpu teknologi




¹ Statistik yang dilaporkan sebelum ini telah disesuaikan mengikut angka terkini RMO yang dilaporkan.

Sepuluh daripada penerbit pada 2021 telah diperbadankan kurang daripada 5 tahun.


Carta
4**Penerbit: Usia perniagaan**

Saiz kempen pada 2021 masih kekal amaun pengumpulan dana yang lebih kecil, dengan 70% daripada kempen mengumpulkan RM50,000 dan ke bawah.

Carta
5**Saiz kempen**Carta
6**5 aktiviti ekonomi teratas mengikut dana dikumpul keseluruhan**

[Lihat dan muat turun data lengkap](#)

Sebanyak 54% daripada nota pelaburan pada 2021 dikeluarkan untuk jenis pembiayaan mikro, perniagaan dan invois. Jenis pembiayaan lain terdiri daripada tawaran produk yang berbeza daripada pelbagai RMO².


Carta
7**Jenis pembiayaan**

² Jenis pembiayaan lain termasuk Pembiayaan AP, Program Peniaga Auto-MUV, Aliran Kredit Perniagaan, Pembiayaan Peniaga, E-dagang, Pembiayaan Jaminan Penyelesaian, Pembiayaan Insurans Premium, Pembiayaan Jangka Pendek-NAS, Pembiayaan Jangka Pendek-UA dan Pembiayaan Modal Kerja.

Kebanyakan kempen menjurus ke arah pembiayaan jangka pendek pada 2021, dengan tempoh matang 3 bulan atau kurang.

Carta
8


Jenis tempoh matang



Tujuan pengumpulan dana pada tahun ini kebanyakannya kekal untuk modal kerja.

Carta
9


Tujuan pengumpulan dana



Sejak pengenalan, jumlah pelabur yang mengambil bahagian telah mencapai lebih daripada 28,000. Bagi perbandingan tahun ke tahun, penyertaan pelabur telah menurun lebih daripada 16,000 pada 2020 kepada lebih daripada 15,000 pada 2021.

Carta
10

Penyertaan pelabur



Jadual 2		Demografi pelabur	
		2021	2020
Kewarganegaraan	Malaysia	98%	98%
	Asing	2%	2%
Jantina	Perempuan	28%	28%
	Lelaki	72%	72%
Umur	Bawah 35	54%	61%
	35 hingga 45	28%	25%
	>45 hingga 55	12%	9%
	Lebih 55	6%	5%
Jenis	Runcit	90%	87%
	Pelabur mangkin	5%	12%
	Sofistikated - HNWI	4%	1 %
	Sofistikated - HNWE dan Terakreditasi	1%	<1%



[Lihat dan muat turun data lengkap](#)

PEMBERIAN KEBENARAN DAN PELESENAN

PELESENAN DAN PENDAFTARAN

Bilangan pemegang lesen perkhidmatan pasaran modal (CMSL) termasuk pemegang lesen individu bagi perancangan kewangan dan nasihat pelaburan berjumlah 241 berbanding 238 pada 2020. Pada 2021, 7 lesen baharu dikeluarkan dan terdapat 4 pemberhentian yang menjadikan penambahan bersih sebanyak 3 CMSL pada 2021.

Tujuh lesen baharu yang dikeluarkan adalah bagi aktiviti dikawal selia berikut:

- Pengurusan dana (empat syarikat);
- Khidmat nasihat kewangan korporat (satu syarikat);
- Nasihat pelaburan (satu syarikat); dan
- Perancangan kewangan (satu syarikat).

SC menyaksikan minat berterusan terhadap segmen pengurusan dana dan khidmat nasihat terutamanya dalam segmen pengurusan dana khidmat khas (butik).

Empat pemberhentian operasi yang berlaku pada 2021 sebahagian besarnya disebabkan oleh peralihan dalam fokus perniagaan, penambahbaikan kepada struktur pemegang saham, penjajaran semula perniagaan dan perancangan sumber. Pada 2021, 3 pemegang CMSL telah memohon untuk telah memohon untuk mengubah lesen mereka kepada sekurang-kurangnya memasukkan sekurang-kurangnya 1 aktiviti dikawal selia ke dalam CMSL mereka yang sedia ada.

Sehingga 31 Disember 2021, bilangan pemegang lesen wakil perkhidmatan pasaran modal (CMSRL) berjumlah 10,273, meningkat sedikit sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya (2020: 9,734). Pada 2021, SC meluluskan 1,214 CMSRL baharu untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang dikawal selia.

Terdapat peningkatan ketara Wakil Pemasaran¹ berdaftar daripada 464 pada Disember 2020 kepada 1,438 setakat Disember 2021. Bilangan Wakil Niaga Dagangan berdaftar² meningkat kepada 122 daripada 107 pada 2020. Bilangan Kakitangan Individu Berdaftar³ meningkat sedikit kepada 5,489 daripada 5,089 pada 2020.

Pada 2021, SC juga meluluskan 4 pendaftaran baharu bagi industri modal teroka yang terdiri daripada 1 VCC dan 3 VCMC.

¹ Wakil pemasaran bermaksud orang yang bertindak sebagai pencadang kepada prinsipal, melakukan pemasaran perkhidmatan, menyediakan perkhidmatan sokongan pelanggan, dan didaftarkan dengan prinsipal di bawah *Guidelines for Marketing Representative*.

² Wakil niaga dagangan bermaksud orang yang menjalankan dagangan sekuriti untuk organisasi yang mengambil bahagian dan berdaftar dengan SC di bawah seksyen 76 CMSA.

³ Individu berdaftar bermaksud individu yang berdaftar di bawah Bahagian 1 Jadual 4 menurut seksyen 76(1A) CMSA.

Jadual
1

Bilangan pemegang CMSL

Setakat 31 Disember 2021, terdapat 241 pemegang CMSL menjalankan pelbagai aktiviti dikawal selia seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 CMSA. Entiti yang terlibat adalah seperti yang dinyatakan.

Mengikut aktiviti teras	2021	2020
Urus niaga dalam sekuriti ¹	37	36
Urus niaga dalam derivatif	7	7
Pengurusan dana	103	100
Nasihat kewangan korporat	40	41
Nasihat pelaburan	17	16
Nasihat pelaburan (individu)	1	1
Perancangan kewangan	34	35
Perancangan kewangan (individu)	2	2
JUMLAH	241	238

Nota:

¹ Termasuk 5 CMSL bagi urus niaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah dan 1 CMSL bagi urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai.

Mengikut aktiviti yang dikawal selia	2021	2020
Urus niaga dalam sekuriti		
Bank pelaburan	10	10
Broker universal	1	1
Syarikat broker saham 1+1	12	12
Syarikat broker saham asing skim khas	7	7
Lain-lain	1	-
	31	30
Urus niaga dalam derivatif		
Bank pelaburan	5	5
Syarikat broker saham 1+1	3	3
Syarikat broker saham asing skim khas	2	2
Lain-lain	7	7
	17	17

Mengikut aktiviti yang dikawal selia	2021	2020
Penjelasan		
Bank pelaburan	5	5
Syarikat broker saham 1+1	3	3
Syarikat broker saham asing skim khas	2	2
Lain-lain	6	6
	16	16
Pengurusan dana		
<i>Pengurusan portfolio</i>		
Bank pelaburan	2	1
Syarikat pengurusan unit amanah	24	24
Pengurus dana asing skim khas	5	5
Pengurus dana Islam	24	23
Pengurus dana khidmat khas (butik)	8	5
Pengurus pelaburan digital ²	8	7
Lain-lain	20	20
<i>Pengurusan aset</i>		
Pelaburan Amanah hartanah	18	18
	106³	101³
Nasihat pelaburan		
Bank pelaburan	10	10
Syarikat broker saham 1+1	7	7
Syarikat broker saham asing skim khas	5	5
Syarikat nasihat pelaburan lain/kendiri/khidmat khas	41	42
	63	64

Nota:

² Termasuk 3 pemegang CMSL yang termasuk dalam kategori lain, iaitu Kenanga Investment Bank Bhd (di bawah bank pelaburan), UOB Asset Management (Malaysia) Bhd (di bawah syarikat pengurusan unit amanah), dan Wahed Technologies Sdn Bhd (di bawah pengurus dana Islam).

³ Kiraan unik tidak termasuk pendua. Pemegang CMSL di bawah kategori yang pelbagai dikira sekali.

Mengikut aktiviti yang dikawal selia	2021	2020
Nasihat pelaburan		
Bank pelaburan	9	9
Syarikat broker saham 1+1	8	8
Syarikat broker saham asing skim khas	7	7
Syarikat pengurusan unit amanah	3	3
Syarikat nasihat pelaburan lain/kendiri/khidmat khas	25	23
	52	50
Perancangan kewangan		
Syarikat broker saham 1+1	1	1
Syarikat pengurusan unit amanah	5	5
Penasihat unit amanah korporat	19	18
Syarikat perancangan kewangan lain/kendiri/khidmat khas	19	20
	44	44
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada unit amanah		
Syarikat pengurusan unit amanah	29	29
Pengurus dana Islam	10	10
Pengurus dana asing skim khas	1	1
Penasihat unit amanah korporat	19	18
Lain-lain	1	1
	60	59
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada sekuriti tersenarai		
Lain-lain	1	1
	1	1
Urus niaga dalam sekuriti terhad kepada bon OTC		
Lain-lain	-	1
	-	1
Urus niaga dalam skim persaraan swasta		
Bank pelaburan	1	1
Syarikat broker saham 1+1	1	1
Syarikat pengurusan unit amanah	9	9
Penasihat skim persaraan swasta korporat	18	18
Lain-lain	3	2
	32	31
JUMLAH BESAR	422	414

Jadual 2	Bilangan pemegang CMSRL		
Mengikut aktiviti teras		2021	2020
Urus niaga dalam sekuriti		6,667	6,320
Urus niaga dalam derivatif		448	450
Pengurusan dana		822	807
Nasihat kewangan korporat		719	756
Nasihat pelaburan		292	285
Perancangan kewangan		1,325	1,116
JUMLAH BESAR		10,273	9,734

Jadual 3	Permohonan bagi lesen syarikat baharu											
Aktiviti dikawal selia	Berurus niaga sekuriti		Berurus niaga derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020
Dikeluarkan	-	-	-	-	4	5	1	1	1	1	1	3

Jadual 4	Permohonan bagi lesen wakil baru											
Aktiviti dikawal selia	Berurus niaga sekuriti		Berurus niaga derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020
Dikeluarkan	626	275	42	36	100	64	105	59	50	31	291	214
Ditarik keluar*	32	16	3	-	9	10	6	2	3	2	25	45
Dikembalikan*	322	202	31	19	158	117	77	33	38	15	243	214

*Mengikut aktiviti dikawal selia.

Jadual
5

Pemberhentian lesen syarikat/individu

Aktiviti dikawal selia	Berurus niaga sekuriti		Berurus niaga derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan		Perancangan kewangan	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020
(Individu)														
Ditamatkan	-	-	-	-	-	2	2	2	-	-	2	1	-	-
Dibatalkan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	1	-	-
Digantung	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

Jadual
6

Pemberhentian lesen wakil

Aktiviti dikawal selia	Berurus niaga sekuriti		Berurus niaga derivatif		Pengurusan dana		Nasihat kewangan korporat		Nasihat pelaburan		Perancangan kewangan	
	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020	2021	2020
Ditamatkan*	365	338	52	69	84	76	138	68	45	49	76	66
Dibatalkan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Digantung	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-

*Mengikut aktiviti dikawal selia.


PENGUATKUASAAN

Pada 2021, SC menyemak pelbagai pelanggaran undang-undang sekuriti bagi tujuan tindakan penguatkuasaan, yang timbul daripada pemantauan aktif, penyeliaan dan aduan yang diterima. Lebih

daripada 40% kes yang disemak untuk tindakan penguatkuasaan berkaitan dengan penipuan sekuriti, pelanggaran penzahiran dan aktiviti sejajar dengan keutamaan penguatkuasaan SC (Carta 1).

Carta
1

Jumlah rujukan mengikut jenis kesalahan



Nota:

~Selain daripada Garis Panduan SC yang dinyatakan dalam Carta 1.

^Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia.

*Selain daripada pelanggaran penzahiran.

**Garis Panduan Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan bagi Pengantara Pasaran Modal.


***Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991.

Jumlah siasatan aktif setakat 31 Disember 2021 adalah 46. SC terus menumpukan sebilangan besar sumber untuk menjalankan siasatan berkaitan dengan kesalahan penipuan sekuriti dan manipulasi pasaran, manakala siasatan terhadap salah laku korporat muncul sebagai peratus siasatan aktif kedua tertinggi yang dijalankan pada 2021 (Carta 2).

Pada 2021, SC memuktamadkan 22 penyiasatan. Selaras dengan keutamaan penguatkuasaan SC, lebih daripada 55% daripada penyiasatan diselesaikan pada 2021 berkaitan dengan aktiviti tidak berlesen dan penipuan sekuriti. Salah laku korporat, yang merangkumi 14% daripada jumlah penyiasatan yang lengkap, termasuk pelanggaran penzahiran berkaitan undang-undang sekuriti yang merupakan salah satu keutamaan penguatkuasaan SC pada 2021 (Carta 3).

Carta
2

Siasatan aktif mengikut jenis kesalahan




Nota:

* Termasuk pelanggaran penzahiran berkaitan dengan undang-undang sekuriti.

Carta
3

Siasatan yang dimuktamadkan mengikut jenis kesalahan



Nota:

* Termasuk pelanggaran penzahiran berkaitan dengan undang-undang sekuriti.


** Berkaitan pelanggaran undang-undang sekuriti lain.

Perkara utama dalam proses siasatan adalah pengumpulan dokumen dan bukti lisan. Pegawai Penyiasat SC diberi kuasa penyiasatan di bawah *Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993* (SCMA) untuk memudah cara pengumpulan bukti.

Tahun ini SC telah meneliti 109 kotak dokumen dan peranti digital untuk mengumpul maklumat yang berkaitan. Pasukan forensik digital SC pula secara berasingan telah menyemak dan memperoleh bukti digital daripada 72 peranti digital dan 138 sumber dalam talian.

Pada 2021, Pegawai Penyiasat SC merakam keterangan saksi daripada 142 individu. 65% daripada keterangan tersebut direkodkan daripada pelabur/pemegang akaun sekuriti, kakitangan serta pengarah/pengurusan kanan PLC (Carta 4).

Carta 4 Keterangan saksi yang direkodkan pada 2021 mengikut jenis saksi



Di samping pengumpulan bukti berdokumen dan lisan di peringkat tempatan, SC mendapatkan bantuan daripada pihak berkuasa pengawal selia asing di bawah Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala (MMoU) IOSCO mengenai Perundingan dan Kerjasama serta Pertukaran Maklumat untuk mendapatkan bukti terutamanya dokumen berkaitan dengan transaksi perbankan dan sekuriti daripada entiti asing dan pencarian individu yang dikehendaki oleh SC.

Pada 2021, SC membuat 36 permintaan untuk bantuan siasatan kepada 15 pihak berkuasa pengawal selia asing (Jadual 1). Sebagai sebahagian daripada MMoU, SC memberi bantuan kepada 3 pihak berkuasa pengawal selia asing berhubung 4 permintaan bantuan siasatan.

Jadual 1 Permintaan bantuan siasatan

Bidang kuasa	Bilangan permintaan
Singapura	7
UAE	5
Hong Kong	4
United Kingdom	3
Qatar	3
India	3
British Virgin Island	2
Sri Lanka	2
China	1
Indonesia	1
New Zealand	1
Amerika Syarikat	1
Luxembourg	1
Arab Saudi	1
Bahrain	1
Jumlah	36

TINDAKAN PENTADBIRAN

Pada 2021, sebanyak 136 jumlah sekatan pentadbiran telah dikenakan oleh SC atas pelbagai salah laku dan pelanggaran undang-undang sekuriti termasuk, penyerahan kepada SC prospektus yang mengandungi penyata kewangan yang palsu atau mengelirukan, pelanggaran Garis Panduan AML, dengan sengaja menyebabkan pengemukaan maklumat yang palsu atau mengelirukan kepada Bursa, beroperasi sebagai pasaran yang diiktiraf (bursa aset digital) tanpa berdaftar dengan SC, pelanggaran peruntukan

pengambilalihan dan percantuman dan kelewatan pengemukaan dokumen di bawah Rangka Kerja Serah dan Simpan (Rangka Kerja LOLA).

Sekatan yang dikenakan kepada pihak yang melakukan pelanggaran terdiri daripada celaan, pengeluaran kenyataan awam, dikenakan penalti dan perintah, keperluan untuk membuat pengembalian wang, dan keengganan untuk menerima atau mempertimbangkan sebarang pengemukaan kepada SC di bawah Bahagian VI CMSA (Jadual 2).

Jadual 2	Tindakan pentadbiran yang diambil pada 2021 mengikut jenis sekatan dan pihak yang melakukan pelanggaran					
	Jenis sekatan					
Pihak pelaku pelanggaran	Celaan	Kenyataan awam	Penalti	Arahan	Pengembalian wang	Keengganan untuk menerima atau mempertimbangkan sebarang pengemukaan kepada SC di bawah Bahagian VI CMSA
Individu berlesen	1	-	4	-	-	-
PLC atau syarikat memohon penyenaraian	5	-	-	-	-	-
Pengarah/pengurusan kanan PLC atau syarikat memohon penyenaraian	17	2	-	-	-	-
Individu berdaftar	4	-	4	3	-	-
Penasihat utama	-	-	-	2	-	1
Individu bertindak secara bersama	33	-	6	1	-	-
Bursa aset DAX tidak berlesen/CEO	6	-	-	5	-	-
Entiti/individu lain ¹	34	-	7	-	1	-
JUMLAH	100	2	21	11	1	1

Nota:

¹ 1 individu yang membenarkan pihak ketiga yang bukan pemilik benefisial akaun Sistem Depositori Pusat (CDS) mereka untuk menjual saham melalui akaun tersebut, 1 individu yang terlibat dalam satu tindakan, amalan atau perjalanan perniagaan yang beroperasi sebagai satu penipuan yang berkaitan dengan transaksi yang melibatkan urus niaga dalam derivatif, 5 UTC yang melaksanakan urus niaga yang tidak dibenarkan ke atas akaun unit amanah pelanggan bank tempatan dan dengan sengaja mengemukakan penyata kepada pelanggan bank tempatan yang mengandungi maklumat palsu atau mengelirukan, dan 1 entiti yang bertindak sebagai pemegang CMSL untuk aktiviti perancangan kewangan dan nasihat pelaburan yang dikawal selia.

Sepanjang 2021, penalti berjumlah RM2.865 juta dikenakan ke atas pihak-pihak berikut:

- 2 individu berdaftar kerana kelewatan mengemukakan laporan pasca penerbitan bulanan bagi program produk berstruktur;
- 3 pengantara berlesen kerana kelewatan mengemukakan laporan pelaburan bulanan dana borong;
- 2 individu berdaftar kerana kelewatan mengemukakan notis pasca penerbitan kepada SC bagi pihak penerbit bon korporat/sukuk;
- 3 UTC kerana melaksanakan urus niaga yang tidak dibenarkan ke atas akaun unit amanah pelanggan bank tempatan dan dengan sengaja mengemukakan penyata yang mengandungi maklumat palsu atau mengelirukan kepada pelanggan bank tempatan;
- 2 UTC kerana melaksanakan urus niaga yang tidak dibenarkan ke atas akaun unit amanah pelanggan bank tempatan, melakukan pemalsuan tanda tangan pelanggan dalam dokumen yang dikemukakan kepada bank tempatan dan bekas kakitangan bank tempatan, dan dengan sengaja memberikan penyata yang mengandungi maklumat palsu atau mengelirukan kepada pelanggan bank tempatan;
- 1 individu kerana membenarkan pihak ketiga yang bukan pemilik benefisial akaun Sistem Depositori Pusat untuk menjual saham melalui akaun tersebut;
- 1 individu kerana terlibat dalam satu tindakan, amalan atau perjalanan perniagaan yang beroperasi sebagai satu penipuan yang berkaitan dengan transaksi yang melibatkan urus niaga dalam derivatif dengan mempengaruhi mangsa untuk memindahkan wang yang kononnya untuk deposit margin ke akaun individu tersebut dan terlibat dalam dan memegang kepentingan dalam perniagaan lain tanpa mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada majikannya; dan
- 1 pengantara berlesen kerana kegagalan untuk menjalankan ketekunan wajar berterusan dan meneliti pelanggannya sepanjang perhubungan perniagaan mereka dan kegagalan untuk mengklasifikasikan semula pelanggannya sebagai berisiko lebih tinggi dan membuat laporan mengenai transaksi yang mencurigakan kepada pihak berkuasa yang berkaitan;
- 1 individu dan 2 kumpulan individu yang bertindak secara bersama kerana mencetuskan obligasi tawaran mandatori dalam 3 syarikat yang berasingan; dan
- 3 individu yang bertindak secara bersama dengan seorang pemberi tawaran, menjual saham yang dipegang oleh syarikat penerima tawaran dalam tempoh tawaran, tanpa mendapatkan kebenaran SC terlebih dahulu.

NOTIS PELANGGARAN

Selain daripada tindakan pentadbiran di bawah kuasa berkanunnya, SC juga menggunakan instrumen penguatkuasaan bukan statutori lain ketika melaksanakan fungsi pemantauan, pengawalan dan pengawasannya.

Notis pelanggaran dikeluarkan apabila pelanggaran undang-undang atau garis panduan sekuriti yang dikesan tidak memerlukan tindakan penguatkuasaan rasmi, atau penganan tindakan pentadbiran.

Notis pelanggaran yang dikeluarkan oleh SC meliputi yang berikut:

- **Surat penyeliaan yang melibatkan pelanggaran** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawasan atau pemeriksaan yang dijalankan di bawah seksyen 126 SCMA.
- **Surat amaran** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawalan SC seperti penerbitan lesen, kelulusan cadangan korporat dan semakan ke atas prospektus. Surat amaran boleh dikeluarkan kepada individu berlesen, berdaftar atau profesional atau pakar lain.
- **Surat ketidakpatuhan** – dikeluarkan menurut pelaksanaan fungsi pengawalan SC bagi pelanggaran kecil.

- **Surat penghentian operasi** – dikeluarkan untuk menghentikan atau mencegah pelanggaran undang-undang sekuriti. Surat henti operasi boleh dikeluarkan kepada individu yang melakukan atau hendak melakukan perbuatan pelanggaran. Kegagalan mematuhi perintah henti operasi boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan rasmi oleh SC.

Pada 2021, sejumlah 133 notis pelanggaran dikeluarkan oleh SC seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 3	Jenis notis pelanggaran
Jenis notis pelanggaran	Jumlah
Surat penyeliaan membabitkan pelanggaran	41
Surat amaran	22
Surat ketidakpatuhan	42
Surat henti operasi	28
JUMLAH	133

KES MAHKAMAH YANG SEDANG BERJALAN PADA 2021

Pada 2021, terdapat 31 kes yang masih berjalan di pelbagai peringkat mahkamah dari Mahkamah Sesyen sehingga Mahkamah Rayuan yang melibatkan 52 individu (Jadual 4).

Jadual 4	Kes yang masih berjalan di mahkamah	
Mahkamah	Bilangan kes	Bilangan individu
Mahkamah Sesyen (Jenayah)	10	20
Mahkamah Tinggi (Jenayah)	5	7
Mahkamah Rayuan (Jenayah)	4	6
Mahkamah Tinggi (Sivil)	9	16
Mahkamah Rayuan (Sivil)	3	3
JUMLAH	31	52


Dari segi jenis kes-kes tersebut, (22%) adalah berkaitan salah laku korporat, (32%) berkaitan dagangan orang dalam, (10%) berkaitan penipuan sekuriti, (10%) berkaitan manipulasi pasaran, (10%) berkaitan aktiviti tidak berlesen dan (16%) berkaitan AMLATFPUAA (Jadual 5 dan Carta 5).

Jadual 5	Pecahan jenis kesalahan mengikut bilangan kes dan individu	
Jenis Kesalahan	Bilangan kes	Bilangan individu
Salah laku korporat*	7	17
Dagangan orang dalam	10	13
Penipuan Sekuriti	3	5
Manipulasi pasaran	3	6
Aktiviti tidak berlesen	3	4
AMLATFPUAA	5	7
JUMLAH	31	52

Nota:

* Termasuk pelanggaran penzahiran dan pemalsuan di bawah undang-undang sekuriti.

Carta 5	Pecahan jenis kes mengikut peratusan
------------	--------------------------------------



Nota:

* Termasuk pelanggaran penzahiran dan pemalsuan di bawah undang-undang sekuriti.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN SIVIL PADA 2021

Pada 2021, SC memulakan tindakan penguatkuasaan sivil terhadap 10 individu. Sebanyak RM4,962,565.81 diperolehi daripada 10 individu melalui penyelesaian kawal selia manakala RM2,690,741.42 lagi diperolehi melalui persetujuan kehakiman daripada 8 individu. Di samping itu, SC juga berjaya dalam saman sivil yang difailkan pada 2013 di mana Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan 6 defendan untuk membayar pemulangan wang berjumlah RM13,352,250.00 di atas peranan mereka dalam skim Pelaburan Deposit Euro (EDI) dan aset defendan dijejaki dan dibayar kepada SC untuk dipulangkan kepada pelabur EDI. Pembayaran penalti sivil berjumlah RM2.5 juta turut diperolehi oleh SC pada 2021.

Pada 31 Disember 2021, sejumlah RM2,741,864.85 telah dipulangkan kepada 721 pelabur. Sebanyak RM1,601,388.79 lagi telah diasingkan untuk pemulangan seterusnya melibatkan 501 pelabur. Melalui tindakan penguatkuasaan sivil SC, 5 individu telah dihalang daripada menjalankan dagangan di bursa saham manakala 7 individu dilarang menjadi pengarah syarikat awam tersenarai.



[Baca seterusnya mengenai tindakan penguatkuasaan sivil SC](#)

TINDAKAN KES JENAYAH PADA 2021

Pada 2021, SC mendakwa 6 individu dan 1 PLC dengan 10 pertuduhan jenayah berkaitan dengan pelbagai kesalahan seperti salah laku korporat dan aktiviti tidak berlesen. Di samping itu, SC bersama dengan Pejabat Peguam Negara memfailkan permohonan untuk merampas aset di bawah AMLATFPUAA terhadap syarikat swasta dan seorang individu untuk mendapatkan kembali hartanah yang dirampas yang bernilai jutaan ringgit berhubung beberapa skim untuk menipu Bright Packaging Industry Bhd (BPI) berhubung dengan penjualan sekuriti melalui terbitan hak, penempatan tertutup dan ESOS.

Pada 2021 juga, SC berjaya memperoleh sabitan terhadap 3 individu yang terlibat dalam pelbagai pelanggaran undang-undang sekuriti seperti dagangan orang dalam, penzahiran kewangan palsu, dan kegagalan untuk hadir di hadapan pegawai penyiasat SC berhubung dengan siasatan di bawah AMLATFPUAA.

Hukuman yang dijatuhkan melalui sabitan-sabitan ini merangkumi hukuman penjara 1 hari dan denda berjumlah RM7,575,000.



[Baca seterusnya mengenai tindakan penguatkuasaan jenayah SC](#)

INISIATIF PEMERKASAAN PELABUR

Pada 2021, SC masih memberi tumpuan kepada sesi dalam talian atau secara maya, media digital dan televisyen sebagai kaedah untuk terus mendekati orang ramai dengan inisiatif pendidikan pelaburnya.

VIRTUAL INVESTSMART® FEST 2021



Pada Oktober 2021, InvestSmart® menganjurkan InvestSmart® Fest kelapan yang dianjurkan secara maya buat kali kedua berturut-turut. InvestSmart® Fest 2021 Secara Maya (Virtual ISF2021) dengan tema, “#JagaDiri #JagaPelaburan” turut dianjurkan sempena Minggu Pelabur Sedunia IOSCO 2021 serta menyokong Bulan Literasi Kewangan 2021 Jaringan Pendidikan Kewangan (FEN).



Virtual ISF2021 menarik sejumlah 4,625 peserta dan melibatkan lebih 50 reruai maya yang terdiri daripada institusi pasaran modal, persatuan, peserta industri dan agensi yang berkaitan. Pempamer tersebut mengetengahkan produk dan perkhidmatan pasaran modal termasuk saham, bon, unit amanah, PRS, ETF, ECF, pembiayaan P2P, DIM dan DAX.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, lebih 450 sesi perancangan kewangan bersemuka dengan perancang kewangan berlesen ditawarkan secara percuma kepada orang ramai di kaunter perkhidmatan perancangan kewangan #FinPlan4U Maya selama seminggu dari 4 - 10 Oktober 2021.

Menjelang Virtual ISF2021, InvestSmart® turut menganjurkan Pertandingan Pidato Umum Belia InvestSmart® bagi individu berumur antara 15 hingga 30 tahun. Pertandingan tersebut meliputi topik celik kewangan, pelaburan, perancangan kewangan serta kesedaran anti skim penipuan. Pusingan akhir pertandingan berlangsung semasa Virtual ISF2021.



Inisiatif Pencegahan Skim Penipuan

Scambuster Treasure Hunt 2021 Secara Maya

Inisiatif ScamBuster untuk menggalakkan dan memperkukuh mesej pencegahan skim penipuan anjuran SC telah diadakan secara maya buat kali pertama sejak pandemik Covid-19, bersempena dengan Virtual ISF2021. Acara tersebut berlangsung pada 10 Oktober 2021, menarik sejumlah 219 peserta. Semua hasil yang diperolehi daripada acara tersebut disalurkan kepada SC Heart, yang merupakan inisiatif tanggungjawab sosial dan aktiviti amal SC.



Kempen #taknakscam Facebook Malaysia

SC mengambil bahagian dalam kempen #taknakscam Facebook Malaysia, yang dilancarkan pada 16 Julai 2021 dan berlangsung selama 3 bulan. Kempen tersebut mengingatkan orang ramai tentang 3 langkah mudah "Spot, Check, Report" atau "Kenal Pasti, Semak, Laporkan" agar terus berwaspada dalam mengenal pasti, mengesahkan dan melaporkan penipuan kewangan. Pelbagai infografik disediakan oleh Facebook Malaysia, dan disiarkan di platform media sosial InvestSmart®. Rakan kongsi lain dalam kempen tersebut ialah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, PDRM, Bursa Malaysia, SKMM, Cybersecurity Malaysia, Persatuan Bank-Bank Malaysia, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia dan Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Untuk Pengguna Malaysia.



Poster Anti Skim Penipuan InvestSmart®

InvestSmart® menggunakan slot iklan buletin dalam talian PDRM dan Persatuan Kewangan Universiti Malaya untuk menggalakkan mesej anti skim penipuan kepada komuniti PDRM dan UM. Melalui poster tersebut, InvestSmart® dapat mendekati lebih 20,000 orang.



Video Anti Skim Penipuan

Sebuah video pendek diterbitkan untuk memberi peringatan kepada orang ramai agar berhati-hati dengan peluang pelaburan yang ditawarkan di platform media sosial. Video tersebut memperoleh lebih 46,000 tontonan di semua platform media sosial dan saluran YouTube InvestSmart®.



Hantaran mengenai kesedaran anti skim penipuan di platform media sosial InvestSmart®



InvestSmart® terus memanfaatkan platform media sosialnya, iaitu Facebook, Instagram, dan Twitter untuk meningkatkan kesedaran pencegahan skim penipuan. Ini termasuk memberi peringatan kepada orang ramai mengenai kemasukan baharu dan kemas kini kepada Senarai Peringatan Pelabur SC.

Pengumuman Khidmat Masyarakat di Semua Saluran TV dan Radio



SC meneruskan kerjasama dengan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk meningkatkan celik pelaburan dan mesej kesedaran anti skim penipuan di seluruh negara.

Video kesedaran anti skim penipuan InvestSmart® dalam 3 bahagian yang bertajuk 'Silap Labor Duit Lebur' telah disiarkan di televisyen di semua stesen TV tempatan selama 3 bulan dari 1 Januari 2021 hingga 31 Mac 2021.

Pendidikan InvestSmart®

Program Literasi Digital untuk Warga Emas

Program Literasi Digital untuk Warga Emas telah dilancarkan pada Disember 2020 untuk memberi kesedaran dan mencapai keterangkuman kewangan digital, sesi webinar bulanan secara percuma dianjurkan yang terbuka kepada mereka yang berumur 55 tahun dan ke atas. Sehubungan itu, 12 webinar telah diadakan sepanjang tahun 2021 yang dihadiri seramai 880 peserta. Webinar tersebut telah dirakam dan dimuat naik ke saluran YouTube InvestSmart® untuk mendekati lebih ramai penonton.



InvestSmart® Online Series Webinars

Bermula Januari 2021, webinar bulanan secara percuma telah dianjurkan untuk memberi pengetahuan tentang asas produk dan perkhidmatan pasaran modal kepada orang ramai. Webinar tersebut bukan sekadar memberikan pengetahuan tentang produk dan perkhidmatan tetapi juga membimbing mereka tentang kaedah dan tempat untuk melabur termasuk secara dalam talian. Seramai 1,281 peserta telah menghadiri 12 webinar yang dijalankan sepanjang 2021. Webinar ini telah dirakam dan dimuat naik ke saluran YouTube InvestSmart® untuk mendekati lebih ramai penonton.



Minggu Wang Global OECD/INFE 2021

Minggu Wang Global 2021, yang dianjurkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi/ Jaringan Antarabangsa mengenai Pendidikan Kewangan (OECD/INFE), telah dianjurkan dari 22 hingga 28 Mac 2021, dengan tema '*Take care of yourself, take care of your money*'. Bersempena dengan ini, InvestSmart® telah menganjurkan webinar pada 23 Mac 2021 untuk mendidik orang ramai tentang kepentingan menabung dan membuat pelaburan pada peringkat awal kehidupan mereka. Sasaran webinar tersebut ialah pelajar institusi pengajian tinggi. Oleh itu, SC bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk mendapatkan penyertaan pelajar dari universiti awam dan swasta, politeknik dan kolej komuniti. Webinar tersebut menampilkan penceramah daripada Raiz Malaysia Sdn Bhd, sebuah entiti pengurusan pelaburan digital (DIM) yang berlesen dengan SC. Webinar tersebut dihadiri oleh 117 peserta.



Selain itu, hantaran media sosial khusus yang selari dengan tema juga dipaparkan di Facebook, Instagram dan Twitter InvestSmart® sepanjang minggu dari 22 hingga 28 Mac 2021.



InvestSmart® @ 8TV Money Matters

InvestSmart® telah dijemput ke sesi temu bual dalam program Money Matters 8TV, sebuah program TV popular berbahasa Mandarin mengenai pendidikan pelabur, untuk membincangkan mengenai penasihat pelaburan tidak berlesen. Program tersebut disiarkan pada 5 Mac 2021. Dalam sesi tersebut, InvestSmart® mengingatkan para pelabur agar tidak terlibat dengan entiti atau individu pelaburan tidak berlesen termasuk penasihat pelaburan tidak berlesen dan masalah yang mungkin dihadapi sekiranya berurusan dengan pihak tidak berlesen.

Hantaran media sosial InvestSmart® di Facebook, Instagram dan Twitter

InvestSmart® terus memanfaatkan sepenuhnya platform media sosial untuk mengingatkan orang ramai dengan maklumat bersaiz kecil untuk mendedahkan kepada mereka dengan lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan pasaran modal. Hantaran media sosial dalam pelbagai bahasa dilakukan di Facebook, Instagram dan Twitter InvestSmart® yang mempunyai lebih daripada 70,000 pengikut.



ACARA KOLABORASI

Di samping inisiatif di atas, SC dan InvestSmart® juga mengambil bahagian dalam acara usaha sama yang dianjurkan oleh agensi/institusi lain. Acara tersebut ialah:

Minggu Pelabur Sedunia IOSCO 2021 (4 – 10 Oktober 2021)

SC juga mengambil bahagian sebagai penceramah dalam webinar serantau yang telah dirakamkan terlebih dahulu sempena Minggu Pelabur Sedunia IOSCO 2021 yang diadakan dari 4 hingga 10 Oktober 2021.



Webinar serantau yang melibatkan penceramah daripada Majlis Pendidikan Pelabur dan Kewangan Hong Kong, Lembaga Sekuriti dan Bursa India, dan Pihak Berkuasa Kewangan Singapura, membincangkan pemerhatian dalam bidang kuasa masing-masing mengenai skim penipuan pelaburan, inisiatif pendidikan kewangan dan langkah lain yang diambil untuk menangani cabaran yang dihadapi dan bidang tumpuan bagi pendidikan dan perlindungan pelabur berhubung dengan penipuan dan pencegahan skim penipuan.

InvestSmart® @ Kelas Demo Akademi Arus – Celik Kewangan

InvestSmart® mengambil bahagian dalam Kelas Demo – ‘Celik Kewangan’ sempena Minggu Wang Global 2021. Ia merupakan video berdurasi 30 minit yang berfungsi sebagai alat bantu mengajar untuk para guru. Menampilkan 5 penceramah jemputan yang membincangkan pelbagai topik berdasarkan modul ‘Celik Kewangan’ untuk pelajar sekolah. InvestSmart® mengadakan sesi selama 6 minit dalam Bahasa Malaysia yang telah dirakamkan terlebih dahulu dan menjawab 3 soalan yang diberikan berkenaan topik tabungan dan pelaburan. Sesi tersebut dihadiri oleh 566 peserta.

InvestSmart® @ Personal Finance Masterclass RinggitPlus

InvestSmart® telah dijemput untuk berceramah mengenai skim penipuan pelaburan di Personal Finance Masterclass (PFM) maya RinggitPlus bertajuk ‘Helping Malaysians to be Money Smart’ pada 26 Mac 2021 sempena Minggu Wang Global 2021, dan satu lagi sesi PFM yang diadakan pada 1 April 2021, bertajuk ‘Membantu Rakyat Malaysia Menjadi Bijak Wang Memahami Penipuan Pelaburan Di Dunia Siber’. Seramai 196 peserta telah menghadiri kedua-dua sesi tersebut.

InvestSmart® @ Majlis Perancangan Kewangan Malaysia – Program My Money and Me

SC sekali lagi menyertai Program My Money and Me anjuran Majlis Perancangan Kewangan Malaysia (MFPC) secara dalam talian pada tahun 2021. MFPC menganjurkan 6 bengkel dalam talian bermula dari 27 Mac 2021, yang menyasarkan peserta di seluruh negara. Bengkel tersebut bertujuan untuk meningkatkan kepentingan perancangan kewangan dan memupuk tabiat menabung yang baik dan budaya pelaburan bijak dalam kalangan belia. InvestSmart® menyampaikan topik ‘Perkara-Perkara Asas Dalam Pelaburan & Bagaimana Mengelakkan Skim Penipuan Pelaburan’. Keenam-enam bengkel tersebut disertai oleh 3,626 peserta.



InvestSmart® @ Sembang – Sembang Amanah Saham Nasional Bhd

Amanah Saham Nasional Bhd (ASNB) telah menganjurkan siri webinar ‘Sembang-Sembang ASNB’ untuk orang ramai sejak bermulanya pandemik COVID-19 pada awal tahun 2020. InvestSmart® dijemput untuk memberi ceramah pada 2 sesi berikut yang dihadiri oleh 248 peserta:

- 16 April 2021 – ‘Scandal Penipuan Terbaru dalam Dunia Pelaburan (Anti Penipuan)’; dan
- 27 Ogos 2021 – ‘Apakah Clone Scam & Bagaimana Langkah Pencegahan?’.

InvestSmart® @ Pusat Wanita Berdaya Selangor DUN Bukit Gasing

Pada 17 Jun 2021, InvestSmart® dijemput untuk memberi ceramah bertajuk ‘Avoid Investment Scams: Learn How’. YB Rajiv Rishyakaran, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Gasing menyampaikan kata-kata aluan untuk sesi dalam talian tersebut yang dihadiri oleh 15 peserta dan turut disiarkan secara langsung di Facebook.

InvestSmart® @ Malaysia Digital Economy Corporation #SayaDigital

InvestSmart® dijemput untuk memberi ceramah di dua webinar anjuran Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) di bawah kempen ‘#SayaDigital’. Kedua-dua webinar tersebut dihadiri oleh 270 peserta:

- 21 Ogos 2021 – ‘7 Langkah Elak Jadi Mangsa Skim Penipuan Pelaburan’; dan
- 26 November 2021 – ‘Skim Penipuan Pelaburan Di Alam Siber’.



InvestSmart® @ Akademi Arus – ‘Guru Celik Kewangan Masterclass’

InvestSmart® dijemput oleh Akademi Arus sekali lagi pada 4 September 2021 untuk memberi ceramah di sesi Kelas Pakar bagi topik bertajuk ‘Silap Labur Duit Lebur’. Sesi tersebut yang disertai oleh 25 orang guru merupakan sebahagian daripada program pensijilan celik kewangan untuk para guru.

InvestSmart® @ Kesedaran Kewangan Sarawak Secara Maya 2021 Bank Negara Malaysia

Kesedaran Kewangan Sarawak Secara Maya (ViSFA) 2021 dianjurkan untuk menggalakkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai isu semasa berhubung perkhidmatan kewangan dan kesejahteraan pengguna kewangan secara keseluruhan. Pada 5 Oktober 2021, InvestSmart® dijemput untuk menjadi penceramah bagi topik ‘Skim Pelaburan Tidak Sah – Bidang Kuasa & Cabaran’. Sesi tersebut dihadiri oleh 468 peserta.

InvestSmart® @ Siri Webinar Penipuan Kewangan BNM

Satu siri webinar telah dianjurkan oleh pasukan Amaran Scam BNM dari Oktober hingga November 2021. SC dijemput untuk menjadi ahli panel bagi topik ‘Skim Cepat Kaya: Dijanjikan Keuntungan Berganda, Biarlah Berpada’. Sesi yang diadakan pada 13 Oktober 2021 tersebut dihadiri oleh 579 peserta menerusi siaran langsung Facebook Amaran Scam.

Siri Webinar Penipuan Kewangan

Soal. Sekat. Sebar

Skim Cepat Kaya: Dijanjikan Keuntungan Berganda, Biarlah Berpada

Ikuti sesi webinar ini untuk kenal, faham dan mendapat tip-tip melindungi diri daripada menjadi mangsa penipuan kewangan

Ahli Panel
Kamari Rozman Nordin
Penolong Pengurus Besar
Suruhanjaya Sekuriti

Ahli Panel
Nasrin Hashim
Timbalan Pengarah
Bank Negara Malaysia

Ahli Panel
Dr. Ahmad Rizal bin Masjan
Dekan Penyelidikan dan
Jaringan Industri
UUM, Kuala Lumpur

Rabu, 13 Okt. 2021
8:30 m.m. - 9:30 m.m.
FB LIVE Amaran Scam
RSVP : <https://fb.me/e/1Mfa05TES>

Hadiah menarik menanti anda

FEN, BANK NEGARA MALAYSIA, AMARAN SCAM

InvestSmart® @ Persidangan Tahunan 2021 Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia

Konvensyen Tahunan Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia (FIMM) merupakan acara utama FIMM di mana perunding UTS dan PRS, ahli industri pengurusan pelaburan dan orang ramai berkumpul untuk berkongsi, mempelajari dan membincangkan topik yang memberi impak bagi seluruh industri pengurusan dana. InvestSmart® dijemput untuk memberikan ceramah bagi topik ‘Ketahui Hak Anda Sebagai Pelabur’. Sesi yang diadakan secara dalam talian tersebut dihadiri oleh 650 peserta.

InvestSmart® @ Amazing Seniors anjuran Hire Seniors

Amazing Seniors merupakan satu platform yang memudahkan perhubungan dan komunikasi antara individu berumur 50 tahun dan ke atas, menyediakan semua perkara yang relevan dan diperlukan untuk memenuhi keperluan dan minat mereka. Hire Seniors, sebuah syarikat sosial yang menumpukan untuk menghubungkan profesional yang matang dan berpengalaman, warga emas dan pesara dengan pekerjaan yang sesuai bersama syarikat yang memerlukan bakat dan pengalaman, melancarkan platform tersebut melalui acara yang diadakan selama tiga hari bertemakan ‘Hidup Bermula pada 50’. InvestSmart® dijemput untuk memberi ceramah mengenai ‘Skim Penipuan Pelaburan: Ketahui Caranya’ pada 12 November 2021. Sesi tersebut dihadiri oleh 190 peserta.

AMAZING SENIORS

LIFE BEGINS AT 50

zoom 2pm-5pm | 12.11.2021

How to protect your sight while getting wiser
Dr. Wilson Wong
Tah Mohsen Chin Eye Hospital (HOKAN)
2.00PM

Avoid Investment Scams: Learn How
Jeanette George
Securities Commission Malaysia
4.00PM

Positive Aging Through Healthy Joints
Dr. Suhail Suresh
Surabaya Medical Centre
3.00PM

Common eyelid problems in elderly & Age-related macula degeneration
Dr. Tai Lai Yung / Dr. Wong Hon Seng
Ocular Eye Specialist
5.00PM

Lucky Draw
WORTH UP TO
RM 10,000

REGISTER NOW
<https://amazingseniors.my/events/1>

Jaringan Pendidikan Kewangan

Webinar FEN untuk Pengetua dan Guru Besar Sekolah

SC mengetuai Sekretariat FEN untuk menganjurkan satu siri webinar celik kewangan untuk pengetua dan guru besar sekolah di Malaysia. Siri webinar tersebut dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Institut Aminuddin Baki (IAB), yang merupakan institut latihan bagi pengetua dan guru besar sekolah.

SC memulakan siri webinar pada 7 September 2021 dengan topik 'Skim Penipuan Pelaburan Terkini dan Langkah untuk Menjadi Pelabur Bijak'. SC kemudiannya menganjurkan 2 lagi webinar pada 27 Oktober 2021 dan 25 November 2021 bersama-sama penceramah dari BNM dan AKPK. SC mengambil peluang untuk berkongsi mesej kesedaran pencegahan skim penipuan kepada para peserta di kedua-dua webinar tersebut. Ketiga-tiga webinar tersebut disertai oleh 1,688 pengetua dan guru besar sekolah secara langsung melalui Zoom dan YouTube.



Bulan Literasi Kewangan 2021

FLM 2021 sekali lagi dianjurkan sepanjang bulan Oktober 2021 dengan tema 'Tentukan Hala Tuju Kewangan Anda: Jaga Diri dan Bertindak dengan Bijak'. Pada 7 Oktober 2021, SC sebagai Pengerusi Bersama FEN muncul dalam rancangan Malaysia Hari Ini TV3 untuk memberikan kesedaran tentang FLM 2021 dan berkongsi maklumat tentang inisiatif yang dirancang pada bulan tersebut. FLM 2021 telah dilancarkan oleh Menteri Kewangan, YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz.



SC juga mengambil bahagian dalam FLM 2021 FINALE yang diterajui oleh BNM. FLM 2021 FINALE merupakan acara secara maya selama 3 hari yang dianjurkan dari 29 hingga 31 Oktober 2021 dan menarik 8,202 penyertaan. Pelbagai inisiatif mengenai topik pendidikan kewangan terkini, daripada pengurusan dan perancangan kewangan, perlindungan dan penipuan kewangan telah dibincangkan semasa acara tersebut berlangsung. Terdapat lebih 40 pempamer dan khidmat nasihat daripada pelbagai agensi. SC mengendalikan reruai secara maya dan berinteraksi dengan 1,281 pelawat.

ADUAN DAN PERTANYAAN

Pada 2021, SC menerima sejumlah:

1,857
Aduan

3,464
Pertanyaan


Jadual
1

Aduan dan pertanyaan

Jenis	2021	2020	2019
Aduan	1,857	1,482	821
Pertanyaan	3,464	2,193	1,336


Carta
1

Klasifikasi aduan



Carta
2

Klasifikasi pertanyaan



SUMBER MANUSIA

Memasuki tahun kedua menelusuri normal baharu, SC lebih bersedia untuk bertindak balas dengan cepat dan wajar terhadap pelbagai perubahan yang berlaku pada 2021. Walaupun tahun ini mencabar dengan aturan kerja secara jauh yang dilanjutkan, SC terus menerajui pelbagai inisiatif untuk membantu dan menyokong warga kerjanya. Paras amalan sumber manusia telah dinaikkan dan diuji. Ini menegaskan semula strategi SC, sejajar dengan fungsi teras untuk berkhidmat, membangunkan dan mengekalkan sumber manusia SC. Ketangkasan merupakan salah satu keupayaan yang diperlukan agar dapat menyesuaikan diri dengan pantas terhadap perubahan yang berlaku dalam pasaran.

Salah satu kesan terbesar pandemik adalah interaksi sesama manusia (secara bersemuka) berkurangan apabila model kerja secara hibrid diamalkan. Untuk memastikan asimilasi dan penyepaduan semula dalam kalangan warga kerja, SC membangunkan dan melaksanakan pelbagai dasar, program dan prosedur yang diubah suai. Ini termasuk menetapkan aturan kerja dari jarak jauh dengan keutamaan untuk memelihara keselamatan kakitangan. Pada masa yang sama, urusan kerja HR secara automatik dipertingkatkan lagi untuk mengurus transaksi kritikal HR melalui sistem aturan kerja dalam talian. SC juga mendigitalkan beberapa proses dan sistem kerja untuk membolehkan kesinambungan operasi secara menyeluruh. Intervensi pembelajaran secara maya dijalankan untuk meningkatkan kemahiran profesional dan untuk mengasah lagi set kemahiran model pengawal selia.

PENGAMBILAN DAN PENGURUSAN BAKAT

Sesi pengambilan dan kemasukan warga kerja telah dijalankan secara maya dan instrumen penilaian berasaskan web digunakan secara meluas. Inisiatif ini memastikan kesinambungan sumber manusia dan ia berhasil dengan pengambilan 104 calon, yang mana 86 merupakan kakitangan berpengalaman dan 18 Eksekutif Pengurusan Siswazah (termasuk 6 penerima biasiswa yang diambil selepas menamatkan pengajian mereka).

Di samping itu, warga kerja yang layak telah diiktiraf dengan peluang kemajuan kerjaya, yang membuktikan bahawa SC mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada prestasi terbaik yang ditunjukkan oleh warga kerja.

SC juga terus memberi peluang kepada siswazah yang baru menamatkan pengajian untuk memperolehi pengetahuan dan pengalaman bekerja dalam persekitaran kawal selia. Seramai 30 mahasiswa berjaya menamatkan latihan amali mereka pada 2021.

Dalam meneruskan inisiatif pengurusan bakat SC, 8 orang kakitangan telah menjalani program peminjaman atau sangkutan kerja untuk memperoleh pembelajaran yang lebih baik, meluaskan pengalaman kerja dan menerapkan perkongsian pengetahuan. SC juga menjadi hos kepada seorang pegawai daripada agensi penguatkuasaan di bawah program sangkutan kerja kawal selia.

Dalam proses menyesuaikan diri dengan norma baharu pembelajaran dan pembangunan secara dalam talian, 99% daripada warga kerja SC menghadiri pelbagai program daripada bengkel hingga seminar dan persidangan. Ini menunjukkan bahawa warga kerja kami dapat menyesuaikan diri dengan kehendak dan keperluan untuk melengkapkan diri mereka secara berterusan dengan kemahiran dan pengetahuan digital yang relevan untuk menghadapi landskap alam pekerjaan yang semakin berubah. Memandangkan keperluan terhadap teknologi digital, SC memperkenalkan Kurikulum Digital di mana warga kerja dikehendaki melengkapkan 7 modul - 6 bagi kumpulan eksekutif dan ke atas, dan 1 bagi warga kerja bukan eksekutif. Komponen kurikulum adalah berkaitan bidang seperti analisis data, aset digital, fintech, RegTech, SupTech dan inisiatif digital SC.

Setelah menangguhkan Anugerah Biasiswa SC selama 2 tahun, proses pemilihan dimulakan semula dengan pendekatan yang bersasar, menumpukan kepada keperluan kemahiran khusus untuk membina tenaga kerja pengawal selia yang bersedia untuk masa hadapan. Bagi tahun 2021, 10 pelajar berpotensi tinggi akan diberikan biasiswa menjelang suku pertama 2022.

KEPELBAGAIAN JANTINA

BILANGAN KAKITANGAN

788

(Setakat 31 Disember 2021)

JANTINA



LELAKI

46.1%



WANITA

53.9%


KATEGORI KAKITANGAN

■ Lelaki ■ Wanita

1.7% Pengurusan Tertinggi



32.9% Pengurusan Pertengahan




43.7% Eksekutif




21.7% Sokongan



TAHUN PERKHIDMATAN



KUMPULAN UMUR KAKITANGAN



AKRONIM DAN SINGKATAN

1MDB	1Malaysia Development Bhd
AANZFTA	Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand
ABMS	Sistem Pengurusan Anti Rasuah
ACMF	Forum Pasaran Modal ASEAN
AE	ekonomi maju
AMCS	Jawatankuasa Perakaunan, Pasaran dan Pengawasan Korporat
AML	Anti-Pengubahan Wang Haram
AMLATFPUAA	<i>Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001</i>
AOB	Lembaga Pemantauan Audit
APEC	Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik
ASEAN	Persatuan Negara-negara Asia Tenggara
AUM	aset bawah pengurusan
BCMS	Sistem Pengurusan Kesyinambungan Perniagaan
BMD	Bursa Malaysia Derivatif
BNM	Bank Negara Malaysia
Bursa Malaysia	Bursa Malaysia Sekuriti Bhd
CCOB	Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna
CDS	Sistem Depositori Pusat
CFA	penganalisis kewangan bertauliah
CFD	kontrak untuk perbezaan
CG	tadbir urus korporat
CIS	pelaburan kolektif
CMDF	Dana Pembangunan Pasaran Modal
CMM	Pasaran Modal Malaysia
CMP3	<i>Pelan Induk Pasaran Modal 3</i>
CMSA	<i>Akta Perkhidmatan Pasaran Modal 2007</i>
CMSL	Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal
CMSP Guidelines	<i>Garis Panduan Pendaftaran dan Tatakelakuan Penyedia Perkhidmatan Pasaran Modal</i>
CMSRL	Lesen Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal
COP26	Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-26 (PBB)
DAX	bursa aset digital
DEX	bursa tidak berpusat
DF	forensik digital
DFI	Institusi Kewangan Pembangunan
DIM	pengurusan pelaburan digital
ECF	pendanaan ramai ekuiti
EME	ekonomi pasaran baharu muncul
ERM	pengurusan risiko perniagaan
ERMC	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Eksekutif
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
ETF	dana dagangan bursa

FEN	Rangkaian Pendidikan Kewangan
FEPO	Niaga Hadapan Minyak Sawit Mentah
FI	institusi kewangan
FIKRA	Program Pemecut Fintech Islam
FIMM	Persekutuan Pengurus Pelaburan Malaysia
Fintech	teknologi kewangan
FMC	syarikat pengurusan dana
FMG	kontrak niaga hadapan sekuriti kerajaan Malaysia
FPKO	Niaga Hadapan Minyak Isirung Sawit Mentah
FSI	Indeks Tekanan Kewangan
GLIC	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
HNWE	entiti bernilai tinggi
HNWI	individu yang bernilai tinggi
ICDM	Institut Pengarah Korporat Malaysia
ICM	pasaran modal Islam
IEO	tawaran bursa awal
IESBA	Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan
IFRS	Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa
IIC	Majlis Pelabur Institusi
IKP	Institusi Kewangan Pembangunan
INFE	Rangkaian Pendidikan Kewangan Antarabangsa
INTAN	Institut Tadbiran Awam Negara
IOSCO	Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa
IPO	tawaran awam awal
IWG	Kumpulan Kerja Industri
JAR	Jawatankuasa Anti-Rasuah
JC3	Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim
KDNK	keluaran dalam negara kasar
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
Labuan FSA	Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
Rangka kerja LOLA	Rangka Kerja Serah dan Simpan
MCCG	<i>Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia</i>
MCII	<i>Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi</i>
MDEC	Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia
MFPC	Majlis Perancangan Kewangan Malaysia
MFRS	Pelaporan Kewangan Malaysia
MGS	sekuriti kerajaan Malaysia
MGTC	Pusat Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MMoU	memorandum persefahaman pelbagai hala
MOF	Kementerian Kewangan
MoU	memorandum persefahaman
MPS	Majlis Penasihat Syariah
MyCAC	Majlis Tindakan Perubahan Iklim
MyCIF	Dana Pelaburan Bersama Malaysia
NACP	Pelan Anti Rasuah Nasional
NAV	nilai aset bersih
NIA	Aspirasi Pelaburan Nasional
OACP	<i>Pelan Antirasuah Organisasi</i>
OCIS	Pusat Pengajian Islam Oxford
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
Pembiayaan P2P	Pembiayaan antara rakan setara

PA	Penasihat Utama
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PE	ekuiti swasta
PEC	syarikat ekuiti swasta
PEMC	pengurusan ekuiti swasta
PENJANA	<i>Pelan Pemulihan Ekonomi Negara</i>
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PERKUKUH	Inisiatif Perkukuh Pelaburan Rakyat
PKP	perintah kawalan pergerakan
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana
PLC	syarikat awam tersenarai
PRS	skim persaraan swasta
q-o-q	suku ke suku
RegTech	kawal selia teknologi
REIT	amanah pelaburan hartanah
RMO	pengendali pasaran yang diiktiraf
Garis Panduan RMO	<i>Garis Panduan Mengenai Pasaran yang Diiktiraf</i>
RSS	jualan singkat dikawal selia
RTO	pengambilalihan akas
SC	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SCMA	<i>Akta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 1993</i>
SCxSC	Persidangan Tahunan Fintech SC
SICDA	<i>Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991</i>
SIDC	Securities Industry Development Corporation
SIDREC	Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SPAC	Syarikat Pemerolehan Tujuan Khas
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SRI	pelaburan mampan dan bertanggungjawab
SRO	organisasi kawal selia sendiri
SROC	Jawatankuasa Pemantauan Risiko Sistemik
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
STF	Pasukan Petugas Khas
SupTech	teknologi penyeliaan
Garis Panduan TFS-PS	<i>Garis Panduan Sekatan Kewangan Bersasar Terhadap Pembiayaan Percambahan Pengantara Pasaran Modal</i>
UK	United Kingdom
UNCDF	Dana Pembangunan Modal Bangsa-Bangsa Bersatu
UPB	urus niaga pihak berkaitan
UTF	dana unit amanah
UTS	skim unit amanah
VC	modal teroka
VCC	syarikat modal teroka
VCMC	syarikat pengurusan modal teroka
WC-CMD	Jawatankuasa Kerja mengenai Pembangunan Pasaran Modal ASEAN
WC-FSL	Liberalisasi Perkhidmatan Kewangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja
WF	dana borong
WQ-FF	Rangka Kerja Dana Bercirikan Wakaf
y-o-y	tahun ke tahun